

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2004

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 28	(Halaman 14)
Maksud B. 29	(Halaman 24)
Maksud B. 30	(Halaman 68)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 2004

Jawatankuasa:-

Maksud P. 28	(Halaman 14)
Maksud P. 29	(Halaman 24)
Maksud P. 30	(Halaman 68)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 31)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
”	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
”	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

Yang Berhormat	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	" Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

Yang Berhormat	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

Yang Berhormat	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
“	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
“	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
“	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah

PETUGAS-PETUGAS**UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 15 Oktober 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan berapakah syarikat atau kontraktor yang dikenakan tindakan tatatertib oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sehingga bulan Ogos 2003 dan nyatakan apakah jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh syarikat atau kontraktor yang berkaitan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kontraktor yang dikenakan tindakan tatatertib oleh Pusat Khidmat Kontraktor sehingga bulan Ogos 2003 ialah 90 syarikat. Jenis

Tuan Yang di-Pertua: 90 ya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: 90. Jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh kontraktor berkaitan adalah seperti berikut:-

- (i) Kegagalan menyiapkan kerja;
- (ii) Kerja yang dijalankan tidak sempurna atau tidak mencapai mutu yang dikehendaki;
- (iii) Kerja yang dijalankan lewat daripada jadual; dan
- (iv) Tidak mematuhi arahan ataupun peraturan tender.

Terima kasih.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Terdapat banyak sungutan dan aduan daripada kontraktor-kontraktor Kelas F khasnya di kawasan saya dan yang berhampiran dengan adanya individu-individu yang memegang lesen Kelas F sehingga 30 lesen, yang mana mereka ini menaja termasuk menyediakan penyata akaun dan juga dalam usaha menubuhkan syarikat, sedangkan penama atau pemilik-pemilik tersebut mempunyai pekerjaan yang tetap di syarikat-syarikat swasta.

Apakah langkah ataupun pemantauan secara lebih proaktif bagi memastikan fenomena ini tidak berleluasa dan menyusahkan bagi kontraktor-kontraktor Kelas F yang benar-benar bergantung ataupun mencari makan daripada kerja-kerja kontrak? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, kalau sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat yang spesifik ataupun khusus seperti itu, saya mohon kerjasama supaya dapat disalurkan kepada pihak kami kerana kerja itu memang salah, tidak betul, ya. Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri sendiri memberikan penekanan tentang senario yang menyelubungi kontraktor-kontraktor Kelas F ini, saya akan berterima kasih banyak kalau maklumat-maklumat ini didapati, supaya kita dapat mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya mengikut aturan dan peraturan. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada PKK ini boleh menerima aduan-aduan dari subkontraktor-subkontraktor kerana kontraktor utama ini tidak membayar apa yang perlu dibayar kepada subkontraktor-subkontraktor? Ini adalah satu masalah di mana kalangan bidang pembinaan selalu menghadapi masalah-masalah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita tidak ada masalah kalau sekiranya ada kes-kes yang spesifik untuk dilaporkan kepada pihak PKK, tetapi dalam masa yang sama kegiatan-kegiatan sedemikian sepatutnya tidak berlaku kerana apa jua yang dilaksanakan oleh seseorang kontraktor itu banyak bergantung kepada urusan mereka, tetapi kita bersedia untuk mendengar dan meneliti perkara-perkara yang sedemikian.

2. Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan] minta Perdana Menteri menyatakan tentang langkah-langkah kerajaan dalam membendung dan menangani masalah rasuah di kalangan kakitangan awam dan masyarakat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil pelbagai strategi dan pendekatan khususnya dari aspek perundangan, pemeriksaan dan perundangan, pendidikan masyarakat dan pentadbiran untuk memberantas jenayah rasuah di pelbagai peringkat sama ada di sektor awam, swasta dan masyarakat umum.

Dari aspek perundangan, Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 mempunyai peruntukan-peruntukan baru yang lebih baik dan mengadakan peruntukan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah jenayah rasuah supaya usaha menangani perlakuan-perlakuan jenayah rasuah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mempunyai unsur *deterrent*.

Di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997, mereka yang disabitkan kesalahan rasuah boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun dan denda tidak kurang dari lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang mana satu lebih tinggi berbanding dengan hukuman maksimum penjara tidak lebih lima tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 dalam akta terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu BPR juga dipertanggungjawabkan dalam menguatkuasakan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001. Dari aspek pemeriksaan dan perundangan bagi menutup ruang dan peluang rasuah berlaku, BPR telah menjalankan pemeriksaan amalan sistem dan tatacara permohonan atau kelulusan lesen penjaja dan penguatkuasaan lesen penjaja iaitu 33 pihak berkuasa tempatan seluruh negara telah dijadikan sampel kajian dan pemeriksaan amalan sistem dan tatacara berhubung dengan permohonan tanah dan tukar hak milik tanah, 41 pejabat tanah seluruh negara telah dijadikan sampel kajian. Hasil kajian telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Kempen-kempen kesedaran dan aktiviti-aktiviti pendidikan masyarakat serta pencegahan rasuah turut dilaksanakan bertujuan untuk menyedarkan anggota masyarakat mengenai implikasi buruk jenayah rasuah sekali gus memantapkan integriti dan penghayatan serta pengamalan nilai-nilai murni dan mulia.

Program dan aktiviti pendidikan masyarakat serta kempen-kempen penerangan sedemikian akan dipertingkatkan dengan melibatkan lebih ramai pegawai terutama sekali di agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai dan berisiko tinggi kerana dengan memberi fokus ke atas jabatan-jabatan ini akan memberi kesan yang besar ke atas keberkesanan pencegahan rasuah dalam negara ini.

Untuk menangani gejala rasuah yang melibatkan di peringkat awal tindakan pencegahan pendidikan dan pemupukan nilai-nilai murni dilaksanakan di peringkat sekolah lagi. Ini bertujuan untuk melahirkan kesedaran di kalangan pelajar berkenaan berhubung kesan buruk dan kejinya jenayah rasuah di samping dapat memupuk nilai-nilai membenci rasuah. Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan kesedaran yang telah disemai di peringkat persekolahan akan menjadi pedoman hidup apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan kelak.

Untuk meningkatkan ketelusan dan integriti di sektor swasta, satu pakej latihan modul pengurusan integriti yang digunakan di sektor awam turut dilaksanakan dalam sektor berkenaan. Pihak Pejabat

Pendaftar Syarikat (ROC) bersama BPR terlibat dalam memberi ceramah serta penerangan kepada kira-kira 800,000 orang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Malaysian Institute of Directors di seluruh negara mengenai usaha membanteras rasuah dan meningkatkan integriti.

Pelancaran modul telah dibuat pada 17 Mei 2001 dan usaha ini sedang berjalan. Buat permulaan modul ini dimasukkan dalam pakej latihan yang dikendalikan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat dan Malaysian Institute of Directors. Terdapat enam modul dalam pakej latihan ini. Modul yang keenam bertajuk '*Economic Crimes*' akan menyentuh kesalahan-kesalahan rasuah dan peranan pengarah-pengarah syarikat untuk mencegah jenayah rasuah mengikut lunas undang-undang.

Modul ini dikendalikan bersama dengan pihak polis yang akan menyentuh aspek-aspek *commercial crimes*. Kerajaan juga dari semasa ke semasa melalui beberapa siri arahan dan pekeliling berusaha untuk mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam jentera pentadbiran kerajaan. Antaranya adalah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 mengenai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia iaitu penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Januari 1998.

Kerajaan mendapati mekanisme ini telah dapat meningkatkan kesedaran perkhidmatan awam mengenai kepentingan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam urusan pentadbiran kerajaan.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rasuah kalau berleluasa boleh menghancurkan negara. Untuk negara kita, terima kasih jawapan Timbalan Menteri. Kempen sudah, ceramah sudah, BPR pun ada ditubuhkan, tetapi gejala rasuah ini masih lagi menghantui kita di Malaysia. Baru-baru ini satu *survey* yang dibuat bahawa Malaysia jatuh di tangga 33 walaupun tidak begitu teruk, yang mana Bangladesh jatuh tempat pertama. Tetapi negara lain seperti Finland, Sweden, Singapura dan New Zealand adalah negara yang paling tidak ada rasuah.

Apakah sebenarnya ciri-ciri yang berlaku di negara tersebut yang boleh kita ikuti supaya negara Malaysia ini boleh mencontohi negara Finland, Singapura dan menghapuskan rasuah? Apakah sebab-sebab lain yang kita tidak ada ataupun yang kita ada yang menyebabkan gejala rasuah ini masih lagi berleluasa. Apakah mungkin juga gaji kakitangan kerajaan ataupun pegawai-pegawai kita ini tidak cukup makan yang menyebabkan mereka ini menerima rasuah? Saya minta penjelasan, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. *Corruption Perception Index (CPI)* yang dikeluarkan oleh Transparency International yang berpusat di Berlin, Jerman merupakan persepsi masyarakat pelabur antarabangsa terhadap permasalahan rasuah dalam sesebuah negara. Walaupun indeks tersebut meletakkan kedudukan Malaysia di tangga ke-33 daripada 102 buah negara bagi tahun 2002 dan tangga ke-37 daripada 133 buah negara bagi tahun 2003, ia bukanlah petunjuk sebenar keadaan rasuah di negara ini.

Walaupun kedudukan Malaysia dalam indeks berkenaan nampaknya telah merosot tetapi markah yang diperolehi telah meningkat daripada 4.9% kepada 5.2% dan negara yang dikaji juga telah bertambah dari 102 buah negara ke-133 negara. Daripada apa yang kita boleh belajar daripada negara-negara lain ataupun ciri-ciri yang digunakan oleh negara-negara lain umpamanya Singapura, Hong Kong, kalau kita ambil contoh Hong Kong sebagai satu negara, kalau ada sesiapa dituduh dan telah didapati bersalah di mahkamah, hukuman adalah gantung, itu adalah satu hukuman yang berat sekali dan kita mesti ada masalah ataupun masalah-masalah daripada NGO dan badan-badan *human rights*. Oleh sebab itu kita perlu kaji semula ciri-ciri dari negara-negara lain bolehkah digunakan di negara ini.

Sama ada kita boleh bayar gaji yang lebih, itu terpulang kepada negara kita kalau ekonomi tumbuh, kalau kita tidak ada banyak masalah daripada pembangkang-pembangkang, negara maju, kita mesti boleh bagi gaji yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya kerajaan kini lebih fokus kepada amalan ataupun perlakuan rasuah yang dilakukan kononnya oleh pegawai-pegawai dan kakitangan awam. Kemungkinan saya tidak menafikan bahawa wujud adanya kakitangan awam yang terlibat dengan amalan rasuah tetapi dalam hendak menangani persoalan rasuah di

kalangan pegawai dan kakitangan awam ini juga, kerajaan harus sedar bahawa ada juga pegawai dan kakitangan awam ini, Tuan Yang di-Pertua, yang bekerja dalam keadaan *stress* dan tertekan akibat daripada campur tangan politik.

Ini yang saya kira bahawa kerajaan, khususnya BPR, harus mencari jalan pendekatan untuk mengelak daripada urusan pentadbiran kerajaan ini yang dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan awam ini terhakis daripada sebarang campur tangan politik. Ini yang sedang berlaku yang menyebabkan pegawai dan kakitangan awam tidak dapat melaksanakan secara yang profesional berasaskan kepada tanggungjawab bidang tugas yang diberikan kepada mereka oleh jabatan ataupun mana-mana agensi dan kementerian kerajaan.

Jadi, ini yang berlaku yang menyebabkan saya lihat bahawa ada permasalahan kepada pegawai dan juga kakitangan kerajaan dan kemudian juga bagi saya bahawa langkah-langkah hukuman, tindakan sahaja tidak mencukupi. *[Disampuk]* Ini soalanlah ini, hendak pergi soalan. Sebab kalau kita hanya ada mekanisme dari sudut hukuman, Tuan Yang di-Pertua, ada pindaan-pindaan dan sebagainya tetapi kita tidak mengambil apa-apa tindakan yang boleh dijadikan contoh untuk menakutkan orang lain melakukan rasuah khususnya kepada kepimpinan-kepimpinan politik yang terlibat dalam kerajaan yang memerintah. Umpamanya kes saya lihat di sini, kes Menteri Besar Selangor tidak selesai sampai sekarang penyiasatan, sedangkan kes Kudus hanya mengambil masa beberapa lama, takkan Kudus seorang sahaja ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kes Kudus hanya seorang sahaja, sedangkan...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya. Itu saya hendak minta penjelasan, apa berlaku dalam kes yang melibatkan Menteri Besar Selangor tidak dapat hendak diselesaikan sehingga sekarang ini.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini bila minta soalan dia bercakap macam *express train.*, cepat sangatlah, *too fast.* *[Ketawa]* Tetapi kes Menteri Besar Selangor telah selesai dan telah dijawab. Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat, antara tahun 1990 hingga tahun 2003 seramai 13 orang yang mengenai jawatan dalam politik telah dituduh oleh BPR atas pelbagai kesalahan, dan daripada jumlah tersebut lima ahli politik telah dijatuhi hukuman penjara antara satu hari hingga dua tahun dan denda antara RM1,800 hingga RM20,000 serta penalti juga sehingga RM1 juta, dan seorang ahli politik telah dilepas dan dibebaskan oleh mahkamah, lima orang telah ditarik balik pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka, manakala dua orang lagi masih dalam proses pembicaraan.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat adalah tidak berasas kerana BPR bebas untuk menyiasat sesiapa sahaja termasuk individu-individu yang menjawat jawatan penting, orang awam atau daripada kerajaan *without fear or favour*, dengan izin, mengikut kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang. Pada masa yang sama, kebebasan badan ini menyiasat telah terbukti sebelum ini dengan siasatan terdapat pimpinan tertinggi kerajaan termasuklah di peringkat pusat, negeri dan juga - bahkan ada - di antara mereka telah dituduh di mahkamah dan juga dijatuhkan hukuman, hanya kerana terdapat beberapa kes yang tidak dapat dibawa ke mahkamah atau lewat diambil tindakan, bukanlah satu ukuran untuk mengatakan BPR tidak berkesan dalam menangani jenayah rasuah di dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah asas-asas yang diambil kira oleh Malaysia menjalin hubungan dan kerjasama yang lebih erat dengan Russia dan negara-negara Eropah Timur dibandingkan dengan Amerika Syarikat dan apakah reaksi Amerika Syarikat terhadap kecenderungan Malaysia ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Parit pada hari ini (15 Oktober 2003) bersama dengan soalan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu pada 21 Oktober 2003 memandangkan soalan ini berkisar kepada perkara yang sama iaitu hubungan di antara Malaysia, Persekutuan Russia, Amerika Syarikat serta hasil lawatan Presiden Vladimir Putin dan Presiden Jacques Chirac ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Lawatan rasmi Tuan Yang Terutama Presiden Putin ke Malaysia ini adalah penting dan sungguh bermakna bagi kita Malaysia. Ini adalah kerana lawatan ini merupakan lawatan rasmi yang terulung sekali bagi seorang ketua Kerajaan Persekutuan Russia ke Malaysia. Presiden

Putin pada awalnya dijadualkan melakukan lawatan rasmi ke Malaysia pada 8 Julai 2003. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh tragedi pengeboman yang berlaku di Moscow pada 5 Julai 2003, lawatan tersebut telah ditundakan pada 4 dan 5 Ogos tahun ini.

Lawatan Presiden Putin ke Malaysia telah berjaya mempertingkatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala yang telah sedia terjalin di antara Malaysia dan Persekutuan Russia khususnya dalam bidang kerjasama politik, pertahanan, perdagangan dan pelaburan termasuk juga pendidikan serta sains dan teknologi. Pemimpin kedua-dua negara turut bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu semasa antarabangsa dan serantau terutama sekali berhubung dengan isu Palestin, isu Afghanistan, Chechnya dan Iraq. Semasa lawatan itu juga dua perjanjian dan satu kontrak telah ditandatangani, iaitu perjanjian kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, perjanjian kerjasama dalam bidang telekomunikasi dan kontrak pembelian dan penyelenggaraan Sukhoi SU30 MKM.

Di samping itu, Russia pada dasarnya telah bersetuju untuk melatih seorang angkasawan Malaysia di Russia dan seterusnya melancarkan angkasawan Malaysia tersebut ke angkasa. Satelit Malaysia yang ketiga juga akan dilancarkan ke angkasa lepas oleh Russia. Kedua-dua projek ini dijangkakan akan berlaku pada penggal kedua tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Presiden Perancis, Tuan Yang Terutama Jacques Chirac ke Malaysia pada 22 Julai 2003, walaupun singkat tetapi penting dan sangat bermakna. Lawatan ini merupakan lawatan kerja pertama yang pernah dilakukan oleh seorang Presiden Perancis ke Malaysia. Lawatan Presiden Chirac telah berjaya memperkukuhkan dan juga mempertingkatkan lagi hubungan serta kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Republik Perancis khususnya dalam bidang kerjasama politik, ekonomi, pendidikan, sains, teknologi dan kebudayaan. Dalam masa yang sama, lawatan ini memberikan peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk membincangkan dan bertukar fikiran mengenai beberapa isu global pada masa kini.

Jelas sekali Malaysia dan Perancis berkongsi pendapat khususnya dalam kebanyakan isu yang dibincangkan seperti isu Iraq, Asia Barat, situasi di Asia dan juga di Myanmar. Penganugerahan Malaysia World Peace Award kepada Presiden Chirac sebagai penerima pertama adalah sebagai tanda pengiktirafan Malaysia terhadap peranan beliau mencari keamanan dan keselamatan dunia sejagat. Lawatan ini juga memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang bakal menjadi Perdana Menteri untuk mengenali dan meneruskan keakraban hubungan peribadi dengan Presiden Chirac.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat bagi Parit, dasar hubungan luar Malaysia adalah bermatlamatkan keselamatan dan pertahanan, pembangunan dan perdagangan, kerjasama antarabangsa serta diplomasi. Semua ini adalah memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara di arena antarabangsa. Faktor-faktor inilah yang mencorakkan hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan negara-negara luar, dan di atas dasar ini jugalah Malaysia telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara Russia.

Reaksi Amerika Syarikat terhadap kecenderungan Malaysia ini tidak perlu diberi ulasan oleh Kerajaan Malaysia kerana dasar luar Malaysia adalah mengerat dan meningkatkan lagi hubungan dua hala dengan negara-negara yang ingin merapatkan lagi hubungan dengan Malaysia dan ini tidak dipengaruhi oleh reaksi mana-mana negara.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Sebagaimana yang diketahui, hubungan Malaysia dengan Russia bertambah erat dengan kunjungan rasmi ketua negara tersebut ke negara ini. Soalnya, adakah hubungan Malaysia dengan Russia yang bertambah erat kini bertujuan mengimbangi pengaruh dan kuasa Amerika Syarikat di Asia Tenggara memandangkan negara jiran kita seperti Singapura dan Filipina terlalu intim dengan Amerika Syarikat? Apakah bentuk kerjasama yang dijalinkan dengan Russia itu sama ada seperti hubungan dengan Amerika Syarikat sebelum ini, dan adakah negara kita mengadakan kerjasama dengan Russia dari segi ketenteraan memandangkan negara kita turut membeli jet pejuang dari Russia? Apakah reaksi Amerika Syarikat apabila hubungan kita bertambah erat dengan Russia, sedangkan Amerika Syarikat merupakan pasaran terbesar bagi kebanyakan pengeksport Malaysia dan rakan dagang utama Malaysia? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak soalan itu ya. Sila.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan soalan itu telah disediakan sebelum saya menjawab kerana kebanyakan telah saya jawabkan bahawa perhubungan kita dua hala. Corak dasar luar kita ialah untuk menghubungkan secara diplomatik dengan mana-mana negara luar dan atas dasar ini kita menghubungkan dari segi perhubungan politik, ekonomi dan perdagangan kerana kita harus mengeratkan hubungan kita dan meningkatkan lagi dengan mana-mana negara yang ingin berbaik dengan kita, dan dari itu kita dapat meningkatkan pengaruh atau peranan kita. Akan tetapi peranan kita untuk menjaga keamanan dan juga kedamaian untuk mempertahankan prinsip-prinsip khususnya seperti negara kita Malaysia yang masih membangun supaya dapat tempat sama rata dalam dunia dan antarabangsa.

Kita harus juga berusaha dengan mana-mana negara yang ingin juga melihat negara seperti Malaysia dapat maju, dapat damai dan percaya kepada kepimpinan dan juga cara negara kita menjalankan perhubungan antarabangsa dan juga mempertahankan kestabilan dan kedamaian dunia keseluruhannya.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tebrau. Ya, hendak minta pergi ke angkasa lepas agaknya, ya?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Walaikumsalam.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Selamat pagi and morning.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat pagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini hubungan Malaysia dengan Russia, Timur dan Barat termasuk Singapura, saya hendak tanyalah isu-isu kebelakangan ini banyak kita dengan negara jiran agak begitu ketara sekali terutamanya Singapura, cerita air, cerita menambak dah dia pun dah tak ikut kata Mahkamah Antarabangsa.

Jadi, adakah Timbalan Menteri memberi jaminan hubungan kita dengan Singapura ini agak semakin baikkah atau semakin kurang baik? Ini kena terus terang. Maknanya kalau isu cakap ini bertambah baik, tak betul. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini, macam mana?

Okay, can you answer my question? Thank you sir. [Ketawa]

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini ialah bukan berkenaan dengan Singapura Yang Berhormat, negara Asia dan negara-negara Eropah Timur, tak sangkut pun dengan Singapura.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tak mengapa. Biarkan saya jawab. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Baik.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Untuk maklumat Yang Berhormat bagi

Seorang Ahli: Tebrau.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tebrau. Memang Yang Berhormat telah menjawab sendiri kalau saya katakan bertambah baik tidak benar juga. Tetapi saya pernah menjawab di dalam Dewan ini bahawa perhubungan kita antara Singapura ialah lebih jauh dari isu-isu yang dipamerkan pada hari ini.

Ini isu-isu yang kita harus dapat sama-sama masih dapat berbincang, masih dapat mencari jalan walaupun dalam media kita nampak dihebohkan secara nampaknya yang mana menang dan yang mana kalah. Tetapi, sebenarnya yang pentingnya ialah kita dapat perhatian dari masyarakat antarabangsa bahawa isu ini haruslah sama-sama diperbincangkan kerana pada masa ini dalam isu penambakan Selat Tebrau, kita telah beberapa kali memohon supaya dapat kita berbincang tetapi cara jiran kita itu untuk menangkis peluang untuk berbincang dan berunding tidak begitu minat.

Tetapi, pada masa kini dengan keputusan itu kita berharaplah nampaknya cerah. Cara kita dapat berbincang dan juga mencari jalan dan isu-isu itu saya percaya akan dapat diatasi dan kita berharapkan

seperti Malaysia menghormati keputusan antarabangsa dan juga undang-undang antarabangsa, kita berharap jiran kita pun begitu juga.

4. Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah pencapaian atlet-atlet Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang pembabitan mereka di dalam kejohanan *Sukan "World Police & Fire Games"* terutama edisi terbaru 2003 yang telah berlangsung di Barcelona, Sepanyol; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk menganjurkan kejohanan ini di Malaysia memandangkan ianya boleh meningkatkan imej negara (dengan pembabitan kira-kira 10,000 atlet dan pegawai polis dari lebih 60 negara).

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang bertanya, Wangsa Maju. Polis Diraja Malaysia telah mencapai kejayaan yang cemerlang di Kejohanan *World Police & Fire Games in Barcelona 2003*. Daripada 54 jenis sukan yang dipertandingkan, Polis Diraja Malaysia telah mengambil bahagian dalam 13 acara sukan yang membariskan seramai 98 atlet.

Polis Diraja Malaysia telah berjaya memungut sejumlah 67 butir pingat dengan 34 emas, 17 perak dan 16 gangsa. Pada masa ini Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk membuat penawaran bagi menganjurkan *World Police & Fire Games* di Malaysia. Ini adalah memandangkan pihak WPFG Federation telah pun menetapkan kejohanan yang akan datang di tempat-tempat seperti berikut:

- (i) Tahun 2005 di Quebec City, Kanada;
- (ii) Tahun 2007 di Adelaide, Australia; dan
- (iii) Tahun 2009 pihak WPFG Federation dijangka akan menawarkan kejohanan kepada Benua Eropah dan Afrika.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Dari apa yang telah dimaklumkan kepada kita, nyata sekali prestasi dan pencapaian atlet PDRM kita dalam kejohanan berprestij bertaraf dunia ini amat membanggakan kepada negara dan adalah bukti kewibawaan dan keupayaan PDRM melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dipikul dengan profesional dan kesungguhan walaupun di dalam sukan.

Oleh itu kita wajar mengucapkan syabas dan tahniah kepada PDRM di atas kecemerlangan pencapaian sukan mereka. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada masalah yang saya nampak ialah kesukaran untuk peruntukan bagi atlet-atlet polis berlatih di dalam negara dan di luar negara. Dan soalan tambahan adakah PDRM bercadang untuk mewujudkan satu sekolah atau pusat latihan sekolah untuk meningkatkan PULAPOL sebagai pusat latihan sukan memandangkan kejayaan demi kejayaan yang diraih oleh atlet PDRM di dalam sukan antarabangsa dan berprestij ini.

Dengan pusat latihan sukan ini, bolehlah mendapat peruntukan-peruntukan tahunan yang tertentu untuk membolehkan atlet-atlet PDRM untuk berlatih. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, PDRM dalam menjalankan tanggungjawab tentang keselamatan negara dan kepentingan negara keseluruhannya adalah sekali gus digabungkan usaha-usaha menjayakan anggota PDRM dalam berbagai bidang termasuk dalam bahagian sukan ini.

Oleh sebab kemudahan-kemudahan asas latihan keselamatan di depot-depot Polis Diraja Malaysia ada mempunyai kemudahan-kemudahan dari segi asas kepentingan kesukanan maka pada ketika ini PDRM tidak mencadangkan untuk mengadakan satu pusat latihan khas mengenai kesukanan negara ini.

Walau bagaimanapun, pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa memberi kerjasama dan akan menawarkan khidmat serta memberi peluang kepada anggota-anggota PDRM yang berkemampuan dan berkebolehan dalam menjalankan latihan-latihan ini dan Polis Diraja Malaysia akan menghantar anggotanya yang dianggap berpotensi baik untuk menjayakan kejayaan dan kebolehan individu di bidang sukan yang berkenaan. Terima kasih.

5. Tuan Alwi bin Jusoh [Pasir Puteh] minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) tidak membenarkan beberapa orang penceramah agama untuk

menyampaikan ceramah mengenai ibadah haji kepada peserta kursus haji dan apakah kesalahan yang dilakukan oleh penceramah tersebut yang menyebabkan mereka tidak dibenarkan menyampaikan ceramah kursus haji.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ataupun JAWI tidak dapat membenarkan beberapa penceramah menyampaikan ceramah di Wilayah Persekutuan termasuklah ceramah ibadah haji kerana ada di kalangan mereka tidak mempunyai tauliah mengajar agama di Wilayah Persekutuan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Alwi bin Jusoh: Pada pertengahan tahun lepas ini, terdapat empat orang nama-nama yang telah disenaraikan oleh pihak Tabung Haji sebagai penceramah ibadah haji di Wilayah Persekutuan dan nama-nama ini telah ditolak oleh Pejabat Agama Wilayah Persekutuan. Jadi, oleh kerana empat orang penceramah ini adalah dikirakan sebagai penceramah yang sangat berpengalaman memberi kursus-kursus ibadah haji,

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya dia ada ijazah atau tidak?

Tuan Alwi bin Jusoh: Ya. Jadi saya ingin tahu sebab-sebab dan alasan yang sebenar.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya tadi, jawabnya tadi mereka ini ditolak dengan kerana tidak ada ijazah.

Seorang Ahli: Tauliah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tauliah, *is all right*. Adakah empat orang ini mempunyai tauliah atau tidak?

Tuan Alwi bin Jusoh: Dia sudah biasa berceramah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Alwi bin Jusoh: Dia ini sebagai penceramah sejak daripada dahulu lagi di Wilayah Persekutuan, penceramah haji.....

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada empat penceramah kita tidak benarkan. Tiga di Wilayah Persekutuan dan satu di Selangor. Ini di mana setelah kita teliti, ketiga-tiga nama tersebut di Wilayah Persekutuan tidak mempunyai apa-apa kebenaran atau tauliah mengajar agama di Wilayah Persekutuan serta tidak memohon untuk mendapatkan tauliah daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi maksud tersebut.

Mengenai kebenaran kursus haji ini, Tuan Yang di-Pertua, di samping mereka mesti mendapat tauliah daripada Jabatan Agama Islam di negeri berkenaan, Tabung Haji juga ada meletakkan syarat kepada penceramah-penceramah. Di antaranya pernah menunaikan fardu haji, dilantik oleh Pengarah Tabung Haji Negeri masing-masing, pernah menghadiri Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan dan Negeri dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Negeri.

Soal Yang Berhormat timbulkan, keempat-empat ini memang berpengalaman dan selalu menyampaikan ceramah haji, itu kita tidak pertikaikan. Soalnya ialah kebenaran. Sama juga saya ambil contoh seperti Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat sudah lama memandu kereta, mungkin 15 tahun atau 20 tahun tetapi tidak bermakna 20 tahun Yang Berhormat memandu kereta, Yang Berhormat ini memang pakar, cekap dan tidak pernah ada *accident*, tetapi setiap tahun bila lesen memandu Yang Berhormat mati, Yang Berhormat kena *renew* - kena perbaharui. Jadi boleh atau tidak Yang Berhormat beritahu polis, kalau polis tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat kata: "*Saya sudah ada pengalaman memandu 20 tahun, hanya hari ini sahaja saya terlupa saya hendak renew*". [*Tepuk*] Itu tidak ada alasan. Undang-undang kata kena *renew*, mesti kena *renew*. Tidak soal pengalaman, tidak pernah *accident* dan sebagainya.

Samalah juga kes Tabung Haji ini. Jadi undang-undang kalau dahulu dia sudah ada tauliah tetapi kuasa JAWI, boleh ditarik balik. Bila kita tarik balik, dia kena *renew*. Bila dia tidak *renew*, kita akan ambil tindakan. Kalau dia tidak ada tauliah, tidak ada timbul soal dia ada pengalaman ataupun tidak. Terima kasih.

6. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan sebab-sebab tiang telefon dan tiang lampu awam tidak dipindahkan walaupun kerja-kerja pelebaran jalan telah lama disiapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian bersetuju bahawa tiang telefon dan tiang lampu hendaklah dipindahkan secepat mungkin selepas kerja-kerja pelebaran jalan dibuat. Secara prosedurnya, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memaklumkan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan memohon supaya tiang-tiang ini dipindahkan selepas kerja-kerja pelebaran jalan. Kelewatan mungkin atau biasanya disebabkan oleh perkara-perkara berikut:-

- (i) lokasi untuk memindahkan tiang perkhidmatan elektrik dan telefon lewat dikenal pasti oleh pihak bertanggungjawab ke atas kerja-kerja pelebaran jalan;
- (ii) masalah perolehan tanah untuk bayaran pampasan yang melibatkan tanah orang perseorangan dan persediaan bagi menempatkan semula tiang-tiang sama ada tiang-tiang sedia ada termasuklah faktor muka bumi yang menyebabkan kerja-kerja tertangguh; dan
- (iii) kerja-kerja penyelarasan daripada agensi yang terlibat bagi membolehkan kerja-kerja pengalihan tiang-tiang telefon dan elektrik memerlukan pengesahan dan komitmen daripada agensi terlibat.

Dalam hal ini, kerja-kerja penyelarasan di tapak yang telah dijadualkan tidak dapat berjalan lancar kerana memerlukan komitmen yang tinggi di antara kontraktor yang dilantik seperti pihak kontraktor bahagian parit dan longkang, kontraktor bahagian tanah dan jalan raya dan juga kontraktor perkhidmatan seperti bekalan air, elektrik dan telefon. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes di mana ianya melibatkan keselamatan pengguna jalan raya, TNB dan TMB akan menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan segera. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, yang ini. Tidak payahlah, Yang Berhormat.

7. **Dr. Yee Moh Chai [Tanjung Aru]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada terdapat pusat-pusat pendidikan saintifik utama di Sabah dan jika ada, apakah faedah-faedah yang telah diberikan kepada negara, terutamanya negeri Sabah.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Sabah pada masa ini terdapat beberapa pusat penyelidikan ataupun agensi-agensi kerajaan yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan termasuk juga Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Perikanan Sabah, Lembaga Koko Malaysia, Jabatan Haiwan dan Jabatan Perhutanan Sabah.

Pusat-pusat penyelidikan dan IPTA ini menerima geran Intensification of Research In Priority Areas (IRPA) untuk menjalankan kajian dan penyelidikan ke atas projek-projek tertentu yang mereka pilih dan dipersetujui oleh kementerian. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, pusat penyelidikan dan IPTA di Sabah telah menerima grant IRPA berjumlah lebih kurang RM4.7 juta, sementara dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah RM4.6 juta telah disediakan untuk projek-projek kajian dan penyelidikan bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di antara projek-projek penyelidikan yang telah dijalankan di negeri Sabah adalah seperti kajian-kajian yang berkaitan dengan tenaga solar untuk *electrification* di kawasan luar bandar, konservasi sumber marin, biodiversiti, pengurusan ikan air tawar dan pertanian. Projek-projek ini adalah mendatangkan faedah-faedah langsung di Sabah terutamanya kepada rakyatnya yang menjalankan aktiviti-aktiviti kehidupan yang berkaitan dengan bidang-bidang tersebut ke arah kehidupan yang lebih sihat dan mendapat hasil pendapatan yang lebih.

Dengan adanya pusat-pusat penyelidikan ini, industri-industri di Sabah juga akan mendapat manfaat kepakaran yang disediakan oleh institusi-institusi penyelidikan tersebut.

8. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan perjalanan syarikat Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) sejak tahun 1997:-

- (a) jumlah keuntungan sehingga kini, jikalau rugi apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasinya;
- (b) jumlah kakitangan yang dibuang kerja dan alasan-alasannya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Kereta Api Tanah Melayu Berhad telah mengalami kerugian sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2002 seperti berikut:-

Tahun	Kerugian
1997	RM132.77 juta
1998	RM 98.41 juta
1999	RM125.75 juta
2000	RM 88.45 juta
2001	RM188.87 juta
2002	RM140.94 juta

Kerugian yang dialami oleh KTMB adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:-

- (i) kos penyelenggaraan semasa bagi stok kereta dan infrastruktur yang tinggi akibat dari penangguhan kerja-kerja penyelenggaraan dari tahun 1992 ke tahun 1997 yang bertujuan untuk mengurangkan kos operasi;
- (ii) penurunan hasil KTMB sebanyak 15% setahun akibat dari pembukaan Lebuhraya Utara-Selatan pada tahun 1994 – adanya saingan daripada kenderaan yang lain;
- (iii) kehilangan hasil sebanyak RM15 juta setahun akibat daripada penamatan perkhidmatan pengangkutan minyak pesawat ke Lapangan Terbang Subang setelah Lapangan Terbang KLIA dibuka; dan
- (iv) struktur kos dan hasil tidak seimbang di mana kos operasi telah meningkat pada kadar purata 12% setahun sejak 10 tahun yang lalu, manakala kadar tarif KTMB tidak berubah sejak tahun 1992 kecuali bagi kontena dan komuter. Ada sebab-sebab yang lain juga.

Antara langkah-langkah diambil oleh kerajaan untuk membantu KTMB mengurangkan kerugian adalah seperti berikut:-

- (i) suntikan ekuiti daripada kerajaan;
- (ii) suntikan bagi bantuan untuk menampung subsidi sebanyak RM30 juta untuk pengguna-pengguna di Pantai Timur;
- (iii) pembangunan infrastruktur dan pemulihan penggantian stok kereta bagi meningkatkan lagi kecekapan dan kapasiti peroperasiannya;
- (iv) semakan semula kadar tarif KTMB yang sedia ada bagi membolehkan lebih berdaya saing dengan lain-lain pengangkutan; dan
- (v) kenaikan tambang KTM Komuter bermula pada 1 Februari 2003 dan juga kenaikan tambang kontena yang berkuat kuasa sejak tahun 1998 sebanyak 10%.

Ini serba sedikit telah dapat menampung kerugian yang dialami oleh KTMB.

Bagi jawapan kepada soalan 8(b), Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan yang telah dibuang kerja sejak tahun 1997 sehingga 2003 adalah seramai 60 orang. Jumlah kakitangan yang terlibat mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan
1997	22
1998	13
1999	8
2000	4
2001	2
2002	6
2003	5
Jumlah	60

Antara sebab-sebab pemecatan adalah seperti berikut:-

- (i) Tidak amanah dan cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan;
- (ii) penyalahgunaan kuasa yang diberikan oleh syarikat untuk kepentingan diri sendiri;
- (iii) gagal mematuhi prosedur, peraturan dan tatacara operasi serta pentadbiran yang telah ditetapkan oleh syarikat; dan
- (iv) disabitkan dengan kesalahan jenayah di mahkamah.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang perkhidmatan kereta api di seluruh dunia pun mereka mengalami kesusahan, termasuk di United Kingdom, perkhidmatan kereta api pun sudah terjejas dan ditimpa banyak kemalangan. Adakah Yang Berhormat sanggup mengemukakan satu Kertas Putih dalam Dewan yang mulia ini untuk menerangkan apakah sebenarnya yang berlaku dalam beberapa tahun ini kerana tindakan-tindakan dan langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak kementerian untuk melantik syarikat konsortium bagi menguruskan KTMB tetapi masih gagal? Sekarang ada pelbagai faktor. *[Disampuk]* Apa masalah kalau hendak kemukakan Kertas Putih? *[Memandang ke arah penyokong kerajaan yang mengganggu ucapannya]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila, sila, Yang Berhormat bagi Kepong. Sila, sila. Jangan hiraukan mereka, ya. *[Ketawa]* Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Kerana ada banyak faktor yang menjejaskan perkhidmatan kereta api kita, dan termasuklah saya nampak landasan-landasan yang uzur. Kadangkala di Gemas kita tengok ada banjir sedikit dan mengakibatkan berlaku kegelinciran dan sebagainya. *[Disampuk oleh penyokong-penyokong kerajaan]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tanyalah soalan! Ada soalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan sudah tanya dengan *White Paper* di sini! Ha? Ya. Dan apakah ...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang hendak keluar tadi, ya. *[Ketawa]* Ya, sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah langkah yang diambil untuk menggantikan landasan-landasan yang lama itu sebelum berlaku kemalangan yang serius dan juga bolehkah Yang Berhormat terangkan, dengan keadaan yang tidak begitu baik, berlaku kes-kes insiden kemalangan di dalam beberapa tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana pengesahan dan pengakuan Yang Berhormat bagi Kepong bahawa kebanyakan perkhidmatan kereta api di dunia ini adalah satu urusan yang tidak *viable*. Begitu jugalah KTMB yang tidak terlepas daripada masalah-masalah yang sedemikian kerana banyaknya subsidi yang terpaksa diberi oleh kerajaan dalam menguruskan operasi KTMB. Seperti saya katakan tadi, terutama sekali di Pantai Timur, di mana kerajaan terpaksa memberi subsidi lebih dari RM25 juta setiap tahun bagi pengguna-pengguna di Pantai Timur.

Jadi, begitulah prihatinnya kerajaan kepada pengguna-pengguna di Pantai Timur dan kita harap mereka akan berterima kasihlah kepada kerajaan pada masa yang akan datang ini.

Kerajaan tidak ada mempunyai Kertas Putih untuk membawa pengurusan KTMB ini ke arah yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi tetapi sememangnya KTMB menjalankan urusan-urusan mengikut urusan-urusan korporat yang baik dan bijak untuk memantapkan lagi perjalanan KTMB di masa yang akan datang. Bagi memperbaiki lagi perkhidmatan kereta api, kerajaan telah dan sedang memperbaiki landasan-landasan kereta api terutama sekali di Pantai Timur, termasuk pembinaan jambatan, landasan kereta api dan sebagainya, dan telah dan akan membelanjakan lebih daripada RM100 juta bagi pembaikan landasan kereta api dari Gemas, Kerdau di Kelantan dan sebagainya.

Dan selain dari itu, seperti yang diketahui, kerajaan sekarang sedang memantapkan lagi perkhidmatan ini supaya kapasiti perkhidmatan KTMB akan meningkat lima kali ganda lagi daripada yang ada sekarang ini dengan adanya pembinaan *double-tracking* ataupun landasan berkembar dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan seterusnya selepas itu dari Ipoh ke utara dan dari Kuala Lumpur ke selatan. Dan dengan peningkatan ini, diharapkan perkhidmatan kereta api akan menjadi lebih baik dan mantap lagi serta mampu memberi perkhidmatan yang lebih baik untuk orang ramai pada masa-masa yang akan datang. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Sejauh manakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh KTMB untuk memiliki kereta api pantas dengan kelajuan 160 kilometer sejam dari utara ke selatan, bagi memastikan KTMB mempunyai daya saing dengan pengangkutan awam yang lain? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Memang kebelakangan ini, perkhidmatan kereta api telah menghadapi persaingan yang hebat. Dengan adanya pembinaan *double-tracking* dari utara ke selatan, dan baru-baru ini dengan adanya kelulusan 54 lagi syarikat kontena – dari enam syarikat kontena kepada 60 buah - banyak lagi unsur-unsur persaingan yang terpaksa dihadapi oleh KTMB. Dengan pembinaan landasan berkembar, terutamanya dari Kuala Lumpur-Rawang ke Ipoh yang dijangka akan siap pada penghujung tahun 2004, yang sekarang ini sudah lebih 65 peratus siap, maka pengguna-pengguna kereta api akan dapat bergerak lebih cepat daripada sekarang sehingga maksimum 160 kilometer sejam.

Begitu juga kereta api barang akan dapat dipercepatkan lagi, dan dengan ini akan dapat meningkatkan keupayaan Kereta api Tanah Melayu untuk memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Kereta banyak, tiap-tiap famili mempunyai dua tiga kereta, payahlah perkhidmatan kereta api hendak untung, ya.

9. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melupuskan sisa-sisa elektronik seperti cip (chip), papan nipis sirkuit (circuit board) dan sisa-sisa elektronik lain memandangkan jumlah sisa-sisa tersebut kian bertambah setiap tahun.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang amat prihatin terhadap pelbagai masalah pembuangan sampah, sisa berjadual dan juga buangan kelengkapan elektrik terbuang atau bahagian-

bahagiannya yang mengandungi atau dicemari dengan *bifenil terpoliklorin (polychlorinated biphenyls)* atau *trifenil terpoliklorin (polychlorinated triphenyls)* adalah dikawal di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 dan buangan hendaklah dilupuskan di premis yang berlesen. Jabatan Alam Sekitar kini sedang mengkaji semula Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 dan bercadang mengawal buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik yang juga boleh disahkan sebagai 'e-waste' yang mengandungi komponen seperti *accumulator*, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau *kapasitor bifenil terpoliklorin* yang lain atau yang dicemari dengan cadmium, raksa, plumbum ataupun *bifenil terpoliklorin* sebagai buangan terjadual.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan itu tadi. Negara kita, setiap tahun memang mengeluarkan banyak alat-alat elektronik dan biasanya *life span* elektronik ini seperti komputer dan sebagainya, ada kemungkinan dua tahun. Selepas itu, tidak digunakan lagi. Selain daripada melupuskan di premis-premis yang berlesen, adakah kementerian bercadang untuk menggalakkan kitar semula ataupun mengenakan '*polluter spares*' iaitu menghantar balik sisa-sisa ini kepada pengeluar ataupun kepada *manufacturers* agar alat-alat ini ataupun *parts* boleh digunakan semula? Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya, sebahagian daripada cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat, telah pun diambil tindakan, termasuklah program untuk mengitar semula sebahagian daripada alat-alat ataupun sisa-sisa buangan tersebut. Satu lagi kaedah yang telah kita laksanakan dengan kerjasama daripada beberapa pihak swasta iaitu mengumpulkan semua sisa-sisa buangan termasuklah bateri-bateri daripada telefon bimbit. Sebahagiannya yang telah rosak dan kita hantar semula ke negara-negara seperti Korea dan Jepun untuk diproses ataupun dimusnahkan, selain daripada usaha-usaha untuk memusnahkan dan melupuskan buangan-buangan tersebut di dalam negara kita sendiri. Terima kasih.

10. **Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan kapal terbang kecil seperti *Twin Otters* di negeri Sarawak memandangkan bilangan *Twin Otters* yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung kegunaan pelanggan-pelanggan di negeri itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penerbangan Malaysia pada masa ini mempunyai sebanyak 5 pesawat *Twin Otters* yang digunakan untuk perkhidmatan udara luar bandar di Sarawak dan juga di Sabah. Lima pesawat ini didapati memadai bagi memenuhi keperluan permintaan yang wujud pada perkhidmatan udara luar bandar. Memandangkan itu, MAS tidak mempunyai perancangan lagi pada masa ini untuk menambah jumlah pesawat *Twin Otters* yang digunakan untuk perkhidmatan di Sarawak. Terima kasih.

11. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk melahirkan lebih banyak lagi golongan belia yang mampu untuk mencipta sesuatu rekod dunia seperti perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sentiasa memantau dan memberi dorongan serta khidmat nasihat kepada mana-mana individu yang berhasrat untuk mencipta sesuatu rekod dunia. Justeru itu, pihak kementerian melalui Bahagian Pembangunan Sukan telah pun menubuhkan Unit Cabaran Malaysia Boleh. Ini merupakan satu unit yang bertindak dalam mengenal pasti kebolehan individu tertentu yang berhasrat untuk mencipta rekod dunia. Unit ini akan mengenal pasti garis panduan serta kriteria yang diperlukan dalam diri seseorang individu sebelum dia mencipta sesuatu rekod. Di samping itu, kementerian juga akan memberikan ganjaran yang bersesuaian dengan kemampuan Kementerian Belia dan Sukan, dengan harapan ganjaran ini akan menjadi satu pemangkin kepada semangat 'Malaysia Boleh' dan seterusnya membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menyambut cabaran 'Malaysia Boleh'.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ucapkan tahniahlah di atas kejayaan Datuk Abdul Malik Mydin. Masalahnya kita bimbang, selain daripada motivasi yang cuba digerakkan oleh perenang-perenang di sini, tetapi ada juga yang cuba mencontohi. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, dua orang kanak-kanak mati

lemas. Adakah kementerian melihat perkara ini kerana kita bimbang, segala kejayaan yang dicapai seperti gusti contohnya, yang menjadi ikutan kepada anak-anak muda. Kita mengalu-alukan kejayaan Abdul Malik Mydin tetapi ini yang berlaku. Jadi apakah ada rancangan di pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk melihat supaya perkembangan kejayaan atlet kita ini akan menjadi contoh teladan yang baik, dengan menampilkan mereka ini secara bersungguh-sungguh supaya menjadi satu gerakan untuk memberi motivasi kepada para belia dan bakat-bakat baru? Terima kasih.

Datuk Ir. Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya, dengan menerusi penubuhan unit yang disebutkan iaitu Unit Cabaran Malaysia Boleh, ini adalah satu-satunya cara untuk memberikan perangsang kepada mereka yang begitu minat dalam usaha untuk mencipta rekod tetapi, itu pun kena tertakluk kepada kebolehan seseorang individu dan bukannya ianya boleh ditiru oleh sesiapa pun. Seterusnya, ingin juga saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa ganjaran yang diberi itu juga bersesuaian dengan kemampuan kementerian, seperti mana yang saya sebutkan dan ianya hanya terhad kepada acara-acara yang diiktiraf oleh Unit Cabaran Malaysia Boleh dan bukannya acara sembarangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan selesai]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2004
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2004
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2004 dan Usul Anggaran Pembangunan 2004 dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis." **[Hari Kelapan]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B. 28 [Jadual] –
Maksud P. 28 [Anggaran Pembangunan 2004] –

Tuan Pengerusi: Ya, Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan dikemukakan semula. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

11.07 pagi

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan, teguran mengenai Kementerian Pengangkutan dalam peringkat Jawatankuasa. Bagi jawapan pada pagi ini, saya akan membahagikan ia kepada tiga bahagian iaitu pengangkutan laut, pengangkutan udara dan pengangkutan darat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Mambong telah bertanya sama ada ada cadangan untuk menubuhkan pusat *stock pile* kawasan cemar minyak dan bahan kimia di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, di Sarawak kita sedang membina tiga pusat *stock pile* iaitu di Miri, Kuching dan Bintulu. Ini adalah merupakan laluan pelayaran utama kapal-kapal di negeri Sarawak.

Mengenai soalan sama ada perundangan yang dipakai untuk mengawasi kapal-kapal tempatan dan asing, sebenarnya Konvensyen MARPOL telah menguatkuasakan melalui Ordinan Perkapalan

Saudagar 1952, di mana kapal-kapal asing dan tempatan akan diperiksa oleh Jabatan Laut bagi memastikan kapal-kapal mematuhi konvensyen ini.

Yang Berhormat bagi Tuaran menanyakan apakah cadangan menyediakan pelabuhan Kota Kinabalu sebagai maritim hub di Wilayah BIMP-EAGA. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha sedang diambil untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti pembelian jentera pengendalian kargo. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan bersetuju menyediakan peruntukan dalam bentuk pinjaman mudah sebanyak RM43 juta kepada pelabuhan di Sabah.

Mengenai perkembangan di Pelabuhan Sepanggar, ingin saya memberitahu bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju menyediakan peruntukan dalam bentuk pinjaman mudah sebanyak RM150 juta, untuk membina satu terminal kontena di Sepanggar, pembinaan telah pun bermula.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bertanya, apakah rancangan untuk mempertingkatkan perkhidmatan feri di Pulau Pinang. Pada masa ini, terdapat lapan buah feri yang beroperasi iaitu empat buah feri membawa kereta dan empat buah membawa *passengers cum* membawa kereta. Masa menunggu bagi kenderaan yang menggunakan feri juga telah dikurangkan daripada 30 minit kepada 10 minit. Usaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan feri, pihak operator feri bercadang mengadakan perkhidmatan bot laju yang melibatkan pembelian empat bot laju dengan kos RM28 juta.

Yang Berhormat bagi Sipitang bertanya, apakah cadangan kerajaan untuk menggantikan alat bantuan pelayaran di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM44 juta untuk membina dan menggantikan alat bantuan pelayaran seperti perolehan boya, rumah api, bot penyelenggaraan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Pembinaan rumah api telah siap awal tahun ini dan selebihnya masih di peringkat pelaksanaan.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah menyentuh mengenai masalah pampasan kepada penduduk kampung mengenai tanah yang diambil oleh PTP. Pampasan telah pun dibayar kepada pemilik tanah dan pemilik rumah berdasarkan keputusan mahkamah. Di samping itu pihak PTP telah menyediakan perumahan di Desa Paya Mengkuang dengan anggaran kos RM90 juta bagi menempatkan penduduk kampung yang terlibat. Perumahan ini yang telah pun siap pada tahun 2003. Harga yang ditawarkan adalah jauh lebih rendah daripada kos pembinaan rumah. Kementerian juga telah pada minggu lepas membincangkan dengan PTP mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Perkara ini sedang dipertimbangkan oleh PTP.

Yang Berhormat bagi Bagan bertanya, apakah rancangan membina semula kompleks feri di Butterworth. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini pada masa sekarang mengadakan perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Penang Port Sdn Bhd. bagi memilih kaedah pembangunannya. Pembangunan ini yang dicadangkan akan melibatkan pembinaan *5-storey podium block, 8-storey motel* dan *12-storey office tower*.

Kepada Yang Berhormat bagi Tuaran juga bertanya, bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, sama ada Kementerian ada menjalankan kajian mengenai kos pengangkutan laut yang tertinggi di Sabah dan Sarawak. Kementerian pernah menjalankan kajian mengenai kos pengangkutan laut di Sabah dan Sarawak dan penemuan kajian untuk kos tinggi adalah yang disebabkan yang pertama kadar *freight* yang ditentukan oleh syarikat perkapalan berdasarkan kepada *market forces*, dengan izin.

Yang kedua, kadar *freight* yang didapati lebih tinggi semasa perjalanan daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak memandangkan kepada *trade imbalances* ataupun kekurangan muatan balik. Memandangkan kedudukan sedemikian kadar *freight* balik dari Sabah ke Sarawak dan Semenanjung adalah hampir separuh sahaja...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mendapati bahawa *charges* yang dikenakan oleh pihak kerajaan juga bermacam-macam. Kalau tidak salah saya, penghantaran sebiji kereta daripada Semenanjung ke Sarawak dan sebaliknya mempunyai tidak kurang daripada 16 *charges* yang berasingan dan *charges* ini tidak *uniform* dan tidak sama nilainya. Ada kadang-kadang satu syarikat mengenakan *charges* yang tinggi dan ada satu syarikat lain mengenakan *charges* yang rendah.

Jadi untuk kepentingan masyarakat usahawan di Sarawak dan Sabah, adakah kerajaan bercadang untuk *charges* ini diseragamkan supaya tidak mendatangkan kesan negatif terutama sekali kepada pengilang-pengilang yang menghantarkan barang-barang mereka bukan sahaja daripada Sarawak, Sabah dan Semenanjung tetapi juga daripada Semenanjung ke Sarawak dan Sabah? Terima kasih

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, itu satu perkara yang telah ditimbang oleh kementerian dalam kementerian membuat kajian mengenai kemudahan-kemudahan pelabuhan di seluruh negara bersama dengan Sabah dan Sarawak. Jadi kita harap satu hari nanti kita dapat menyeragamkan semua kos itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Mambong juga menyentuh mengenai Air Asia, tawaran tambang yang lebih murah dari MAS dan sebagainya. Kerajaan sememangnya mengawasi perkhidmatan Air Asia termasuk dari segi keselamatan penerbangan. Sukacita saya memaklumkan, kerajaan tidak bertolak-ansur dalam segi keselamatan penerbangan. Ciri-ciri yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu keadaan tempat duduk yang tidak dihaskan untuk penumpang mengikut tiket serta masa, *turn around* 15 minit, memang sudah selaras dengan konsep perkhidmatan *low cost, no frills* yang ditawarkan oleh Air Asia. Mempunyai ciri-ciri seperti ini Air Asia dapat menawarkan tambang yang lebih murah. Namun demikian, seperti mana yang disebut oleh ciri seperti *turnaround time* hendaklah mematuhi syarat-syarat operasi teknikal yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah menyentuh mengenai dasar MAS berhubung umur persaraan pramugari MAS yang bercorak diskriminasi. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang meneliti aduan-aduan yang kita telah terima dan perkara ini sedang dalam perhatian oleh kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhammad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat bagi Bagan menyentuh mengenai ..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Yang Berhormat, Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berkenaan polisi MAS ini setahu saya telah wujud sudah lama. Saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi memastikan agar tidak kira jabatan swasta, jabatan kerajaan, mereka mematuhi peraturan. Peraturan dan polisi tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara, iaitu artikel atau Perkara 8(2). Dan kita semua tahu, semasa saya belajar, saya sudah tahulah berkenaan polis diskriminasi MAS. Sebagai contoh mereka mengambil pramugari semasa temu duga umur mereka mesti 18 sampai 30. Syarat sedemikian wujud. Jadi saya hendak tahu, apakah langkah untuk pastikan ia tidak berulang lagi perkara sedemikian?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Sebenarnya kita, seperti saya sebut tadi, telah pun menerima berbagai-bagai aduan. Jadi termasuk perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat. Jadi kita sedang meneliti segala isu-isu itu. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberitahu langkah selanjutnya sebelum kita meneliti dengan sepenuhnya dari semua segi perkara-perkara ini.

Yang Berhormat bagi Bagan telah menyentuh mengenai pengambilan warga asing menjadi pramugari MAS. Pengambilan warga negara asing menjadi pramugari MAS merupakan satu amalan antarabangsa dan bukan sahaja yang dilakukan oleh MAS. Ianya merupakan satu strategi pemasaran serta *blending* yang bertujuan menarik penumpang tertentu yang berbilang bangsa. Harus diingat bahawa bukan kebolehan berbahasa sahaja yang dipertingkatkan tetapi faktor-faktor lain seperti kefahaman dan kebiasaan budaya, *cultural* serta cara mengenali melayan kehendak tertentu daripada penumpang terutama daripada pasaran negara-negara Pasifik seperti China, India, Jepun dan Korea.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga syarikat-syarikat penerbangan asing seperti Cathay Pacific, Korea Airline dan Gulf Air juga mengambil warga Malaysia berkhidmat sebagai pramugari mereka. Bagi MAS, untuk makluman Dewan ini, pada masa sekarang kita telah mengambil seramai lebih kurang 105 orang pramugari dan 13 orang pramugara yang terdiri dari warga negara asing. Jadi kalau dibandingkan dengan jumlah tempatan, angka itu adalah sangat kecil kerana dari jumlah semuanya pramugari adalah 2,597 orang. Hanya 105 orang adalah warga negara asing...

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, Bagan berdiri. Yang Berhormat, ya sila.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu layanan atau elaun atau gaji pramugari dan pramugara negara asing kalau dibandingkan dengan pramugari tempatan? Dan mengapa kerja-kerja atau tugas-tugas adalah sama tetapi layanan tidak serupa?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada mempunyai butir-butir yang dipohon oleh Yang Berhormat, saya akan bagi secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Seputeh, menyentuh perkara mengenai soal selidik MAS yang *gender-biased*. Memang tidak menjadi tujuan MAS untuk melakukan apa-apa tindakan yang bercorak *gender-biased*. Tujuan soal selidik sebenarnya untuk mendapat maklum balas, *feedback* bagi membantu MAS dalam usaha-usahanya untuk sentiasa meningkatkan tahap perkhidmatannya.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan perkara berhubung dengan penerbangan yang diadakan oleh MAS untuk sektor Kota Bharu-Medan yang disediakan secara tergesa-gesa. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai penerbangan antara Kota Bharu dengan Medan yang dikatakan diadakan secara tergesa-gesa dan untuk satu tempoh terhad sahaja, Kementerian Pengangkutan telah difahamkan bahawa penerbangan ini adalah merupakan penerbangan sewa khas (*charter*) dan sememangnya ia diadakan bagi memenuhi satu permintaan tertentu dan bagi tempoh terhad.

Berhubung dengan penyambungan semula penerbangan antara Kota Bharu-Pulau Pinang-Alor Setar, MAS sentiasa memantau permintaan trafik dan sekiranya perlu, kita akan mengadakan penerbangan untuk sektor berkenaan.

Yang Berhormat bagi Tumpat menyentuh mengenai beberapa insiden melibatkan MAS serta...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Timbalan Menteri ada menyebut dalam jawapan tadi mengatakan penerbangan dari Kota Bharu ke Medan merupakan penerbangan sewa khas ataupun *charter* tetapi saya dimaklumkan oleh kakitangan MAS bahawa seminggu selepas itu ada lagi satu penerbangan dari Kota Bharu ke Medan.

Barangkali yang pertama itu bukan sewa khas tetapi promosi dan sebahagian besar daripada penumpangnya adalah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Persatuan Pelancong Negeri Kelantan dan yang menjadi Pengerusinya ialah Exco Kerajaan Negeri Kelantan. Di antara ahli rombongannya terdiri daripada mereka yang bekerja di *travel agency*. Kemudian selepas daripada itu, ada satu penerbangan lagi, bukan lagi *chartered flight*, bukan lagi disewa khas.

Bertalu-talu soalan-soalan melalui telefon kepada MAS tetapi jawapan MAS ialah oleh kerana tidak ekonomik dan tidak cukup penumpang, maka penerbangan itu dibatalkan. Itu jawapannya dan saya ada buktinya. Saya sendiri berjumpa dengan salah seorang pegawai MAS sewaktu saya membeli tiket kapal terbang, ada pegawai yang menjawab sedemikian.

Tadi Yang Berhormat mengatakan ia merupakan penerbangan sewa khas, memang sehari sahaja. Untuk pertama kali itu memang betul tetapi kali kedua itu memang penerbangan biasa.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian, kita telah difahamkan bahawa itu adalah *chartered flight*. Walau bagaimanapun, kita akan ambil maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Tumpat telah menyentuh mengenai beberapa perkara. Pertama ialah mengenai penerbangan keselamatan di Lapangan Terbang KLIA oleh kerana ada beberapa insiden yang berlaku baru-baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memang memandang berat dan memberikan perhatian yang serius terhadap beberapa insiden yang membawa implikasi terhadap keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, *aviation security* di lapangan-lapangan terbang adalah disediakan berasaskan kepada piawaian yang ditetapkan dalam *Annex 17, Chicago Convention*. Berikutan kejadian pada 2 Oktober 2003 yang mana dawai pesawat dipotong, MAS dan MAB telah meningkatkan kawalan keselamatan di semua lapangan terbang.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah meningkatkan kekerapan rondaan berkereta di kawasan pemakiran pesawat, *Task Force MAHB* (Keselamatan) menjalankan tugas pengawasan tambahan di kawasan *apron*, kamera CCTV difokuskan ke arah *remote bay*, menambahkan bilangan kamera CCTV di kawasan *airside* pesawat-pesawat yang *night-stop* diberi kawalan keselamatan yang ketat, menambahkan bilangan pegawai kakitangan keselamatan untuk menjaga pesawat-pesawat transit dan *night-stop and access* kepada pesawat dihadkan kepada pegawai dan kakitangan yang diberi kebenaran sahaja.

Mengenai kegagalan pihak.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Batang Lular berdiri, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Batang Lular.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah Datuk Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya seorang *victim* kehilangan barang di Lapangan Terbang KLIA. Komputer saya dengan semua dokumen yang lapan bulan punya *research* hilang bersama, saya hampir menangis tetapi malangnya apabila saya melaporkan perkara ini kepada polis, CCTV yang beroperasi di KLIA tidak mempunyai filem yang tertentu. Maknanya apa sahaja yang dipandang, tidak ada yang direkod secara *permanent*.

Jadi, dengan sendirinya barang yang hilang itu bukanlah banyak sangat, *laptop* hanya RM6,000 lebih, pen yang dihadiahkan kepada saya RM1,800 nilainya, *my birthday gift* daripada isteri saya.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Emm, tidak apalah itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, ada juga barang-barang lain hilang. Semua tidak dapat di"*recover*". Itu tidak menjadi masalah. Benda yang hilang boleh diganti. Tetapi masalahnya, polis di KLIA boleh mengatakan ada *Peruvian syndicate operating* di KLIA tetapi CCTV tidak ada filem.

Jadi macam mana? Adakah sekarang sudah diperbaiki supaya perkara yang sama tidak berlaku kepada orang lain dan mungkin berkemampuan mencemarkan nama baik KLIA? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya CCTV ini sepatutnya ada rekod apa yang berlaku di beberapa tempat tetapi ada juga *black spot* yang tidak dapat direkod. Oleh yang demikian, maka CCTV juga akan ditambah.

Mengenai masalah kecurian ini, memang menjadi satu masalah tetapi sekarang nampaknya ada kekurangan dengan beberapa tindakan yang diambil oleh MAB untuk mengatasi masalah ini.

Mengenai kegagalan kita mendedahkan beberapa insiden kepada orang awam, ingin saya memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Tumpat bahawa kadang-kadang kita tidak boleh mendedahkan sesuatu insiden sebelum siasatan yang teliti dibuat ataupun selesai. Apabila perkara yang berlaku itu selesai siasatannya, mungkin kita dapat memberitahu kepada orang awam apa yang berlaku.

Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan kedudukan pesawat...

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya difahamkan selepas kapal terbang MAS kita *skidded* di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi di Singapura, apabila penumpang-penumpang turun daripada kapal terbang, tidak terdapat kakitangan MAS untuk menolong mereka pada masa itu. Jadi, mereka sangat tidak puas hati selepas berlakunya satu kecemasan tetapi tidak ada kakitangan MAS untuk menolong mereka. Apakah sebabnya? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai kejadian di Singapura, kita juga sedang menunggu laporan penuh mengenai apakah sebabnya dan masalah-masalah yang berbangkit. Sepatutnya ada pegawai MAS di situ tetapi kita juga hendak menasihati mengapa tidak ada pegawai MAS yang menyambut mereka.

Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan kedudukan pesawat Fokker yang digunakan di Sabah dan Sarawak, sama ada penggunaannya diteruskan atau digantikan dengan pesawat lain. Untuk makluman Yang Berhormat, MAS telah pun mengadakan kajian ke atas pesawat Fokker dan hasil kajian tersebut telah dikemukakan kepada Penerbangan Malaysia Berhad yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan domestik. Lanjutan daripada kajian tersebut, perbincangan lanjut akan diadakan di antara kedua-dua pihak untuk tindakan susulan yang perlu.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang meminta dipanjangkan landasan Lapangan Terbang Kota Bharu daripada 6,000 kaki kepada 8,000 kaki. Pada masa ini, panjang landasan ialah 1,981 meter dan pesawat besar yang boleh dikendalikan ialah B737. Saiz penggunaan terminal adalah 12,000 meter persegi dan telah disiapkan pada tahun 2002. Pada tahun 2000, jumlah penumpang yang dikendalikan ialah 512,834 orang; pada tahun 2001, seramai 506,632 orang dan pada tahun 2002 seramai 534,954 orang. Jadi, setakat ini kerajaan tidak ada bercadang untuk memanjangkan landasan Lapangan Terbang Kota Bharu.

Masalah pesawat yang mendarat dan beberapa perkara yang disentuh adalah mengenai, misalnya pemasangan *terminal pros-radar* (ILS), pada masa ini *volume* trafik tidak memerlukan kemudahan ini. Pergerakan pesawat masih boleh dikawal dengan selamat.

Yang Berhormat bagi Sipitang juga menyentuh mengenai landasan kapal terbang di Labuan dipanjangkan untuk menampung pesawat yang lebih besar. Lapangan terbang di Labuan mempunyai landasan panjangnya 2,330 meter, yang berupaya mengendali pesawat B737. Ia disiapkan pada tahun 1999. Jumlah penumpang yang dikendali pada tahun 2000 adalah 475 ribu penumpang, tahun 2001 adalah 520 ribu; dan tahun 2002 adalah 548 ribu. Pada masa ini lapangan terbang yang sedia ada masih berupaya menampung permintaan *volume traffic*.

Yang Berhormat bagi Sibu menyentuh mengenai cadangan melebarkan *runway* di Sibu. Seperti Yang Berhormat sedia maklum perkara ini pun telah kita jalankan, cuma yang menjadi persoalan adalah sama ada kita hendak melebarkan api, *light*, yang diperlukan dari 45 meter kepada 60 meter. Ini kita akan kaji.

Yang Berhormat bagi Seputeh menyebut ejaan "*oversight bag*", sepatutnya "*oversized*", kita akan minta pihak berkenaan menyemak pembetulan tersebut.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya mengenai projek lapangan terbang baru Tioman. Projek lapangan terbang baru Tioman merupakan satu komponen penting dalam rangka perancangan kerajaan dalam membangunkan industri pelancongan negara. Pulau Tioman merupakan sumber pendapatan pelancong yang lumayan kepada negara.

Statistik hotel-hotel di Pulau Tioman. Pada tahun 2000 jumlah seramai 86,590 orang dan meningkat kepada 26.3% kepada 100,850 orang untuk tahun 2001. Bagi tahun 2002 jumlah ini terus meningkat kepada 120,000 orang. Maka, selari dengan perkembangan ini adalah wajar untuk Pulau Tioman mempunyai lapangan terbang yang lebih besar. Untuk makluman Yang Berhormat, kos projek ini tidak seperti mana yang disebut kepada Yang Berhormat, ia tidak akan melebihi RM200 juta.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat menyentuh mengenai pembinaan pejabat baru Batu Pahat. Cadangan untuk membina pejabat baru di JPJ Batu Pahat telah ditukar kepada pembinaan quarters kakitangan. Ini adalah lebih sesuai dibanding dengan pembinaan pejabat baru. Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan penggunaan ini terhad, projek tersebut telah ditangguhkan pelaksanaannya.

Pembinaan Stesen Titi Timbang di seluruh negara adalah merupakan projek yang dikendali oleh Kementerian Kerja Raya sebagai langkah untuk mengatasi masalah kerosakan jalan raya di seluruh negara. ini termasuk pembinaan Stesen Titi Timbang di Batu Pahat. JPJ hanya mengambil alih untuk menjalankan penguat kuasa ke atas kenderaan berat yang melalui stesen tersebut setelah ia siap dibina. Dalam pembinaan ini pejabat JPJ tidak diperlukan oleh Kementerian Kerja Raya.

Mengenai PUSPAKOM, ia tidak dikawal selia oleh JPJ. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara ini. Sebenarnya JPJ sentiasa membuat pemantauan kepada PUSPAKOM, pegawai bahagian teknik JPJ telah membuat pemeriksaan ke atas semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM yang berjumlah 31 kesemuanya dari masa ke semasa bagi memastikan pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM adalah mengikut standard yang ditetapkan.

Mengenai masalah Tonto. JPJ mengambil berat ke atas perkara ini dan sedang memantau dengan teliti aktiviti pegawai dan kakitangan yang membocorkan operasi penguat kuasa kepada Tonto.

Mengenai bekalan senjata api kepada pegawai penguat kuasa JPJ. Ingin saya memberitahu Dewan ini bahawa senjata api yang dibekalkan kepada anggota penguat kuasa JPJ hanya terhad kepada ketua pasukan penguat kuasa yang akan menjalankan operasi penguatkuasaan. Pegawai yang terlibat ini telah pun diberi latihan menembak di lapangan sasaran. Selain daripada itu, mereka juga telah didedahkan mengenai undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan senjata api bagi mengelakkan ia disalahgunakan dan membahayakan orang awam.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya ada menyentuh mengenai masalah pembeli kereta curi yang dua kali dapat *renew*, lepas itu kena tangkap. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa yang empunya kereta itu haruslah membuat aduan kepada JPJ IBU Pejabat dan kita akan meneliti perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, JPJ telah memperkenalkan satu sistem nombor identiti kenderaan dengan pengeluar-pengeluar kereta. Inilah satu cara bagaimana kita hendak menentukan bahawa perkara curi kereta ini dapat kita elakkan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar membangkitkan mengenai kereta lama yang berkeadaan teruk dan membahayakan masih dibenarkan digunakan di jalan raya, dan mencadangkan supaya *road-worthiness* kenderaan ini dikaji semula sebelum dibenarkan digunakan di jalan raya. Untuk makluman Yang Berhormat, kereta lama yang didapati tidak selamat digunakan sememangnya tidak dibenarkan digunakan di jalan raya. Sekiranya kereta tersebut didapati berada di jalan raya oleh pegawai penguat kuasa JPJ, mereka boleh dikenakan saman dan didenda sebanyak RM300.

Selain dari itu kereta tersebut dikehendaki dibaiki dan diselenggara dengan baik sekiranya tuan punya kereta ingin menggunakannya. Lain-lain kereta lama yang dibenarkan diguna di jalan terbahagi kepada dua golongan iaitu kereta *vintage*, yang merupakan kereta lama berusia 50 tahun dan kereta *classic*, yang merupakan kereta lama berusia 25 tahun. Kereta-kereta jenis ini perlu menjalani pemeriksaan untuk mendapat sijil kereta *vintage* atau kereta *classic* sebelum ia boleh digunakan di jalan raya. Potongan cukai jalan juga diberi kepada kereta jenis ini, iaitu 90% kepada kereta *vintage* dan 80% kepada kereta *classic*.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga bertanya mengenai bahagian teknik di Sarawak dan Sabah, perlu mendapat bantuan dari bahagian teknik, ibu pejabat. Memang JPJ negeri Sabah dan Sarawak telah pun mempunyai bahagian teknik di pejabat masing-masing. Walau bagaimanapun, kakitangan bahagian teknik adalah terhad, iaitu terdiri daripada seorang Pembantu Teknik, seorang Pemeriksa Kereta/Motor Kanan dan dibantu oleh lima orang pemeriksa kereta. Pada masa ini JPJ sedang menimbang untuk menambah kakitangan di bahagian teknik di kedua-dua buah negeri ini untuk membolehkan ia berfungsi dengan lebih berkesan dan untuk menaikkan taraf pegawai di pejabat tersebut.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai banyak kenderaan berat menggunakan jalan di Sarawak. Seperti mana yang kita maklum, pembinaan Stesen Titi Timbang adalah dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya dan ketika ini Kementerian Kerja Raya, begitu juga JPJ sedang menjalankan kajian untuk meneliti di mana stesen ini perlu diadakan. Untuk tahun depan kita akan mengadakan satu tempat untuk stesen ini di Sarikei, dan sekarang kita telah menimbang untuk mengadakan satu kawasan ini di Kuching.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor menggesa supaya pembinaan kaunter pelanggan JPJ di Pasir Penambang dilaksanakan, seperti yang dijanjikan sebelum ini. berhubung dengan pembinaan kaunter pelanggan JPJ di Pasir Penambang, JPJ sememangnya bercadang untuk melaksanakannya. Namun demikian, peruntukannya terhad yang diterima oleh JPJ ketika ini, pembinaan tersebut ditunda sementara waktu.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga menggesa supaya diperbanyakkan kempen keselamatan jalan raya dan tidak terhad kepada musim-musim perayaan sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia sentiasa menjalankan kempen keselamatan terutama di musim perayaan dan juga pada sepanjang masa. Ini dilakukan melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya yang dijalankan di sekolah-sekolah di masa pameran permotoran dan kempen-kempen keselamatan yang dijalankan bersama dengan pihak swasta dan badan kerajaan seperti PLUS, Petronas, MMA. Selain daripada itu kempen keselamatan juga dijalankan oleh Majlis Keselamatan Peringkat Negeri dari masa ke semasa.

Mengenai peraturan pemasangan lampu motosikal pada siang hari dan lampu brek motosikal yang kurang jelas, ingin dimaklumkan bahawa peraturan memasang lampu motosikal pada siang hari masih dikuat kuasa pada ketika ini. Penunggang motosikal yang tidak memasang lampu siang hari boleh dikenakan saman dengan denda sebanyak RM300. Berhubung dengan motosikal model baru yang lampu breknya kurang jelas, adalah dimaklumkan bahawa motosikal tersebut telah pun diberi *tight approval* di mana ia adalah didapati memenuhi syarat antarabangsa sebelum ia dijual kepada orang ramai, dan didaftar dan dilesenkan. Justeru itu, lampu brek tersebut adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan pada ketika ini, di mana ia perlu jelas dan terang.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah menyentuh mengenai terdapat rekod pemilik kereta yang tidak sama di mana didapati pemilik kereta kena saman walaupun kereta itu bukan lagi menjadi miliknya. Untuk makluman Yang Berhormat, keadaan yang dibangkitkan ini boleh berlaku sekiranya pemilik asal kereta berkenaan telah menjual keretanya tetapi tidak menukar hak milik kereta tersebut kepada pemilik yang baru. Ini selalunya berlaku apabila kereta tersebut dijual kepada penjual kereta terpakai yang berharap tindakan menukar hak milik dilakukan oleh penjual berkenaan. Justeru itu saman ke atas kesalahan trafik yang melibatkan kenderaan itu akan diterima oleh pemilik kereta yang asal.

Cadangan supaya diturunkan cukai jalan ke atas lori-lori lain memandangkan lori semitreler telah diberi pengurangan cukai, saya ingin memberitahu bahawa keputusan untuk menurunkan cukai jalan untuk kenderaan adalah ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebelum itu berkenaan dengan rekod di JPJ. Saya ada katakan bahawa apabila orang itu pergi ke Pejabat JPJ, memang rekod sudah ditukar, tetapi apabila rekod itu disalurkan kepada pihak polis pula, butir-butir yang lama itu dikeluarkan. Kena selesaikan masalah itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat dapat bagi saya kes yang tertentu, kita akan menyiasat perkara itu. Mengenai cadangan supaya diturunkan cukai tadi, keputusan untuk menurunkan cukai jalan kenderaan adalah ditentukan oleh Kementerian Kewangan. Kementerian Pengangkutan pada ketika ini sedang menjalankan kajian ke atas struktur cukai jalan kenderaan berat di negara ini dengan mengambil perbandingan struktur cukai di negara-negara jiran bagi membolehkan cadangan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan bagi menurunkan cukai jalan yang sedia ada dengan tujuan membolehkan pengusaha pengangkutan negara ini berdaya maju, dapat bersaing dengan pengusaha pengangkutan negara lain.

Yang Berhormat dari Tanjong menanyakan apakah tindakan JPJ ke atas kereta yang di pasang,...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana memberi jawapan. Bolehkah saya dapat satu *time frame* bilakah pengusaha-pengusaha perindustrian lori ini mendapat tahu atau bolehkah mereka berdialog terus dengan kementerian? Mungkin kementerian Yang Berhormat bersama dengan Kementerian Kewangan? Dapatkah Yang Berhormat menjadualkan masa atau tidak? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak sabar, sebenarnya kita ada jawapan untuk Yang Berhormat tadi. Tapi walau bagaimanapun, oleh kerana Yang Berhormat bertanya, jadi saya terus jawab kepada Yang Berhormatlah. Yang pertama mengenai dialog. Memang sebenarnya kementerian telah mengadakan sesi dialog tahun 2003 yang telah diadakan pada 4 Mei dan baru-baru ini bulan September. Tiap-tiap tahun kementerian mengadakan sesi dialog dengan pelbagai pihak termasuk persatuan-persatuan lori. Kita juga boleh mengadakan satu lagi dialog sekiranya perlu.

Mengenai jangka masa kajian yang dibuat, kita tidak dapat berjanji di sini tetapi kita pasti hendak menentukan ianya dibuat dengan sesingkat yang dapat kerana kementerian sedar bahawa betapa pentingnya satu dasar yang dapat digubal dan diatur untuk membantu para pengusaha lori kita supaya mereka dapat bersaing dengan rakan-rakan mereka di negara-negara jiran lain lebih-lebih lagi dengan kemajuan WTO, AFTA dan sebagainya. Jadi kementerian memang mengambil berat perkara ini. Yang Berhormat dari Tanjong ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kota Melaka. Hendak beri jalan? Ya, sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya boleh terima tujuan kerajaan untuk menurunkan cukai jalan bagi *trailer* lori supaya mereka boleh meningkatkan keupayaan untuk bersaing. Tetapi kita pun tidak boleh mewujudkan satu ketidakadilan di kalangan *trailer* lori dengan lori yang ada sepuluh roda. Jadi saya haraplah bahawa kerajaan boleh turunkan kadar cukai jalan bagi lori yang sepuluh roda itu oleh kerana pengiraan perhitungan cukai jalan sebenarnya adalah bergantung kepada muatan mereka dan sekarang muatan lori sepuluh roda itu lebih kurang tetapi cukai jalan lebih tinggi dan ini satu ketidakadilan kepada mereka. Jadi harap boleh buat kajian.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Itulah juga termasuk dalam kajian kita. Kajian kita adalah menyeluruh untuk menentukan tidak ada pihak merasa tertindas atau kepentingannya tidak dikaji oleh kerajaan. Seperti saya sebutkan tadi adalah penting semua pihak pengangkutan ini mampu bersaing dengan rakan-rakan mereka di negara-negara jiran kita. Yang Berhormat bagi Tanjong bertanya apakah tindakan ke atas kereta yang dipasang aksesori yang berlebihan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilik kereta boleh memasang aksesori kepada kereta mereka selagi ianya tidak melanggar peraturan yang ada atau mengubah struktur kenderaan.

Sekiranya pemilik kereta memasang aksesori yang boleh menyebabkan perubahan struktur kenderaan sehingga membahayakan pemandu dan pengguna jalan raya yang lain, tindakan boleh diambil ke atas pemandu terlibat dengan dikenakan saman. Dan aksesori yang telah dipasang, di minta supaya ditanggalkan sebelum ianya boleh digunakan. Dalam hal ini, notis pengambilan arah periksa akan dikeluarkan kepada tuan punya kereta yang terlibat bagi memastikan kenderaan tersebut mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Kajian ke atas LKM bentuk baru yang senang koyak dan mudah pudar. Memang LKM bentuk baru

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Tanjong berdiri, Yang Berhormat. Sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah JPJ mempunyai satu garis panduan mengenai pemasangan lencana di kereta dan apakah tindakan yang sudah diambil mengenai isu ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang kita ada panduan dan JPJ akan mengambil tindakan kalau tuan punya kereta keluar dari panduan tersebut. Mengenai kajian LKM bentuk baru yang senang dikoyak dan mudah pudar. Untuk makluman Yang Berhormat, LKM bentuk baru yang senang dikoyak adalah dibuat sedemikian. Ini untuk menentukan bahawa mengelakkan perbuatan memindahkan atau meminda LKM kepada kenderaan yang lain. Bagi LKM yang dikatakan mudah pudar, sekiranya perkara ini berlaku pemilik LKM tersebut boleh datang ke Pejabat JPJ untuk ditukar dengan LKM secara percuma sebagai gantian.

Individu yang tidak mempunyai kenderaan tetapi saman polis sebanyak 41 kali. Memandangkan saman yang dikeluarkan dalam kes ini oleh pihak polis, JPJ akan mengadakan perbincangan dengan pihak polis untuk maklumat lanjut mengenainya. Hal ini mungkin Yang Berhormat boleh memberi maklumat lanjut kepada kami untuk siasatan.

Yang Berhormat bagi Bachok menyentuh mengenai kereta Kancil yang tidak sesuai. Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran kereta Kancil adalah mengikut standard antarabangsa yang ditetapkan dan ia telah selamat digunakan oleh pemandu. Mengenai kenderaan berat yang terlibat dan tidak diperiksa, ini tidak betul, tidak tepat kerana pihak PUSPAKOM memang mengadakan pemeriksaan supaya menentukan kereta itu *roadworthy*.

Mengenai cadangan supaya motosikal digunakan oleh remaja semasa waktu pejabat sahaja, cadangan ini tidak praktikal memandangkan motosikal merupakan keperluan kepada mereka berpendapatan rendah sebagai *mode* pengangkutan kepada mereka. Kawalan penggunaan motosikal hanyalah terhad kepada waktu pejabat akan menyekat pergerakan mereka yang menggunakan motosikal.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan Tumpat telah menyarankan bahawa KTB mempelbagaikan perniagaan dan mengatur rancangan mereka supaya mereka lebih *viable*. KTMB sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan terutama kepada pelanggan. Dengan siapnya Projek Landasan Berkembar Rawang-Ipoh, maka KTMB berharap akan dapat meningkatkan perkhidmatan dan berdaya saing dengan lain-lain *mode* pengangkutan perkhidmatan KTMB. Perkhidmatan KTMB telah lebih mesra pengguna dengan mengadakan kemudahan surau, tandas, bilik VIP, platform tertutup dan sebagainya. Kita juga ada menjual tiket secara *online*. Tren kita juga ada kantin, surau dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menanyakan *alignment* projek Ipoh-Padang Besar adakah mengikut jalan lama. Untuk makluman Yang Berhormat Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar telah mengikut *alignment* jajaran sedia ada. Walau bagaimanapun semua *level crossing*, lintas rata akan digantikan dengan jejantas, *flyover*. Pada masa ini pihak kerajaan sedang mengkaji dan menilai cadangan untuk dikemukakan oleh pihak kontraktor untuk dikenal pasti. Yang Berhormat bagi Tanjong

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam berdiri lagi, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri. Adakah saya – *can I take it as*, ia mengikut landasan sekarang. Jadi, ia akan melalui bahagian Bukit Mertajam. Begitu juga seperti sekarang, ia melalui banyak tempat dan akan mengendalakan banyak lalu lintas. Jadi, kalau ini adalah keadaannya, apakah rancangan untuk mengurangkan gangguan lalu lintas oleh kereta api ini? Bolehkah saya dapat satu gambaran yang lebih jelas lagi khususnya di bahagian kawasan Bukit Mertajam? Ini adalah kerana ia perlu dua landasan. Mungkin ia perlu penempatan semula, *relocate* penduduk-penduduk dekat kawasan itu, dan mungkin saya dapat menolong. Tetapi kalau saya tidak ada maklumat, saya tidak dapat menolong. Jadi, saya memohon untuk mendapatkan satu kalau boleh secara bertulis di bahagian Bukit Mertajam mengenai projek ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Secara umumnya saya telah beritahu tadi bahawa semua lintas rata (*level crossing*) akan digantikan dengan jejantas. Jejantas inilah akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas. Jadi, kalau Yang Berhormat memerlukan secara bertulis untuk pembangunan dalam kawasan Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat tulis kepada kementerian, kepada saya. Okay.

Yang Berhormat bagi Tanjong menanya kedudukan pelaksanaan projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar, Seremban-Johor Bahru. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang menilai dan mengkaji cadangan yang dikemukakan oleh kontrak iaitu Ircon, DRB-Hicom/M-Rel untuk sektor Utara dan CRAT-DRB-Hicom, Khidmat Asia, MMC untuk sektor Selatan bagi kerja infrastruktur.

Bagi sistem pula, kedua-dua sektor kontraktor yang dicadangkan adalah MITSUI. Di samping itu, kerajaan juga menilai cadangan kontraktor tempatan iaitu M. Sigamuda yang mengemukakan cadangan untuk membina infrastruktur dan sistem untuk kedua-dua sektor.

Antara objektif pelaksanaan projek ini ialah untuk:-

- (i) mengadakan infrastruktur pengkeretapiian dengan kelajuan 190 kilometer satu jam;
- (ii) meningkatkan keselamatan operasi kereta api menggantikan lintasan rata kepada lintasan bertingkat;
- (iii) melancarkan pergerakan barang kontena terutama untuk projek Trans-Asia, Singapura-Kunming, China;
- (iv) memendekkan masa perjalanan dengan lebih selamat dan selesa;
- (v) mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Yang Berhormat bagi Tumpat bertanya mengapa menganak tiri sektor dari Gemas ke Tumpat. Sebenarnya kita tidak ada menganaktirikan mana-mana sektor. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pengukuhan dan pembaharuan KTMB dari Pantai Timur adalah seperti berikut.

- untuk landasannya kita ada membelanjakan RM85.9 juta;
- untuk jambatan RM19.91 juta;
- untuk stesen RM1.9 juta.

Semua projek sedang dan telah siap dilaksanakan. Juga kita memberi subsidi kepada Pantai Timur RM30 juta setahun.

Yang Berhormat bagi Tuaran ada bertanya mengenai *locomotive* yang telah berumur 30 tahun di Sabah dan apakah usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kereta api di Sabah dan bagaimana cadangan mengadakan Pan-Borneo Railway. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan peruntukan RM11.4 juta untuk kerja-kerja baik pulih dua *locomotives*, pembelian alat ganti dan pembelian

40,000 kayu landasan. Kerja-kerja sedang dilaksanakan. Kerja pemulihan 134 kilometer landasan, 13 stesen, jambatan, semboyan, komunikasi serta pembelian dua *locomotives* baru sedang dalam perancangan dan dijangka akan dimulakan pada tahun 2004 dan akan siap pada tahun 2006. Kos projek ini dianggarkan sebanyak RM383.15 juta dan peruntukan disediakan oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Sabah juga menyumbang sebanyak RM57 juta. Bagi Pan-Borneo Railway, kerajaan belum bercadang untuk melaksanakannya.

Yang Berhormat bagi Serdang menyentuh mengenai masalah banjir di Stesen Serdang. Tindakan bersama telah dilaksanakan antara Majlis Perbandaran dan pemaju The Mines seperti yang pertama, membesar dan membersihkan longkang dan usaha sedang dijalankan.

Untuk *parking station* di Serdang, KTMB telah menambah keluasan *parking* sepanjang 100 meter. Projek ini telah pun siap pada 30 September 2003. Cadangan untuk *quarters* terbiar dijadikan *parking*, KTMB akan mengambil perhatian atas cadangan tersebut.

Yang Berhormat bagi Serdang juga mencadangkan memanjangkan LRT dari Bukit Jalil ke Puchong, dan juga membina stesen LRT di Serdang. Perkara ini akan diteliti oleh Kementerian Pengangkutan. Sekiranya didapati sesuai ia akan dipanjangkan untuk kelulusan persetujuan agensi pusat.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja perkara-perkara yang saya jawab untuk Kementerian Pengangkutan. Apa-apa perkara yang tidak dijawab akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Puan Chong Eng: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM698,699,200 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM698,699,200 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,863,402,830 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,863,402,830 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

**Maksud B.29 [Jadual] -
Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2004] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Saya bagi Batang Lupar dahulu.

11.58 pagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. I fikir dia tegur saya minta *borrow something*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus cakap, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ingin menyentuh beberapa perkara di bawah kementerian ini berlainan daripada perbincangan saya yang telah lalu, di mana saya banyak menyentuh persoalan perancangan kerajaan untuk menghantar kemudahan-kemudahan prasarana, komunikasi di luar bandar. Jadi, sekarang ini saya menumpu perhatian saya dengan satu persepsi bahawa kemudahan-kemudahan telah dihantar dan komputer-komputer telah sampai dan orang kita telah tahu menggunakan komputer dan juga masuk ke Internet.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam soalan itu saya menumpu kepada Butiran 010000 – Perkhidmatan Bantuan. Apabila negara macam Amerika, Eropah dan sebagainya telah mempunyai penyampaian

penetration Internet dan teknologi komunikasi ini berlaku, ekoran dari itu cara mereka menjalankan *business*, cara kehidupan mereka, cara pentadbiran negara mereka dan cara permainan, makan dan semua sekali telah berubah. Tetapi di samping itu juga ada perubahan lain yang membawa kesan yang negatif di kalangan negara-negara yang mendapat sambungan Internet dan akses kepada Internet yang telah mendatangkan kesan buruk kepada penghuni negara tersebut.

Umpamanya, Tuan Pengerusi, pada tahun 2002 industri pornografi dalam internet telah menjangkau nilai USD57 bilion di seluruh dunia dan USD12 bilion di Amerika. Ini US Dollar, bukan Ringgit Malaysia. Jadi, kita melihat begitu besar sekali impak dan penggunaan internet ini sebagai saluran kepada penjualan benda-benda lucah, benda-benda yang tidak boleh diterima dari segi moral mana-mana negara tidak kira di Barat, di Timur ataupun di Utara.

Jadi, persoalannya berbangkit di negara-negara tersebut macam mana untuk mengatasi masalah kemasukan pornografi ataupun benda-benda yang *anti-desirable* dan juga benda-benda yang mendatangkan jenayah di negara tersebut. Ada dua pendapat iaitu umpamanya di England katakan, kita mesti membuat satu dasar yang mana *self-regulatory* tetapi di Amerika mengatakan kita mesti mewujudkan satu undang-undang yang khusus untuk kontrol kemasukan benda-benda yang kita tidak terima dari segi agama, moral dan jenayah ini.

Persoalannya, Tuan Pengerusi, saya pinta kementerian menjawab apakah dasar Malaysia memandangkan yang kita hendak mempelopori MSC ini. Adakah kita mengikut tindakan di Amerika, kita akan membuat satu *regulation* yang tertentu dan dasar yang tertentu untuk membendung kemasukan *phonographic material*, *undesirable material*, *harmful material* dan juga kelakuan jenayah dalam internet? Atau kita mengikut di England iaitu menjurus ke hala kawalan peribadi ataupun sendiri (*self-regulation*, *self-regulatory*).

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak membanteras soalan ini, adakah kerajaan telah membuat satu penyelidikan awal mencari cara dan mekanisme sebagaimana yang telah dipelopori di negara Barat? Mereka menggunakan beberapa mekanisme teknologi umpamanya *webtrack*, *surfwatch*, *netnannies*, *cyberpetrol*, *cybersitter*, *cybertimers* iaitu ada yang *filter* apa sahaja benda yang kita tidak terima dengan secara automatik, tetapi ada juga membendung daripada *timing* bila masa anak-anak ini boleh atau budak yang masih belum menjangkau umur mengetahui sama benda itu baik ataupun tidak.

Sekarang anak-anak kita lebih mahir daripada kita masuk internet dan menggunakan internet, menggunakan *searchway* di dalam komputer. Tetapi dalam keadaan sedemikian, apakah tindakan kita? Adakah kerajaan bersetuju atau bersedia untuk membelanjakan wang untuk membuat *research* supaya semua *control* ini, mekanisme ini kita cari dan boleh kita jual dan kita agih kepada pihak-pihak yang tertentu umpamanya *Cyber Café*, kepada individu-individu di rumah ataupun pejabat-pejabat dan berbagai lagi?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Kerana kita tidak mengetahui secara khususnya dan kita tidak boleh control seseorang itu duduk di komputer yang tidak ada akses kepada *phonographic material* yang boleh dilayari dalam komputer. Jadi, dalam keadaan sedemikian, adakah kita mengambil tindakan positif agar perkara ini tidak menjadi satu masalah, apa yang dipandang oleh pihak di Barat sebagai satu masalah yang besar pada tahun 1995 yang menggegarkan mereka supaya mengambil tindakan yang positif sebelum berlakunya?

Jadi, yang kedua saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada kita membuat penyelidikan. Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar ada segelintir terutama sekali di kalangan orang Melayu yang mengharamkan penggunaan komputer di rumah. Tujuannya ialah mengatakan bahawa komputer ini tidak mendatangkan hasil, tidak mendatangkan faedah, tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada penghuni rumah tersebut.

Persoalannya, adakah benar perkara ini berlaku ataupun ini rekaan penulis daripada surat khabar ini semata-mata. Tetapi daripada pandangan kita, mungkin juga benar berlaku, oleh kerana kita pandangan kurang celik dan cetek dan mungkin *very narrow*. Kita berpandangan bahawa apa sahaja benda yang moden yang boleh membawa persoalan yang saya sebutkan tadi iaitu *phonographic materials*, *harmful materials*, *undesirable* dan *illegal materials* ini masuk ke rumah kita, memang kita pandangkan benda ini ialah satu *channel* ataupun medium yang akan membawa keburukan.

Jadi, persoalannya ialah benarkah orang Melayu kebanyakannya terutama sekali mengikutnya di kawasan-kawasan yang mungkin di bawah satu kerajaan, satu-satu parti yang mirip kepada persoalan yang sedemikian, mengatakan perkara ini sepatutnya tidak digalakkan kepada orang Melayu. Kalau ini berlaku,

Tuan Pengerusi, kita bimbang orang Melayu akan tersisih dari mendapat manfaat daripada ilmu teknologi maklumat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kena gulunglah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Gulung?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ingat saya cakap belum panjang, Tuan Pengerusi. Jadi yang ketiga yang saya sebutkan saya terbaca juga dua tiga hari lalu, soalan "spam" ini yang surat tidak berhenti, *advertisement* dan bermacam-macam sekali *spam* yang dikeluarkan di dalam internet kita in, yang *invading* kita punya internet ini begitu banyak rupa dia.

Jadi, saya mendengar daripada surat khabar walaupun surat khabar juga mengatakan kerajaan telah bersedia untuk membuat undang-undang yang tertentu untuk *control* penggunaan *junk* material masuk dalam web kita ataupun dalam kita punya internet.

Saya ingin bertanya kepada kementerian bilakah undang-undang ini dibawa ke Dewan ini dan adakah garis panduan awalnya ataupun *bill* yang awalnya boleh disampaikan kepada Ahli Parlimen supaya boleh kita membuat input-input yang tertentu memberi pandangan kita yang tertentu kerana dalam teknologi yang baru ini, Tuan Pengerusi, tidak siapa pun boleh mengatakan dirinya pakar dalam apa-apa bidang.

Jadi, *two heads are better than one*, dengan izin. Jadi, dengan itu kalau semua Ahli Parlimen diberi salinan perundangan ini, insya-Allah kita juga boleh membantu kerajaan memberi input-input yang tertentu yang mungkin dapat difikir patut dimasukkan ke dalam undang-undang yang begitu penting kepada negara.

Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, Tuan Pengerusi, saya menyokong dan menggulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

12.08 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, Butiran 01000 – Khidmat Bantuan. Pihak kementerian telah menggariskan objektif dan strategi untuk meningkatkan jentera perkhidmatan awam dan penyeliaan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan komputer dan multimedia serta bekalan tenaga elektrik untuk memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan itu dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan dengan kepentingan semua pihak.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya akan memberi pandangan dan ulasan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan tenaga dan komunikasi di sekitar kawasan Parlimen Serdang agar dapat ditingkatkan mutu perkhidmatannya.

Tuan Pengerusi, Pejabat Pos Sri Kembangan setiap hari menerima 35,000 surat dengan 3,000 bungkusan untuk diserahkan kepada pelanggan-pelanggan di sekitar kawasan Sri Kembangan. Tuan Pengerusi, di Pejabat Pos Sri Kembangan hanya terdapat 41 orang posmen akan memberi perkhidmatan mail meliputi kawasan yang luas. Di kawasan Sri Kembangan ada 12 taman perumahan dan 5 kawasan industri sampai ke Balakong. Di kawasan Balakong ada 10 taman perumahan dan 4 kawasan industri, dan juga melanjutkan perkhidmatan mel kepada Pasar Borong Selangor, Taman Equine.

Jadi demikian perkhidmatan kaunter dan mel di kawasan Sri Kembangan ini memang luas. Saya tidak akan membuat sungutan mengatakan perkhidmatan tidak baik tetapi apa yang perlu ialah mengimbangkan kawasan tersebut. Jadi saya ingin memberi cadangan kepada pihak kementerian supaya Pejabat Pos Sri Kembangan dengan adanya perkhidmatan kaunter dan perkhidmatan mel ini dapat diasingkan supaya mel di Sri Kembangan dapat dipindahkan ke kawasan lain agar dapat memberi ruang yang cukup untuk perkhidmatan kaunter di Sri Kembangan.

Cadangan kedua itu, Pejabat Pos Balakong hanya memberi perkhidmatan kaunter tanpa perkhidmatan mel. Di kawasan Balakong sosio ekonominya begitu pesat dibangunkan tetapi seperti mana yang saya katakan, dengan ada lebih daripada 10 buah taman perumahan dan 4 kawasan industri, dengan wujudnya Pejabat Pos Balakong tiga tahun dahulu dan perniagaan atau perkhidmatan kaunter yang begitu sibuk, yang ada hanya tiga kaunter sahaja, dan ini tidak dapat lagi mengatasi masalah pelanggan yang datang dari kawasan sekitar untuk mendapat perkhidmatan.

Jadi saya cadangkan supaya Pejabat Pos Balakong diperbesarkan lagi untuk menambah perkhidmatan kaunter dan juga perkhidmatan mel di kawasan tersebut. Jangan biarkan posmen datang dari Sri Kembangan yang begitu jauh untuk menghantar surat-surat dan bungkusan ke kawasan Balakong. Apa sebabnya Pejabat Pos Balakong tidak boleh mewujudkan perkhidmatan mel di situ dan juga untuk menentukan poskod tersendiri di Balakong? Pada masa sekarang, kawasan Balakong ini menggunakan poskod Sri Kembangan. Jadi kawasan yang berasingan dan begitu pesat membangun memang perlu juga ditimbangkan bagi mendapatkan perkhidmatannya sendiri atau asing.

Saya juga meminta Pasar Borong Selangor dan kawasan sekitar yang sedang membangun begitu pesat termasuk Taman Equine itu ditimbangkan bagi mewujudkan sebuah pejabat pos di situ dan jangan hanya bergantung kepada Pejabat Pos Sri Kembangan. Saya pernah mendapat surat dari pihak pos mengatakan bahawa perkhidmatan pos di pasar borong boleh datang ke Pejabat Pos Sri Kembangan walaupun jauhnya 10 kilometer. Saya tidak tahu apa garis panduannya tetapi walau bagaimanapun, saya harap Pos Malaysia Berhad perlu melaksanakan program pemodenan operasi mel bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mel dan juga berilah tumpuan kepada kawasan-kawasan yang pesat membangun dengan membuka pejabat pos yang mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya akan memberi ulasan mengenai Telekom. Apakah sebabnya banyak kawasan perumahan di sekitar Parlimen Serdang walaupun rumah siap dan pemilik-pemilik sudah masuk satu, dua tahun, tetapi tidak mendapat perkhidmatan telefon? Saya tanya apa sebabnya? Dia kata: "Perancangan tidak ada" atau "Talian tidak ada". Begitulah jawapan pihak telekom, tetapi saya tidak tahu apa sebabnya.

Seperti kawasan Taman Saujana Puchong, Taman Harmoni Indah Balakong, Balakong Jaya, Taman Kota Perdana, Taman Lestari Perdana, Taman Pinggiran Putera dan kawasan-kawasan yang lain, yang mana kawasan perumahan ini yang sudah siap dan pemilik-pemilik sudah mendiami rumah tersebut tetapi tidak mendapat perkhidmatan telefon. Kalau tidak ada talian telefon, ertinya tidak boleh pakai internet, tidak boleh pakai fax.

Jadi ertinya, terjejaslah kawasan-kawasan yang begitu maju. Kawasan Serdang, Tuan Pengerusi, adalah di bawah lingkungan MSC. Kalau yang paling dekat dalam lingkungan MMC ini tidak mendapat perkhidmatan telefon, saya tidak tahu apa kesilapan yang berlaku di kawasan ini. Saya minta perancangan perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan perumahan di sekitar yang paling dekat dengan Putrajaya ini dapatlah diberi keutamaan atau perancangan yang lebih awal untuk merancang supaya apabila projek-projek perumahan siap, perkhidmatan telefon sampai. Ini satu perkara penting.

Satu lagi, saya dapat surat jaminan. Ini satu komitmen. Pihak Telekom Malaysia Berhad akan membuka Kedai Telekom di Serdang. Katanya siap pada tahun ini, tetapi tidak ada tanda-tanda bilakah pembukaan kedai telekom yang telah *dcommitted* oleh pihak Telekom Malaysia Berhad itu akan dilaksanakan. Ini adalah kerana pembukaan kedai telekom di Serdang akan memberi kemudahan perkhidmatan yang lebih cepat dan lebih baik. Pada masa sekarang penduduk Serdang sudah membuat permohonan pergi ke Kajang atau PJ yang begitu jauh jaraknya. Perkhidmatan itu tidak berkesan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih. Saya akan minta pandangan pihak berkenaan, walaupun ini ada berkaitan dengan bekalan elektrik.

Akhirnya, gangguan elektrik di kawasan utara baru-baru ini akan dijadikan satu pengalaman. Di kawasan Serdang ini begitu pesat pembangunannya masih terdapat gangguan elektrik atau bekalan elektrik tidak cukup *voltage*nya. Jadi saya sebagai wakil rakyat sentiasa berbincang dengan pegawai-pegawai kanan TNB Bangi di mana mereka telah merancang dan mengemukakan cadangan untuk menambahkan pencawang-pencawang di kawasan tersebut tetapi peruntukan tidak dapat diluluskan. Saya tidak tahu apa sebabnya Ibu Pejabat TNB tidak boleh memberi sumbangan atau peruntukan untuk disalurkan ke kawasan Parlimen Serdang di mana kawasan Serdang adalah di antara Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jadi mintalah pihak Ibu Pejabat TNB supaya memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan daripada TNB Bangi supaya mempertingkatkan lagi perkhidmatan bekalan itu supaya tidak ada gangguan di situ. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam.

12.18 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tuju kepada objektif Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Objektif keenam - untuk menyediakan satu kerangka kawal selia dan sistem insentif pasaran supaya dapat dipastikan kesan negatif industri tenaga, komunikasi dan multimedia terhadap alam sekitar adalah di tahap minimum dan seterusnya. Dan juga strategi kelima – meningkatkan jentera pengawal seliaan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan komunikasi dan multimedia serta bekalan tenaga elektrik untuk memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan ini dijalankan dengan cekap dan berkesan dan kepentingan semua pihak diberi perhatian sewajarnya.

Dalam objektif, saya rasa kementerian ini walaupun memberi kepentingan kepada alam sekitar tetapi tidak memberi kepentingan kepada pengguna ataupun rakyat biasa, walaupun dia mengatakan kepentingan semua pihak diberi perhatian yang sewajarnya. Saya memperkatakan tentang alat pemancar telefon bimbit atau telekomunikasi kerana di dalam negara ini terdapat beribu-ribu alat pemancar dan menara telekomunikasi yang didirikan tanpa kelulusan. Hanya 27% sahaja mematuhi syarat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang lain, alat sistem ini tidak mendapat kelulusan ataupun adalah haram tanpa kelulusan.

Jadi boleh kita katakan bahawa perkhidmatan menara telekomunikasi ini kebanyakannya adalah haram (*illegal*) dan ia telah mendatangkan kesan kepada berpuluh-puluh ribu rakyat.

Taraf kehidupan mereka, kualiti kehidupan mereka telah terjejas dan sudah beberapa tahun tetapi tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Saya tahu nanti Setiausaha Parlimen Kementerian ini akan kata bahawa "Ini penguatkuasaan bukan tanggungjawab kementerian saya. Tidak ada bukti yang mengatakan bahawa ia akan mendatangkan apa-apa kesan kepada kesihatan". Saya sudah mencabar, adakah kementerian ataupun Yang Berhormat boleh memberikan jaminan bahawa ia tidak akan memberi apa-apa kesan kepada kesihatan tetapi saya rasa kementerian tidak akan dapat memberi jaminan tersebut.

Sejak 30 tahun yang lalu, memang tidak ada bukti yang mengatakan merokok akan mengancam kesihatan tetapi hari ini sudah ada bukti. Jadi, saya rasa tanggungjawab pihak kementerian dan kerajaan ialah untuk melindungi rakyat daripada sebarang ancaman kesihatan. Saya akan bawakan satu contoh, dalam kolej ... *[Menunjukkan gambar daripada keratan akhbar bahasa Cina]*..

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Puan Chong Eng: Nanti, saya beri contoh ini dahulu. Nanti. *[Memberi isyarat tangan]* Ini ialah ini adalah di ...

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Tidak bagikah?

Puan Chong Eng: di kawasan.... Tidak bagi, tidak bagi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata nanti dulu.

Puan Chong Eng: Saya rasa ini adalah di kawasan Yang Berhormat bagi Padang Serai. Dia mendirikan satu pemancar Maxis 012 di dalam kawasan Kolej MARA Kulim. Berapa orang di Kulim, Bandar Baharu, dalam kawasan kolej, di mana kita harap mungkin bekas-bekas menteri pun ada yang datang dari sana tetapi, ... *[Disampuk]* Kalau bekas menteri yang datang dari sana tetapi terkena kanser, ini bermakna semua usaha kita tidak mendatangkan apa-apa hasil.

Mereka telah mengadu kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran, mereka mengadu kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, dan mereka juga mengadu kepada Menteri Besar. Yang Dipertua Majlis Perbandaran mengatakan bahawa beliau perlu mendapat arahan daripada Menteri Besar. Apabila aduan dibuat kepada Menteri Besar, Menteri Besar telah menulis surat kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran, meminta beliau untuk mengambil tindakan tetapi sampai hari ini tidak ada tindakan yang diambil. Ini adalah hanya satu contoh, yang menunjukkan ada orang yang merasa bimbang tentang kesihatan mereka terjejas. Mereka berpindah, tetapi bagi orang lain yang tidak mampu membeli sebuah lagi rumah, macam mana hendak pindah?

Jadi, saya harap kementerian ini, walaupun dia kata bukan dalam kuasa dia untuk menguatkuasakan tetapi memang kementerian ini merupakan satu daripada tiga kementerian berada dalam jawatankuasa untuk memastikan bahawa industri-industri ini tidak akan mendatangkan kesan yang negatif

kepada rakyat biasa. Saya tidak mahu meminta dia buat satu *review* ataupun menyewakan rumahnya untuk mendirikan satu pemancar tetapi saya haraplah semua menteri lebih prihatin, jangan hanya kata Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang penyayang (*caring society*) tetapi pada polisinya sahaja sedangkan dari segi pelaksanaannya tidak ada ...

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Puan Chong Eng: ... tidak ada, kita tidak lihat ciri itu. Ya.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat ada buktikah tentang kesan-kesan daripada stesen pemancar ini? Saya rasa tidak ada bukti setakat ini. Macam tadi Yang Berhormat kata, merokok ada kesan yang tidak baik kepada kesihatan. Dari pengalaman saya, semua orang yang berkahwin dua, kahwin tiga semuanya menghisap rokok – kuat-kuat. Saya tidak tahu macam mana yang dikatakan merokok boleh merosakkan kesihatan! Yang kahwin dua, tiga semua menghisap rokok, hisap cerut, hisap paip semua sekali... [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin kalau Yang Berhormat tidak menghisap lebih kuat... [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Oh, Tuan Pengerusi pun kuat ya! Saya setuju Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng: Terima kasih. Satu lagi perkara yang saya ingin mendapat perhatian kementerian ialah tentang caj telefon bimbit (*mobile phone*). Telefon bimbit ini, kalau kita panggil satu nombor, walaupun kita tidak menerima, dia akan beritahu kita, "Anda berada di luar kawasan", ataupun dia akan memberitahu kita untuk "*to leave a message*" tetapi ada pengguna yang tidak *subscribe* kepada perkhidmatan *Message* ini. Jadi, kalau Tuan Pengerusi menelefon saya dan meninggalkan pesanan "*Leave a message*" tetapi saya tidak *subscribe* kepada perkhidmatan ini, maka saya tidak akan mendapat *message* itu tetapi Tuan Pengerusi kena bayar.

Saya rasa kita tidak memerlukan perkhidmatan ini. Kalau *free* tidak mengapa tetapi syarikat telefon mengenakan caj kepada kita. Kalau saya tidak *subscribe* maka tidak perlulah. Seperti *cable phone*, kalau panggilan tidak sampai atau *engaged*, kita tahu dari bunyi *tone* nya, tidak perlu ada satu suara untuk memberitahu kita. Saya rasa Telekom Malaysia juga telah mendapat banyak keuntungan, maka ia tidak seharusnya mengenakan caj kepada kita untuk perkhidmatan yang kita tidak *subscribe* ataupun kita tidak terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Chong Eng: Saya harap syarikat telefon boleh batalkan caj semacam ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

12.27 tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini bagi Maksud B.29 Butiran 03200 – Lembaga Lektrik Sabah.

Tuan Pengerusi, di negeri Sabah, setelah Lembaga Lektrik Sabah, soal elektrik di Sabah telah diberikan kepada Sabah Electricity Sdn. Berhad, ramai daripada rakyat Sabah sudah tidak memahami dan mengenali apakah Lembaga Lektrik Sabah ini. Persoalan saya di sini, Tuan Pengerusi, ialah apakah sebenarnya status Lembaga Lektrik Sabah ini? Apakah hubungan di antara Lembaga Lektrik Sabah dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. atau SESB dari segi membangun bekalan elektrik di negeri Sabah?

Saya ingin beralih ke Butiran 03202 iaitu Penghantaran dan Pembahagian. Dalam butiran ini, peruntukan sebanyak RM128,500,000 pinjaman dan peruntukan sebanyak RM98,089,745 juta telah

diperuntukkan. Saya tidak berapa faham dalam soal ini, adakah peruntukan daripada kerajaan ini diberikan kepada Lembaga Elektrik Sabah dan selepas itu dilaksanakan oleh SESB? Saya tidak berapa faham dan mohon penjelasan dalam Dewan ini.

Dalam hal penghantaran dan pembahagian elektrik negeri Sabah ini, saya ingin tahu status pembinaan *East-West Grid* iaitu *grid* daripada Sandakan ke Kota Kinabalu. Setakat ini rakyat di Sabah, dari Sandakan ke Kota Kinabalu, tertunggu-tunggu dan mengharapkan agar *grid* ini dapat dibina dengan cepat sebab setelah *grid* ini dibina nanti, banyak masalah bekalan elektrik di kampung-kampung di antara Sandakan dan Kota Kinabalu dapat diselesaikan. Setakat ini peruntukan yang diberi oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menyediakan prasarana bekalan elektrik di antara dua bandar utama ini menghadapi masalah, sebab yang penting akhirnya ialah bekalan elektrik itu akan sampai.

Saya ingin tahu sama ada pihak SESB menghadapi apa-apa masalah dalam pelaksanaan tersebut, terutama sekali masalah berhubung dengan orang kampung apabila memasuki kawasan untuk menyediakan prasarana bekalan elektrik tersebut. Dalam soal masalah pihak SESB apabila masuk kawasan untuk membina infrastruktur, saya amat prihatin dalam soal ini sebab banyak pengundi saya di kawasan Tuaran menghadapi masalah apabila dibina *grid* daripada Kota Kinabalu ke Kudat. Dalam hal ini, kita memahami bahawa kita amat memerlukan bekalan elektrik. Perindustrian di negeri Sabah bergantung kepada sama ada kita mempunyai bekalan elektrik yang stabil dan murah dari segi tarif dia.

Walau bagaimanapun, dari segi pembangunannya, ramai rakyat kita di kampung-kampung yang terkena kesan, sebab, pertama kadang-kadang orang kampung tidak tahu yang jajaran laluan elektrik ini melalui rumah mereka atau kampung mereka. Tiba-tiba datang kontraktor, mula membuat kerja-kerja dan sebab itu orang kampung marah sehinggakan ada berlaku di Tuaran, di mana tiang elektrik dekat rumah. Orang yang terlibat ini dia datang ke pejabat daerah dan dia pukul meja. Dia pukul meja Penolong Pegawai Daerah dan habis.

Saya bertanya bagaimana pihak pegawai-pegawai di SESB, bagaimana perkara ini boleh berlaku demikian sehinggakan tiang elektrik terletak dekat rumah? Beliau mengatakan bahawa rumah itu tidak terdapat dalam *local plan*. Sememangnya di kampung-kampung ini bukan semua rumah itu termasuk dilukis dalam *local plan* sebab ini kampung-kampung, tidak mempunyai pelan. Rumah-rumah itu tidak termasuk dalam *local plan* pasal dia di kampung-kampung ataupun barangkali, tanah beliau itu baru dibeli daripada orang lain dan apabila pihak SESB pergi ke jabatan tanah, yang punya tanah itu dia tidak boleh *locate*.

Dalam soal ini, saya ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya pihak SESB apabila memberi notis kepada orang-orang kampung untuk menjalankan kerja-kerja, surat itu ataupun notis itu hendaklah juga dilibatkan pemimpin-pemimpin tempatan seperti pengerusi JKK dan ketua kampung. Beritahu atau beri notis mengatakan bahawa kami ingin masuk ke kawasan, bukan sahaja notis kepada penduduk kampung ataupun rumah-rumah, sebab kadang-kadang mahu cari rumah-rumah itu masalah juga.

Jika sekiranya dilibatkan pemimpin-pemimpin tempatan seperti ketua kampung, pengerusi JKK dan sebagainya, mereka boleh bermesyuarat dan mereka boleh membincangkan sama ada mereka boleh membenarkan laluan jajaran elektrik itu melalui kampung mereka ataupun perlu di tempat lain. Jika sekiranya cadangan ini diterima, ini akan mempercepatkan proses pembinaan infrastruktur itu sebab jika kita tunggu daripada pihak pentadbiran tanah di pejabat daerah, dia akan memakan masa. Dalam proses ini juga, kita ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah meminda Ordinan Tanah, yang mana dalam seksyen 30, Ordinan Tanah Negeri Sabah, telah membenarkan pihak pemaju ataupun pihak dalam kes ini, SESB untuk masuk kawasan sebelum pampasan diselesaikan.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini kita tidak mahu SESB ini, dengan kuasa yang ada, yang dibenarkan oleh Ordinan Tanah ini, mereka masuk sewenang-wenangnya tanpa perbincangan dengan pemimpin-pemimpin tempatan sebab soal-soal pampasan ini banyak hal. Bukan sahaja pampasan tanah. Dalam pampasan tanah, saya difahamkan, pampasan itu adalah 30% daripada nilai tanah dan dalam proses penilaian tanah ini memakan masa begitu lama sebab penilaian tanah seperti biasa dibuat oleh Jabatan Tanah dan Ukur dengan jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Pertanian. Dalam hal ini, jika sekiranya pokok buah-buahan dan sebagainya telah ditebang dan apabila dia buat penilaian, pokok itu sudah tidak ada lagi, sudah reput, bagaimana lagi buat penilaian? Jadi sebab itu, walaupun Ordinan Tanah membenarkan SESB untuk masuk, tetapi hendaklah diadakan penglibatan pemimpin tempatan. Saya rasa ini amat penting.

Di kawasan saya ada terlibat di mana seorang keluarga, tanah dia dahulu apabila dibina *highway* daripada Kudat-Kota Kinabalu-Sulaman tanah dia habis kena. Selepas itu apabila dibina elektrik dari Kota

Kinabalu ke Kudat, kena lagi tanah dia. Habislah tanah. Jadi, tempat bikin rumah pun sudah tidak ada. Dalam kes ini, pihak SESB jika dibincangkan secara terperinci, sebelum dia masuk, jajaran itu, *alignment* itu boleh dipindah ke tempat lain sebab

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung. Sila gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya. Pendek sahaja. Sebelum masalah elektrik ini, di Sabah ini memang masalah besar sebab sekarang ini bergantung dengan IPP dan ada cadangan untuk membawa elektrik daripada Bakun. Saya ingin tahu status dia. Apakah kerajaan sudah membuat keputusan untuk membekalkan elektrik dari Bakun ke Sabah? Kita tahu ini adalah masih lama sebab Bakun belum siap. Sebelum Bakun ini siap, apakah alternatif yang harus kita buat, sebelum dibekalkan elektrik dari Bakun ini sebab bagaimana pelabur mahu datang Sabah kalau soal bekalan elektrik belum selesai?

Saya ingin tahu, adakah masalah-masalah yang dihadapi di antara SESB dengan IPP yang sedia ada. Adakah pihak kerajaan memikirkan untuk mengkaji kemungkinan memajukan mini-mini hidro sebab di Sabah ini banyak sungai-sungai kecil? Malah, setakat ini di kawasan saya, beberapa buah kampung dibekalkan elektrik daripada mini hidro di Gong, Kota Belud. Tanpa itu, kita tidak dapat bekalan elektrik. Saya ingin tahu sama ada kerajaan ambil tindakan sebenar.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sudah siap?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasihlah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan. Yang Berhormat, sebelum itu tunggu sekejap sebab ada usul untuk dikemukakan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), maka inilah saya mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.45 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan ke hari Isnin, minggu hadapan”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan.

12.39 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ada beberapa perkara iaitu Bahagian Perkhidmatan 26000. Satu, saya sudah bicara tetapi tidak ada respons berhubung dengan perkhidmatan Astro. Astro ini sudah menjadi topik, bukan sahaja dalam Parlimen ini bahkan di kedai kopi, di mesyuarat-mesyuarat, di kaki lima, rakyat biasa pun sudah boleh bicara, kompelin

soal perkhidmatan Astro. Astro di negara kita ini terlampau teruk, terlalu teruk kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Tetapi, ia mengenakan pembayaran begitu tinggi. Jadi, saya meminta kementerian yang bertanggungjawab, panggil pihak pentadbiran Astro, bagi mereka *show cause letter* kenapa perkhidmatan mereka tidak baik. Kalau ada hujan sedikit, ada angin, servis tidak ada.

Di Singapura, saya duduk sama juga. Ribut petir melanda, Astro bagi perkhidmatan yang baik. Apa beza dia, Astro negara kita dengan negara-negara yang lain termasuk di Eropah? Adakah Astro di sini cuma berhasrat mengaut keuntungan tanpa mengira *responsibility* yang dipertanggungjawabkan kepada mereka? Kalau ini berlaku, saya ingat perkhidmatan Astro di negara kita ini berhentikan dahulu, suruh mereka buat *research* yang sebaik mungkin untuk memastikan perkhidmatan Astro ini benar-benar berkesan dan setimpal dengan pembayaran yang dibayar oleh pihak pengguna. Selagi dia tidak boleh buat penjelasan kenapa perkhidmatan Astro di negara ini begitu buruk, dia tidak dibenarkan beroperasi. Pihak Kementerian harus mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pengusaha-pengusaha Astro ini.

Yang keduanya iaitu perkhidmatan telefon selular di Sandakan, contohnya Taman Tshun Nyen, Batu Lima, Sandakan, lebih kurang 7 kilometer daripada bandar-bandar. Dalam kawasan ini perumahannya bukan alang-alang canggih tetapi perkhidmatan telefon selular tidak ada. Dalam rumah, tidak ada satu, *single line* pun tidak ada, keluar dari rumah baru dapat satu atau setengah perkhidmatan. Jadi telefon atau tidak ada telefon serupa juga. Dia punya promosi dan sebagainya bukan main-main, boleh menarik pelanggan dan sebagainya. Tetapi perkhidmatan mereka tidak dipertingkatkan. Jadi, saya minta Kementerian ini supaya

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Adakah Yang Berhormat sedar dalam perkhidmatan Celcom ini yang nombor 019. Kalau kita beli yang *prepaid*, RM50 bila dia sudah masuk ke sana kadang-kadang dia boleh turun RM30 hingga RM37 sahaja. Banyak orang kompelin, orang mengatakan di Celcom ini dia ambil duit tanpa orang sedar. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau pihak kerajaan mengkaji balik Celcom punya *line* ini? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, saya pun ada menerima aduan. Jadi ini bagi saya kalau ini betul, ianya merupakan satu penipuan perkhidmatan oleh pihak-pihak operator. Jadi minta kerajaan atau kementerian ini menyelidik akan perkara-perkara ini sebab ini menipu pengguna. Jangan kita biarkan, cukuplah cek-cek kerajaan negeri kita ditipu dan dimanipulasi, jangan pula sampai perkhidmatan sebegini sebab kalau orang kampung menggunakannya dia beli RM50, dia ingat RM50 dia pakai satu kali dia tengok tinggal RM30. Jadi, ini merupakan satu manipulasi perniagaan dan saya meminta kerajaan menyemak dan meminta penyemakan semula berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan seumpama ini.

Saya memohonlah kalau boleh bagi pihak telefon selular mana-mana perumahan-perumahan dalam bandar, kita ini dalam dunia globalisasi, dalam bandar tidak ada perkhidmatan telefon selular ini amat memalukan. Sebab kita apabila mereka membuat promosi dan sebagainya menyatakan perkhidmatan yang baik itu dan ini di televisyen dan di mana-mana tetapi realitinya, paksa dia, mereka membuat pembohongan yang besar terhadap pengguna. Jadi saya minta perkhidmatan telefon selular ini membuat *research* mereka sendiri di mana perkhidmatan tidak ada harus diberi barulah pengguna itu berpuas hati dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka laksanakan.

Yang ketiga berhubung dengan 02600 - Hidro Bakun, saya pun serupa hendak tanya Kementerian bilakah hidro ini bermula dan apakah akhirnya akan memberi pembekalan kepada negeri Sabah. Kalau dia memberi pembekalan, berapa peratus pembekalan diberikan dan tahun berapa ianya dapat diberikan. Sebab kalau tidak pihak SESB ataupun LLN - dulu dikatakan sebagai LLN - menghadapi kerugian pada hari ini sebab perkhidmatan tenaga elektrik di Sabah ini bergantung kepada diesel dan harga diesel ini meningkat dari masa ke semasa.

Jadi adalah menjadi harapan saya dengan kita juga dapat mendengar, membaca di surat khabar bahawa syarikat Hidro Sarawak ini telah dibeli oleh salah satu pengusaha daripada Kuala Lumpur, daripada Semenanjung. Jadi adakah jaminan bahawa perkhidmatan tenaga hidro ini masih dibekalkan di Sabah? Kita juga dengar bahawa hidro ini akan dibekalkan kepada satu kilang aluminium daripada negara luar. Jadi, banyak *complicated* dalam soal ini kita minta penjelasan. Kalau tidak, apakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan program sebagai satu pilihan yang lain iaitu meneruskan program Hidro Liwagu di negeri Sabah ataupun mungkin peluang-peluang yang lain untuk memastikan bahawa dalam tahun 2010 perkhidmatan elektrik di Sabah dapat dipertingkatkan?

Saya berpendapat bahawa kerajaan harus membuat penelitian agar rakyat di Sabah juga menerima perkhidmatan yang seimbang seperti negeri-negeri yang lain. Kita bimbang dengan

pengambilalihan syarikat-syarikat daripada luar maka *social obligation* sudah tidak ada apabila harga diturun naik, direview dan sebagainya, maka ianya amat merugikan di antara kedua-dua negeri.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

12.46 tgh.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada 02600 - Projek Hidro Elektrik Bakun.

Seperti mana Yang Berhormat daripada Kinabatangan, kita juga ingin membuat penjelasan berkenaan dengan usaha pengambilan alih ekuiti dalam projek Bakun oleh seorang tycoon iaitu dari Tan Sri Syed Mokhtar, sebanyak 60% daripada khazanah ataupun Menteri Kewangan Diperbadankan.

Saya difahamkan bahawa setakat ini pembayaran hanya baru diletak sebagai *earnest money*, dengan izin, sebanyak 1% iaitu lebih kurang RM9 juta daripada keseluruhan harga sebanyak RM945 juta. Dan jumlah wang cagaran ini adalah amat kecil. Saya difahamkan hujung bulan ini GIIG Capital yang dimiliki secara tidak langsung oleh Tan Sri Syed Mokhtar harus membayar 10% daripada harga pasaran ataupun harga yang ditetapkan bagi projek Bakun yang bernilai berjumlah RM4.5 bilion.

Saya dapat sentimen pemain-pemain di pasaran bahawa Syed Mokhtar bukanlah seorang *good paymaster*, dia dikenali sebagai beli tetapi pembayarannya adalah disangsikan. Jika sekiranya ini berlaku, saya rasa semua pihak boleh membeli Bakun kalau diberikan peluang untuk meletakkan RM9 juta sebagai *earnest money* bagi membeli Bakun dan pembayaran selanjutnya hanya dibayar selepas *completion* projek ini, saya ingat kita boleh pakat Ahli-Ahli Parlimen untuk beli projek Bakun.

Jadi, ini yang berlaku dan kemudian saya difahamkan bahawa selepas MoF menjual Bakun kepada Tan Sri Syed Mokhtar mereka akan memohon pinjaman daripada EPF ataupun KWSP sejumlah RM2.5 bilion. Dan sekali lagi saya rasa kerajaan akan menjadi penjamin kerana tidak mungkin EPF boleh memberikan pinjaman kepada sebuah entiti swasta tanpa jaminan kerajaan sejumlah yang sedemikian besar RM2.5 bilion. Jika sekiranya kerajaan memberikan jaminan kepada entiti swasta untuk mendapatkan pinjaman daripada EPF, ini adalah satu permulaan yang saya rasa tidak baik bagi ekonomi negara kita.

Kita telah melihat di ambang kejatuhan ataupun krisis ekonomi 1997, satu daripada sebab utama ialah kerana *exposure* ataupun hutang-hutang sesuatu pihak tertentu menjadi begitu besar sehingga di luar kawalan. Saya difahamkan *exposure* Syed Mokhtar sudah melebihi RM10 bilion ataupun setengah berpendapat sudah mencapai RM30 bilion dalam ekonomi ataupun dalam pasaran kewangan negara kita.

Apabila *exposure* dilonggokkan kepada satu pihak dengan sedemikian besar, apa-apa yang berlaku kepada mereka akan menjejaskan sistem perbankan kita kepada keseluruhannya dan ekonomi kita juga. Tetapi kerajaan tidak serik, mereka masih lagi meneruskan amalan ini dan hanya orang terpilih diberikan peluang seperti ini dan segala kemudahan diberikan kepada mereka dan kita tidak tahu adakah mereka akan dapat *perform* dengan baik ataupun tidak.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Kementerian berkenaan dengan *dealings* ini yang terakhir dan terkini, adakah GIIG telah membayar 10% daripada harga pembelian Bakun ini dan adakah benar EPF akan memberikan pinjaman kepada projek ini.

Saya juga difahamkan projek ini telah terlepas selama enam bulan dan saya difahamkan juga bahawa Bakun telah mempunyai satu perjanjian penjualan tenaga kepada syarikat yang juga dimiliki oleh Syed Mokhtar yang memproses aluminium di Bintulu dan sebarang kelewatan dalam pembekalan tenaga ini akan mungkin menyebabkan Bakun didenda dan saya difahamkan mengikut perjanjian, denda itu ialah sebanyak lebih kurang RM1.5 juta satu bulan jika sekiranya kelewatan itu berlaku. Adakah benar kelewatan ini berlaku dan apakah sebab-sebab utama mengapa berlaku kelewatan dalam pembinaan Projek Bakun?

Selain daripada itu, kita telah mendengar dalam Dewan ini, hujah yang paling kuat untuk menyokong pembinaan Bakun secara yang mega, bukan *in stages*, dengan izin, berperingkat-peringkat tetapi secara keseluruhan, serentak ialah kononnya penjanaan kuasa elektrik melalui tenaga air lebih murah daripada pembelian gas daripada Petronas. Dari satu segi, logik ini adalah benar bahawa kos hidro adalah lebih murah daripada kos gas. Tetapi oleh kerana Bakun terletak di kawasan yang agak pedalaman, kos untuk membuat pencawang bagi *distribution* akan menjadi lebih mahal.

Jadi, pada masa yang sama walaupun untuk menjana elektrik adalah murah tetapi untuk sampai kepada seluruh kawasan Sarawak dan Sabah yang sedemikian besar, kita terpaksa membina satu sistem pencawang yang sangat besar dan kosnya adalah sangat tinggi dengan kapasiti permintaan yang begitu rendah. Pada masa yang sama, kos akan tetap tinggi dan sebab itu, bagi kita, niat yang sebenar bagi pembinaan Bakun ini bukan penjanaan elektrik itu tetapi ialah untuk memberikan projek-projek kepada kroni yang tertentu dan kemudiannya mendapat untung yang cepat daripada projek tersebut.

Seperti yang telah berlaku kepada *double-tracking* yang saya sebutkan semalam, yang telah disiarkan dalam surat khabar India, satu surat daripada bekas Menteri Pengangkutan kita kepada Kerajaan India supaya mengekalkan seorang *managing director* dalam IRCON semata-mata untuk membolehkan IRCON memberikan *consultation fees* sebanyak 8% kepada sebuah syarikat Malaysia yang ada kaitan dengan menteri tersebut.

Jadi, saya bimbang perkara ini juga berlaku, hari ini belum tersiar sebagaimana yang berlaku di Parlimen India yang disiarkan dalam bulan April yang lalu dan akhirnya saya rasa inilah salah satu sebab mengapa Menteri Pengangkutan kita telah meletakkan jawatan. Saya yakin perkara yang sama juga jika tidak diawasi akan berlaku, terutama apabila hanya seseorang yang tertentu diberikan kesempatan yang sedemikian rupa.

Inilah soalan-soalan yang saya rasa perlu dijawab oleh kementerian ini pada hari ini kerana Bakun memakan belanja yang begitu besar, tidak munasabah dalam Dewan ini, dalam masa sidang Belanjawan, kita akan melepasi isu ini tanpa satu penjelasan yang saksama daripada kerajaan. Adalah tidak mungkin bagi kerajaan berdiam diri dalam isu RM4.5 bilion ini dengan tidak memberikan satu kupasan dan maklumat yang lengkap bagi Dewan ini dalam sidang yang kita ada pada hari ini.

Berkenaan dengan multimedia, saya telah menerima jawapan bertulis daripada kementerian bahawa sungutan rakyat yang telah disuarakan dalam Dewan ini juga iaitu berkaitan dengan Edisi Siasat ntv7 yang tidak ditapis yang menonjolkan adegan-adegan yang mungkin disukai oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tetapi menjejaskan moral rakyat pada keseluruhannya dan kementerian telah mengakui bahawa satu laporan telah dibuat kepada Suruhanjaya Multimedia.

Yang saya ingin tahu, adakah ini sekadar laporan? Apakah tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Multimedia terhadap stesen TV ini? Adakah mereka hanya diberikan amaran sedemikian sahaja ataupun satu tindakan yang lebih konkrit telah diambil? Saya berharap jawapan tersebut yang telah diberikan kepada saya secara bertulis dapat dijelaskan lagi pada kali ini iaitu adakah ntv7 telah diambil tindakan di atas beberapa siri siasat yang telah mendapat rungutan menyeluruh daripada rakyat berkenaan dengan adegan yang tidak baik yang telah disiarkan.

Berapa minit lagi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cepat cukup. Betul cukup ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup. Yang Berhormat bagi Sri Aman.

12.55 tgh.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin merujuk kepada Butiran 02600 – Projek Hidro Bakun. Saya telah difahamkan oleh orang tempatan dan mereka ada sedikit kerisauan, jadi saya menggunakan peluang yang keemasan ini untuk minta penjelasan daripada kementerian.

Pertama, mereka risau oleh kerana mereka nampak projek ini sudah lewat dan mengikut mereka, *copper dam* yang telah dibuat ada *shelved* dia sendiri dan kalaulah Projek Bakun ini terus lewat, pada satu hari nanti *dam* ini akan runtuh dan membawa malapetaka kepada orang tempatan dan orang yang di hilir seperti di Belaga dan Kapit.

Yang kedua, mereka merasa tidak puas hati oleh kerana mereka nampak di kawasan Bakun, kayu-kayuan yang harus ditebang, ditebang dengan cara yang begitu kasar, tidak secara yang patut dibuat iaitu dengan cara penebangan dan pemotongan dan selepas itu hanya dibakar sahaja. *This is a very unprofessional clearing*. Jadi, kita pun minta penjelasan dari kementerian.

Yang seterusnya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 70005 – Pusat Multimedia Luar Bandar. Saya minta perkara ini diteruskan dan juga minta lebih banyak lagi pusat ini diadakan di Sarawak dan saya minta penjelasan dari kementerian, apakah rancangan untuk tahun yang akan datang.

Justeru itu, saya juga minta perkhidmatan telefon diberi kepada setiap rumah panjang. Kalaulah tidak dapat diberi, saya harap rangkaian untuk penggunaan telefon bimbit diperluaskan oleh kerana sudahlah rumah panjang ini tidak ada jalan raya dan susah hendak menghubungi mereka dan kalaulah ada kecemasan, susah untuk mereka hendak menghubungi rakan ataupun saudara-mara.

Seterusnya, *streamix* ini telah diiklankan dengan begitu hebat di surat khabar tempatan di Sarawak tetapi saya nampak di bandar Kuching pun masih banyak *black areas* di mana tidak ada perkhidmatan *streamix*. Misalnya, Tuan Pengerusi, rumah saya di Batu Kawah hanya tiga batu dari pusat bandar Kuching. Rumah saya dekat *highway*, 100 meter dari *highway*, pun tidak ada perkhidmatan *streamix*. Kalau rumah saya tidak dapat perkhidmatan *streamix*, macam mana pula tempat-tempat yang lebih jauh di pedalaman.

Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah rancangan *streamix* mereka untuk bandar-bandar yang utama di Sarawak seperti Kuching, Sri Aman, Sibul, Miri, Limbang dan juga kawasan-kawasan pedalaman.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Butiran 70012 – Kempen Kesedaran Program Penggunaan Internet Secara Positif. Kalau dapat, saya minta supaya internet ini lebih popular, lebih dikenali dan dapat digunakan oleh orang-orang luar bandar dan minta supaya cajnya dikurangkan, kalau dapat di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Dipohon Yang Berhormat bagi Sri Aman sambung.

2.32 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [SriAman]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada lima minit lagi.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Pengerusi, sebelum kita berhenti untuk waktu separuh masa tadi, saya telah merujuk kepada Butiran 70012 – Kempen Kesedaran Program Penggunaan Internet Secara Positif. Tadi saya minta kalau dapat yuran untuk bayaran ini dikurangkan supaya lebih ramai lagi penduduk kita di Malaysia ini boleh menikmati program dan ilmu-ilmu yang baru melalui Internet.

Tetapi, pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, nampaknya Internet ini juga digunakan untuk mencaci, untuk memburukkan nama kawan-kawan, nama lawan-lawan dan juga nama pemimpin-pemimpin kita. Saya harap kementerian akan mencari cara untuk mendidik warga Malaysia supaya lebih bersopan santun, lebih bernilai murni supaya budaya mencaci, memburukkan nama kawan, lawan, satu sama lain dan pemimpin kita ini dapat dikurangkan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 70002 – Kajian Semula Pelan Strategik Industri Pos. Saya ingin tahu sama ada industri pos ini, pada hari ini berkembang, menguntungkan dan apakah perkhidmatan-perkhidmatan baru yang diberi oleh perkhidmatan pos ini kepada pengguna, lebih-lebih lagi di pedalaman, di mana perkhidmatan pos tidak ada.

Misalnya, rumah saya di Sri Aman, di kawasan pilihan raya saya, hanya 5 kilometer dari Pejabat Pos di Pekan Sri Aman, tetapi saya nampak posmen sudah berhenti menghantar surat ke rumah saya. Jadi, saya tidak tahulah sama ada macam mana surat datang, tetapi saya minta pembantu saya pergi ke pejabat pos untuk mengutip surat. Kalaulah rumah saya hanya 5 kilometer dari pejabat pos tidak diberi perkhidmatan, apa yang telah terjadi kepada rumah panjang-rumah panjang yang berpuluh-puluh kilometer jauh dari pejabat pos? Saya ingin tahu, macam manakah *delivery system* pejabat pos untuk rumah panjang yang seperti ini?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 70009 – Kajian Semula Pelan Strategik Industri Komunikasi dan Multimedia. Saya merujuk kepada satu ketika dahulu, dua tahun dahulu, Syarikat Pos Malaysia dan OdaSaja (M) Sdn. Bhd. bersamaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ada melancarkan Skim “*Satu keluarga, satu komputer*” di mana pembelian komputer telah diuruskan oleh Syarikat OdaSaja. Jadi, pengedar masa itu, Tuan Pengerusi, diminta memberi wang cagaran sebanyak RM5,000 dan selepas itu kira-kira sebulan, sebelum skim ini ditutup, OdaSaja juga meminta pengedarnya memberi wang cagaran RM5,000 lagi walaupun mereka tahu, perkhidmatan mereka akan ditutup.

Pada masa sekarang, masih ramai pengedar ini belum dibayar balik wang yang sebanyak RM10,000 ini. Jadi, orang yang mengambil bahagian dalam skim ini adalah orang yang kecil-kecil. Oleh itu, saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diberi, diambil oleh kementerian untuk menentukan penipuan ini tidak akan berpanjangan. Apakah langkah yang akan diambil untuk menentukan wang RM10,000 ini dikembalikan kepada pengedar-pengedar yang perniagaan mereka telah dihentikan?

Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

2.37 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 00100 – Program Kecekapan Tenaga. Baru-baru ini telah dilaporkan dalam surat khabar bahawa TNB sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan negara-negara Islam yang lain semasa Persidangan OIC dengan menyediakan kaunter maklumat di Ekspo OIC.

Tetapi, persoalannya ialah saya rasa kebolehan dan kepakaran dan perkongsian maklumat, memang saya merasa megah dan bangga jika Tenaga Nasional boleh berkongsi maklumat dengan negara lain, tetapi masalahnya yang saya nampak adalah maklumat kelemahan pengurusan atau kelalaiannya TNB jika ada di dalam memberikan perkhidmatan orang ramai tidak berkongsi dengan orang ramai terutama *consumers*.

Saya ingin merujuk sekali lagi kepada isu berkenaan bekalan elektrik yang terputus pada 1 September yang lalu, di mana TNB telah menyatakan bahawa mereka telah menyediakan satu laporan dan hasil siasatan telah ada dan hanya dikemukakan kepada Kabinet. Laporan itu telah pun dibentangkan di dalam Kabinet, Menteri telah membaca laporan tersebut, Saya ingin tahu bilakah orang ramai dapat tahu kandungan laporan tersebut.

Saya rasa agak kurang yakin bahawa TNB akan memberi satu laporan yang bebas tanpa tapisan kerana saya baca laporan di akhbar baru-baru ini, di mana Menteri telah menyatakan bahawa, dengan izin, “*Saya sudah baca laporan itu, tetapi saya tidak fikir TNB sudah bersedia mengumumkannya. Maksud saya mereka akan umum akhir Oktober.*” Saya hendak tanya apa yang dimaksudkan “belum bersedia”? Kalau telah sedia laporan untuk kementerian, untuk Menteri, untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membacakan, mengapa ia tidak sedia untuk diumumkan pada orang ramai?

Jadi, saya hendak dapat tahu bilakah tarikh laporan ini akan dikemukakan kepada orang ramai, sebab pada masa ini peniaga-peniaga masih menunggu khabar yang baik daripada TNB kerana mereka telah mengalami kerugian berpuluh-puluh juta ekoran daripada terputusnya bekalan elektrik pada tarikh tersebut. Saya baca bahawa TNB mempunyai aset melebihi RM77 bilion, Tuan Pengerusi.

Saya rasa kalau TNB bertanggungjawab, haruslah telus apabila menjalankan pengurusannya dan mengakui jika ia adalah kelalaiannya dan membayar ganti rugi atas kelemahan pengurusannya. Saya juga sangat risau, Tuan Pengerusi, sebab kelemahan pengurusan bekalan elektrik oleh TNB dan memonopoli pembekalan tenaga bagi negara ini akan menjejaskan imej negara.

Baru-baru ini negeri Selangor mengalami masalah berkenaan syarikat-syarikat pelabur asing, mereka ingin memindahkan operasi mereka ke Thailand, ke negara China. Salah satu alasan yang diberi adalah satu, bekalan elektrik yang selalu putus; dua, bekalan air yang mereka tidak puas hati dan juga

infrastruktur. Inilah kerajaan Barisan Nasional yang "Boleh!". Jadi saya harap kementerian akan memberi penjelasan berkenaan perkara ini agar tidak dilambat-lambatkan laporan ini dikemukakan untuk maklumat orang umum.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 70012, Kempen Kesedaran Program Penggunaan Internet Secara Positif. Semasa pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat telah menekankan keperluan penggunaan IT terutamanya, dengan izin, *high speed internet access* untuk menjadi lebih kompetitif bagi peniaga-peniaga kita. Tambahan pula generasi muda telah digalakkan atau diberi insentif untuk mempunyai *access* kepada internet di mana Telekom Malaysia telah mengurangkan caj laluan internet sebanyak 50% kepada pakej perusahaan dan korporat dan 30% kepada *consumers* dalam *broadband internet charges*, dengan izin.

Saya nampak sekarang ini *TMnet* tanpa persaingan. Orang ramai yang sentiasa mempunyai *access* kepada internet, menggunakan kemudahan internet ini, mereka risau apabila terlalu ramai mulai menggunakan kemudahan *TMnet* ini, harga cajnya akan dinaikkan. Jadi saya hendak tahu apakah kementerian ada jaminan bahawa lebih ramai *subscribers* ini tidak akan memberi peluang pada pihak Telekom untuk menaikkan cajnya. Saya ingin tahu mengapakah kementerian tidak cadangkan Telekom mengurangkan caj laluan melalui *direct dial-up internet rate*, dengan izin. Di rumah saya pun menggunakan *dial-up*, bukan menggunakan *broadband*.

Kita galakkan lebih generasi muda kita mempunyai internet dan celik IT, kita haruslah menurunkan kadar bayaran yang dikenakan. Saya juga menerima aduan mereka risau, orang ramai di luar risau. Mereka kata walaupun harga telah diturunkan dari RM88 ke RM66 tetapi masih tidak mendapat satu *coverage* di kawasan mereka.

Saya bagi satu contoh saya terima aduan di mana dia telah membuat permohonan bulan Oktober melalui internet untuk perkhidmatan *streamix*. Didapati jawapannya ialah bahawa, dengan izin:-

"Adalah dimaklumkan bahawa perkhidmatan TMnet Streamix tidak dapat dibekalkan ke kawasan tuan buat masa ini. Kami akan memaklumkan anda bila perkhidmatan dapat dibekalkan di kawasan itu".

Jadi saya hendak tahu apakah tindakan akan diambil untuk memastikan orang ramai dapat memperoleh perkhidmatan ini. Kalau telah diumumkan tetapi ia belum bersedia memberi perkhidmatan, saya rasa ini kurang koordinasi di antara Telekom dengan kementerian atau kerajaan dalam perkara ini.

Jadi ada juga yang memaklumkan saya bahawa mereka risau infrastruktur *facilities* yang sedia ada oleh Telekom tidak mampu menangani atau menerima begitu ramai *subscribers* sebab kekuatannya hanya cukup untuk jumlah tertentu. Jadi apakah Telekom akan meningkat *facilities* dan kemudahan ini agar ia boleh menampung lebih ramai *subscribers*, dengan izin?

Tuan Pengerusi, saya tidak akan panjangkan perkara ini. Saya berhenti di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

2.45 ptg.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 70002 - Kajian Semula Pelan Strategi Industri Pos. saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan cara agihan pos ataupun *delivery of all letters*. Saya ingin bagi sedikit contoh berkenaan dengan masalah yang dihadapi di kawasan saya. Surat-surat yang dihantar dari tempat misalnya Alor Setar ke Kulim kadang-kadang mengambil masa satu minggu, kadang-kadang dua minggu. Dari Kuala Lumpur pernah sampai tiga minggu sampai empat minggu. Dan kadang-kadang banyak surat yang diterima adalah sudah lepas dari masa sesuatu perkara yang perlu kita hadiri.

Dan telah banyak kali kita bangkitkan di mesyuarat-mesyuarat pembangunan di mana wakil-wakil pos - saya cukup kasihan kepada pegawai-pegawai pos di daerah - mereka pun tidak dapat berbuat apa-apa kerana dia kata ada satu *central* sistem di mana surat dari Alor Setar pun ia tidak akan pergi terus ke Kulim. Ia kena pergi ke satu lagi stesen di mana *sorting* akan buat sekali lagi. Jadi saya rasa ini saya minta supaya pihak kementerian boleh buat kajian semula sama ada boleh adakan satu sistem yang lebih efektif dan lebih efisien di mana kalau boleh terus surat sampai.

Saya diberi satu contoh kalau tidak salah saya ada satu *center* di Yan di mana surat-surat dari orang tempatan bila hantar ke sini ia pun pergi kena balik kepada satu stesen lain sebelum kembali. Misalan saya pos surat di Kulim pun ia mungkin kena pergi ke tempat lain baru balik. Jadi sebenarnya kalau sistem itu boleh terus menerus mungkin dalam satu hari dua hari boleh terima tetapi kerana mempunyai satu sistem di mana ia kena pergi ke satu *centre* sebelum diagihkan ke tempat-tempat yang tertentu, ia akan mengambil masa satu minggu ataupun 4-5 hari. Ini adalah tidak begitu menguntungkan dan menyusahkan pengguna-pengguna pos ini. Jadi saya harap pihak kementerian dapat membuat satu kajian yang lebih menyeluruh untuk mengkaji semula, tengok macam mana hendak membaiki sistem ini supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Di Kulim juga kita dapati ada satu *post office* di Pekan Kulim, tetapi penduduk sudah kian bertambah. Selain dari itu servis yang diberikan oleh pejabat pos pun sudah kian bertambah dan tempat itu sudah tidak dapat menampung pelanggan-pelanggan yang mengunjungi pejabat pos ini. Saya merayu dan meminta supaya kementerian boleh kaji dan cadang supaya mengadakan satu lagi pejabat pos di kawasan Taman Selasih di Kulim. Saya sudah pernah menulis surat permohonan kepada pihak kementerian dan saya harap perkara dapat di pertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Yang Berhormat dari Padang Serai, adakah Yang Berhormat juga akan mendesak kerajaan supaya *fees* yang kena caj untuk membaharui *road tax* motosikal kerana motosikal sekarang telah turun kepada RM2 dan selalunya apabila kita membaharui *road tax* di *post office*, ia kena juga servis caj RM2. Jadi ini adalah tidak seimbang. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa yang ini kita bagi kepada pihak kementerian untuk menjawab sama ada ia akan timbang untuk melihat sama ada wajar ataupun tidak untuk terus mengadakan servis caj ini memandangkan bahawa harga untuk *road tax* pun sudah turun.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan Butiran 70009 berkenaan Kajian Semula Pelan Strategi Industri Komunikasi dan Multimedia. Tadi Yang Berhormat dari Bukit Mertajam ada sebut berkenaan dengan pencawang ataupun antena telefon bimbit dan banyak kali kita sudah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi hingga sekarang kita masih tidak mempunyai satu maklumat yang terakhir sekali berkenaan dengan kesan antena-antena ini.

Saya difahamkan bahawa hingga sekarang tidak ada bukti tetapi soalan yang pernah saya kemukakan di Dewan ini telah mendapat jawapan kata "*It's a non-conclusive conclusion,*" dengan izin Tuan Pengerusi. Jadi, kalau *non-conclusive conclusion, that means it can go either way.* Jadi, saya minta kalau betul-betul tidak ada membawa kesan, kita cuba macam mana hendak mengatasi kerisauan orang ramai. Bolehkah pihak kementerian dengan butir-butir yang lengkap, dengan penerangan yang cukup supaya publik ataupun masyarakat umum faham akan keadaan yang sebenarnya, mereka tidak lagi begitu risau tiap-tiap kali wujudnya ataupun ada satu antena ataupun pencawang telefon bimbit didirikan. Kita sebagai Wakil Rakyat selalu dapat banyak komplain.

Saya minta kementerian bagi penjelasan yang sejelas-jelasnya, melalui sama ada *advertisement* atau iklan atau televisyen atau mana-mana media yang boleh membantu mendidik rakyat umum berkenaan dengan keadaan yang sebenarnya. Dan juga saya ingin meminta kalau boleh ataupun tidak salah saya, kementerian sudah buat keputusan bahawa syarikat-syarikat telefon bimbit ini menggabungkan dan mengadakan perkongsian antena atau pencawang ini. Bilakah rancangan ini akan dilaksanakan? Saya rasa kalau boleh kita mempercepat masalah ini supaya kita tidak nampak banyak sangat antena. Mungkin kita boleh adakan cara-cara antena yang lebih canggih di mana tidak payah seperti yang kita lihat sekarang, kadang-kadang ia menjadi satu *sight* yang tidak begitu indah di mana kita lihat di bumbung rumah-rumah banyak pula antena yang sedemikian.

Jadi, saya minta supaya pihak kementerian akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan secepat mungkin untuk mengatasi masalah. Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya hendak bangkitkan.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

2.53 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010200 – Perancangan dan Dasar di mana saya juga ingin menyentuh tentang impak struktur komunikasi ke atas kesihatan sebab perdebatan atas isu ini masih berlarutan. Tadi Yang Berhormat bagi Padang Serai juga telah membangkitkan dan membayangkan kebimbangan masyarakat dan rakyat

terhadap isu ini di mana sehingga kini kerajaan dan kementerian masih tidak dapat meredakan kebimbangan rakyat berhubung dengan sama ada struktur komunikasi dan gelombang radioaktif ini dapat menimbulkan impak kesihatan kepada manusia atau tidak.

Isu ini masih menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat dan masalah ini bertambah keliru apabila kerajaan melalui tiga kementerian yang bertanggungjawab tidak dapat menguatkuasakan undang-undang dan garis panduan dengan berkesan. Saya tidak ingin mengulangi hujah-hujah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Padang Serai sebab itu pun sudah banyak kali disebut di dalam Dewan ini dan ia menjadi kenyataan umum. Cuma saya ingin kementerian menjelaskan, sejauh manakah garis panduan mengenai pembinaan struktur pemancar telekomunikasi ini telah diterima pakai oleh pihak-pihak berkuasa tempatan dan apakah kemajuan yang sudah dicapai berhubung dengan tindakan kementerian untuk mengarahkan syarikat telekomunikasi untuk berkongsi menara telekomunikasi seperti yang juga disebut oleh Padang Serai tadi.

Adakah garis panduan ini sudah dilaksanakan dan berapakah syarikat telah dilantik untuk membina menara kongsi ini di seluruh negara dan adakah kementerian menetapkan satu tarikh terakhir untuk melaksanakan garis panduan baru ini di mana struktur pemancar yang sedia ada perlu diubahkan untuk digantikan dengan menara yang baru.

Saya juga ingin kementerian menyatakan sama ada garis panduan baru ini juga akan dapat memastikan menara berkongsi ini tidak dibenarkan dibina di kawasan-kawasan perumahan.

Tuan Pengerusi, kita sering dengar Malaysia ingin menjadi *power house* dalam teknologi tinggi dalam rantau ini melalui Koridor Raya Multimedia. Oleh itu, kita harus menumpu perhatian kepada jenayah siber atau *cyber crime*. Kementerian telah menyatakan ia menerima lebih dari 500 kes jenayah siber termasuk 1,400 kes pengeluaran tidak sah daripada mesin ATM. Juga hakikat bahawa sebanyak 16 laman web kerajaan dirosakkan oleh penceroboh siber sejak tahun 1999 yang membabitkan kerugian kira-kira RM22 juta. Jenayah siber ini dikatakan turut melumpuhkan fungsi 29 laman-laman web syarikat-syarikat swasta. Inilah kedudukan sehingga bulan Jun tahun lepas.

Jadi, saya ingin kementerian memaklumkan kepada Dewan ini, apakah kedudukan terkini dan sama ada peruntukan besar yang terpaksa dibelanjakan oleh kerajaan bagi menghapuskan virus dan membaiki kerosakan pada sistem sedia ada sudah dapat mengawal keadaan dan juga mencegah jenayah siber ini daripada merebak khususnya di dalam laman web Kerajaan, di mana pada ketika itu antara laman web kerajaan yang terjejas ialah Jabatan Imigresen, Kementerian Kewangan, kerajaan-kerajaan negeri, JPJ, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Parlimen sendiri. Laman web Parlimen sendiri juga dicerobohi. Ini menunjukkan satu keadaan yang sangat membimbangkan dan juga menjatuhkan imej negara.

Saya ingin tahu pada masa kini, adakah pencerobohan laman web kerajaan masih berlaku dan apakah tindakan yang sudah diambil untuk mengawal keganasan siber ini daripada menjejaskan rancangan kerajaan untuk mewujudkan sistem pentadbiran e-kerajaan. Dan sehubungan dengan e-kerajaan dan e-commerce, adakah kementerian merasa puas hati dengan kemajuan yang sudah dicapai sekarang?

Saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan telefon awam di negara ini yang masih belum mencapai tahap yang memuaskan tidak kira di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Malah ia menjadi lebih buruk dengan kurangnya orang ramai menggunakan telefon awam dan syarikat pembekal pula tidak mengambil peduli keadaan telefon tersebut.

Kekurangan orang ramai menggunakannya tidak bermakna kita harus terus tidak mengambil peduli tentang telefon awam kerana masih ada lagi orang seperti pelancong dan orang yang tidak mempunyai telefon bimbit yang mahu menggunakannya. Di kawasan bandar terdapat banyak telefon awam yang sudah gagal berfungsi, selain juga dirosakkan kerana vandalisme. Ada juga pondok-pondok telefon awam hanya tinggal rangkanya sahaja, dan ini tidak membayangkan satu imej yang baik kepada negara ini.

Di kawasan luar bandar juga terdapat terutamanya di tempat yang mana telefon bimbit tidak mempunyai akses dan penduduk tidak mempunyai talian tetap, peranan telefon awam amatlah penting apabila berlaku sebarang kecemasan. Sedihnya pada masa kini kita mendapati adalah amat sukar untuk mencari telefon awam di kawasan luar bandar, dan sebahagian daripadanya juga telah terbiar tanpa sebarang penjagaan.

Masalah kedua berhubung dengan telefon awam adalah kebanyakan daripada telefon awam yang masih berfungsi memerlukan kad telefon untuk membuat panggilan. Jarang sekali telefon awam yang

menggunakan siling dijumpai di kawasan saya, Bandaraya Georgetown. Kesukaran untuk mendapatkan *telephone card* terutama pada waktu malam menjadi satu masalah kepada mereka yang ingin menggunakan telefon awam. Saya ingin kerajaan mengambil masalah ini secara serius serta menyeru syarikat-syarikat telekomunikasi supaya memperbaiki telefon awam yang telah rosak, mengalihkan telefon awam yang tidak lagi digunakan dan memperbanyakkan telefon awam yang menggunakan siling serta menambah bilangan telefon-telefon awam di kawasan luar bandar.

Perkara lain yang saya ingin bangkitkan di Dewan ini ialah berkenaan dengan caj-caj untuk panggilan keluar negara didapati lebih murah jika dibandingkan dengan panggilan tempatan. Caj untuk membuat panggilan antarabangsa adalah serendah 15 sen seminit ke destinasi tertentu seperti yang ditawarkan oleh beberapa syarikat dan ia adalah 88% lebih murah daripada yang ditawarkan oleh Telekom Malaysia Berhad. Ini merupakan sesuatu yang amat baik kepada para pengguna terutamanya mereka yang selalu membuat panggilan keluar negara.

Namun demikian, kadar sedemikian tidak ditawarkan oleh Telekom Malaysia Berhad untuk talian rumah dan pejabat. Bolehkah kementerian menjelaskan isu ini? Telekom Malaysia Berhad juga mendapat keuntungan daripada tawaran ini dengan permintaan pasaran yang luas. Telekom Malaysia Berhad akan ketinggalan di belakang sekiranya ia tidak bersaing atau tidak dapat bersaing dengan syarikat-syarikat lain dalam aspek-aspek ini.

Saya juga ingin kementerian menjelaskan kenapa kadar panggilan antarabangsa adalah lebih murah daripada panggilan antara negeri dan telefon bimbit. Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian?

Menteri juga pernah memberitahu media bahawa kerajaan sedang mengkaji caj untuk panggilan diseragamkan di seluruh Malaysia dan saya ingin tahu apakah hasil daripada kajian tersebut. Saya berharap Telekom Malaysia Berhad dapat menurunkan caj panggilan di seluruh negara ini sebab kita masih belum pulih dengan sepenuhnya dari krisis ekonomi.

Akhirnya saya juga ingin sentuh tentang isu keselamatan awam yang menjadi isu yang begitu hangat sejak kes pembunuhan Kenny Ong di mana perhatian orang ramai terhadap lampu jalan yang berada di dalam bidang kuasa Tenaga Nasional Berhad di mana di tempat-tempat tertentu kita masih dapati bahawa tidak cukup lampu awam disediakan ataupun lampu awam kurang terang kerana dihalang oleh pokok dan sebagainya. Ini menyebabkan jenayah berlaku di tempat-tempat yang gelap.

Justeru itu saya ingin menggesa kerajaan supaya mengenal pasti jalan-jalan yang gelap, memasang lebih banyak lampu jalan, menukar *bulb* lampu kepada lebih terang dan berkuasa tinggi serta juga memastikan halangan-halangan dipotong seperti ranting-ranting pokok untuk mengurangkan kebarangkalian unsur jenayah dari berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: [Bangun]

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya. Ya, dua orang lagi, ya. Tiga, ya. Tiga, lepas itu Menteri menjawab, ya. Gelang Patah.

3.04 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Maksud Bekalan atau Pembangunan 29 – Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang program Butiran 09000 – Program Pembangunan Industri Bekalan Elektrik. Soalan yang pertama yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang giat memasang lampu kampung iaitu sesuatu kampung tradisi dipasang 10 biji lampu kampung yang mana pada masa sekarang menghadapi masalah yang mana kita diberitahu bahawa pihak TNB tidak dapat memberikan bantuan teknikal kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar terpaksa mendapatkan bantuan teknikal daripada syarikat swasta dan kini telah menghadapi masalah yang mana kita seri mendapat aduan bahawa lampu di kampung-kampung tidak berfungsi. Saya harap pihak kementerian melalui pihak TNB dapat bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam hal ini untuk menjaga kepentingan keselamatan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan gangguan bekalan elektrik yang mana kita baru-baru ini dapati bahawa lima buah negeri menghadapi masalah yang besar dengan gangguan bekalan elektrik dan bila ini telah berlaku, kementerian melalui Menteri daripada Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kata boleh tuntutan ganti rugi daripada TNB tetapi Menteri Tenaga Telekomunikasi dan Multimedia kata tidak boleh. Saya ingin tahu sama ada dalam undang-undang sedia ada, Akta Bekalan Elektrik ada seksyen yang ada sebutkan bahawa memang pengguna boleh tuntutan ganti rugi daripada gangguan bekalan elektrik yang berlaku. Saya pun harap mendapat penjelasan tentang strategi-strategi pihak TNB untuk mencegah masalah gangguan bekalan elektrik ini dalam kawasan Parlimen Gelang Patah dalam kawasan Skudai yang pesat membangun.

Saya sering mendapat aduan dari peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha IKS di kawasan sana yang mana termasuk rumah kediaman yang mereka sentiasa dihantui oleh masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan sana. Saya harap dapat penjelasan sama ada pihak TNB akan mengadakan satu rancangan yang mana dapat menyelesaikan sekali gus tentang gangguan bekalan elektrik di kawasan Skudai.

Tuan Pengerusi, berkenaan Butiran 70002 – Kajian Semula Pelan Strategi Industri Pos. Tuan Pengerusi, dalam kawasan Johor Bharu dan kawasan Parlimen Gelang Patah, saya pun sentiasa mendapat aduan bahawa insiden salah hantar surat masih berlaku, sampai, ada orang yang hantar cek dalaman melalui pos, tetapi hilang dan ini telah mendatangkan masalah kepada peniaga-peniaga .

Saya harap pihak Jabatan Pos dapat mempertingkatkan kepakaran, kecekapan dan hantar surat dengan cepat, tepat dan dengan efisien. Di kawasan Parlimen Gelang Patah sebuah kampung bernama Kampung Ulu Choh yang selama ini penduduk-penduduk di sana cuma dapat terima surat dari saudara mara dan kawan-kawan, mereka kena tunggu satu minggu baru dapat surat. Di sini di kawasan Kangkar, Pulau dalam kawasan Parlimen Gelang Patah saya pernah tulis surat kepada Pejabat Pos Negeri Johor untuk mengadakan sebuah Pejabat Pos di kawasan Kampung Baru Kangkar, Pulau kerana di Kampung Kangkar, Pulau itu pesat membangun. Sekarang ada banyak projek perumahan di sana, tidak kurang dari lima buah pemaju yang mengadakan projek perumahan yang besar di sana terutama di Bandar Baru Kangkar, Pulau.

Saya harap pihak pejabat pos dapat merancang bagi mengadakan sebuah Pejabat Pos di Kampung Baru Kangkar, Pulau di mana boleh diletakkan di kedai-kedai yang berada di kawasan projek-projek perumahan yang baru.

Tuan Pengerusi, tentang perkhidmatan telekom, di sini saya ingin minta kementerian mengambil tindakan yang lebih berkesan kerana dalam kawasan Parlimen Gelang Patah di Taman Nusa Bistari yang baru, pada akhir tahun semasa saya melawat taman perumahan yang baru itu, saya mendapat aduan dari peniaga-peniaga dan penduduk-penduduk di sana, mereka telah memohon talian telefon tetapi tidak dapat dan mereka cuma mendapat kemudahan telefon bimbit iaitu melalui talian 018 yang dimiliki oleh Telekom dan mereka cuma dapat itu, dan ini mendatangkan masalah untuk kegunaan IT dan fax.

Saya ada menulis surat kepada Jabatan Telekom Johor dan mendapat makluman bahawa talian telefon untuk taman-taman di kawasan tersebut termasuk Taman Nusa Bistari adalah kemungkinannya akan diperolehi pada akhir tahun ini. Saya ingin tahu mengapa ini lambat kerana bila sesuatu perancangan perumahan diadakan, memang mereka semasa hantar pelan untuk kelulusan, mereka pun ada hantar kepada Pejabat Telekom untuk perancangan awal. Mengapa sampai dua tahun bangunan rumah kedai sudah siap dan telah diduduki dan bila peniaga-peniaga dan penduduk memohon kepada Pejabat Telekom untuk mendapatkan talian telefon, pihak Telekom tidak dapat memberikan perkhidmatan talian telefon kepada mereka. Saya ingin mendapat penjelasan apa sebab ini berlaku.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan alat pemancar atau menara telekomunikasi yang tadi pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Padang Serai dan Tanjong. Saya ingin maklumkan bahawa di kawasan saya baru-baru ini pihak berkuasa tempatan – Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah - telah meluluskan 12 permohonan daripada syarikat telekomunikasi. Sebelum ini wakil rakyat di sana termasuk ahli majlis, bila ada orang hendak pasang alat pemancar di atas bumbung, kedai atau rumah kediaman, kita bawa pemberita bersama-sama dengan pegawai-pegawai dari pihak berkuasa tempatan dan mengambil tindakan untuk merobohkan, tetapi baru-baru ini semua telah diluluskan.

Ini telah mendatangkan satu keadaan yang macam main wayang, macam satu gimik. Orang hairan bagaimana sebelum ini semua datang membuat liputan dalam surat khabar, dalam TV, pihak berkuasa tempatan sangat berkesan ambil tindakan merobohkan menara telekomunikasi tetapi baru-baru ini

minggu lalu, saya balik ke kawasan, saya diberitahu oleh Ahli Majlis di kawasan sana bahawa pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah meluluskan semua dan sekarang semua boleh dipasang balik. Jadi, bagaimana, bila mereka pasang balik, kalau penduduk buat aduan panggil wakil rakyat datang, siapa berani pergi? Ini akan jadi satu keadaan yang sangat serba salah.

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Chang See Ten: Bila mereka menelefon seperti penduduk di Taman Sri Orkid dan kita beritahu pegawai penguat kuasa daripada Pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, mereka kata bahawa kita tidak boleh pergi lagi kerana sudah lulus.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

Tuan Chang See Ten: Dan ini sudah mendatangkan satu kekeliruan kepada orang ramai sebab itu saya sokong apa yang disarankan oleh beberapa orang Ahli Parlimen tadi tentang bagaimana kita dapat memberitahu orang ramai tentang kes ini. Sila, sila.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah habis. Apa hendak tanya?

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih. Hendak minta laluan.

Tuan Pengerusi: Apa hendak penjelasan, ya? Sila, sila.

Puan Fong Po Kuan: Ha, ya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Saya pun berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Apakah Yang Berhormat rasa pihak berkuasa tempatan ini seolah-olah berpihak kepada syarikat besar sebab mereka ini MAXISkah, tidak kiralah syarikat telekomunikasi ini selalu menaja aktiviti kerajaan sebab itu mereka lebih berpihak kepada syarikat-syarikat ini. Sebab kalau diminta kita sebagai wakil rakyat membantu memberi maklumat, kita beritahu tidak ada lesen, mereka bagi luluskan di sebelah tangan yang lain.

Tuan Pengerusi: Hmm, ya.

Tuan Chang See Ten: Saya baru hendak lanjutkan penjelasan daripada PBT. Saya ada bertanya pegawai dari Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah sebuah PBT, dia kata kita perlu luluskan kerana pemohon telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Telekomunikasi dan pejabat-pejabat yang berkenaan sudah disokong. Dan kita sebagai pihak berkuasa tempatan, bila kita menyemak permohonan, mengikut dengan garis panduan yang diberikan oleh Suruhanjaya Telekomunikasi dan tidak bercanggah dengan Undang-undang Kecil Bangunan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan, mereka tidak boleh menolak permohonan tersebut. Sebab itu pada kali ini mereka telah meluluskan kesemua 12 permohonan itu dan sekarang sedang dipasang. Dan inilah masalah yang sedang kita hadapi sekarang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah lebih dah tu. Cukuplah. Hmm. Dah lebih masa Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Okey, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Kota Melaka, selepas itu Selangau. Kota Melaka dahulu, selepas itu Selangau dan Menteri menjawab.

3.18 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00100 dan ingin menyentuh isu *blackout*. Tuan Pengerusi, sebenarnya *blackout* telah berlaku beberapa tahun dahulu yang melibatkan beberapa buah negeri dan pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya TNB mengambil iktibar dan mengubah sistem *grid* kita. Itulah sebabnya saya ingin meminta jawapan daripada kementerian, apakah iktibar yang telah diambil selepas *blackout* besar-besaran yang telah berlaku beberapa tahun dahulu dan adakah *blackout* yang baru berlaku pada 1 September ini berpunca daripada sebab-sebab yang sama. Kalau daripada sebab-sebab yang sama, saya rasalah ini tidak boleh dimaafkan. Saya tidak faham mengapakah sampai hari ini laporan tidak boleh diumumkan. Saya rasa ini bukanlah satu perkara yang begitu rumit sehingga perlu mengambil masa yang begitu panjang.

Sebenarnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata bahawa orang Malaysia suka kompelin sehingga menyebabkan kelewatan projek atau projek tidak boleh dilaksanakan. Saya ingin

berkata di sini bahawa sebenarnya di Malaysia *we lack the sense of power-consciousness in people* dan begitu banyak isu berlaku seperti kematian Canny Ong dan seperti *blackout*.

Tuan Pengerusi, pada bulan Ogos tahun ini, satu *blackout* yang besar juga berlaku di Amerika Syarikat dan London juga mengalami satu *blackout* yang teruk. Apabila insiden ini berlaku di kedua-dua negara ini, Parlimen mereka bertindak.

Di Amerika Syarikat, *The House Committee on Energy and Commerce* telah mengadakan *hearing* untuk menyoal apakah sebenarnya berlaku dan ada orang telah mencadangkan supaya satu rang undang-undang yang bernama *Responsible Energy Bill* dirangka. Di antara kandungannya ialah untuk mengadakan "*mandatory reliability standards*, iaitu mereka mengadakan satu undang-undang untuk mewajibkan supaya *standard reliability* itu hendaklah diwajibkan kepada semua syarikat tenaga mereka.

Jadi, kemungkinan di Malaysia kita perlu mengadakan rang undang-undang yang mewajibkan supaya ada satu *standard* yang minimum, yang perlu dipatuhi oleh Tenaga Nasional. Di London juga, *The House of Commons Select Committee on Trade and Industry* telah juga mengadakan *hearing*, di mana pegawai-pegawai atasan *power companies* telah *dicross-examined*. Saya kata, nasib baiklah di Malaysia, Parlimen kita kadang-kadang tidak begitu berkuasa. Kalau boleh, Tuan Pengerusi, kita mungkin kena menubuhkan Jawatankuasa Khas ini untuk kita *cross-examine* supaya kita betul-betul ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat adalah Ahli dalam Jawatankuasa itu, kemukakanlah cadangan, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay. Jadi, kalaulah undang-undang yang sedia ada ini tidak mencukupi, saya harap kementerian sendiri boleh mencadangkan supaya undang-undang yang baru dapat dibentangkan dalam Parlimen supaya kita bukan sahaja dapat memastikan perkhidmatan yang baik daripada Tenaga Nasional, tetapi juga kita dapat memberikan perlindungan sepenuhnya kepada pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi, juga berkenaan dengan Tenaga Nasional, saya tahu bahawa kalau ada lampu-lampu awam tidak menyala, kita senang sahaja boleh membuat aduan – saya banyak kali membuat aduan dengan menelefon *hotline* Tenaga Nasional di Melaka. Dari segi *efficiency*, kadang-kadang baik dan kadang-kadang tidak baik. Ada kes-kes di mana sudah dua bulan aduan dibuat tetapi lampu tidak menyala. Malangnya tidak ada orang yang beri tahu saya. Bila saya buat aduan, nombor telefon saya dicatit. Jika tidak ada tindakan, saya pun tidak tahu, saya terpaksa pergi meronda sendiri untuk melihat sama ada lampu-lampu sudah menyala ataupun tidak. Jadi susah.

Kalau kita hendak memberikan perkhidmatan yang bermutu, saya haraplah kalau boleh Tenaga Nasional ambil nombor telefon saya, beri tahu saya selepas tujuh hari sekiranya tindakan tidak dapat diambil, apakah sebabnya supaya saya pun tahu. Kadang-kadang pengundi-pengundi saya menelefon saya mengatakan, "You tidak ada kompelinkah?" Saya kata, "Sudah dua bulan saya kompelin". Habislah nanti, undi saya merosotlah, Tuan Pengerusi. Jadi, saya harap perkara ini boleh diambil perhatian.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, Butiran 70007 berkenaan Astro. Tuan Pengerusi, pada bulan ini sebenarnya Astro telah menjadualkan untuk menayangkan satu program "*The Indian Underclass*", satu program yang telah dibuat oleh "*Star News Focus Asia*", tetapi pada saat-saat akhir program ini telah dibatalkan, dan ini telah menimbulkan begitu banyak perasaan tidak puas hati terutama sekali di kalangan orang India di Malaysia, dan saya telah difahamkan bahawa satu boikot akan dilancarkan oleh mereka. Ini menunjukkan bahawa Astro perlulah lebih sensitif terhadap permintaan orang Malaysia dan kena memberikan satu jawapan mengapa mereka pada saat-saat akhir telah membatalkan program ini.

Program ini, "*The Indian Underclass*" sebenarnya telah dibatalkan pada saat akhir dan mengikut seorang jurucakap Astro kepada *Malaysiakini*, program itu dibatalkan pada saat-saat akhir oleh sebab, *because of viewer sensitivities*. Ini menunjukkan bahawa *self-censorship* telah dilakukan oleh Astro sendiri dan bukan sebab arahan daripada kerajaan. Saya rasa Astro kena jawab apakah impak, apakah kekecohan akan berlaku di Malaysia kalau program ini, "*The Indian Underclass*" ditayangkan? Apakah yang hendak disembunyikan? Saya rasa Astro ada satu obligasi untuk menjawab kepada komuniti India di Malaysia. Seperti yang saya katakan bahawa satu rancangan memboikot telah dirangka dan saya harap pada hari ini kementerian boleh memberikan satu jawapan yang baik.

Pada pertengahan tahun ini, Astro telah mengedarkan surat kepada semua pelanggan berkenaan dengan satu tawaran pakej baru iaitu "*Emperor Package*" dan cara yang Astro buat ialah kalau dia tidak

mendapat jawapan balas daripada pelanggan, ini bermakna secara automatik mereka telah menerima tawaran ini. Ini adalah satu taktik komersial yang tidak sihat, yang tidak dapat diterima, dan Astro terpaksa menarik balik taktik ini apabila begitu ramai orang telah membuat aduan, terutama sekali Pemuda DAP.

Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi, tidak akan berulang oleh sebab ini tidak bermakna bahawa kalau tawaran orang tidak *sign, automatically* dia kata, "You sudah jadi pelanggan", dan mengenakan caj. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa caj bulanan Astro adalah mahal sangat. Saya tiap-tiap bulan kena bayar hampir RM100. Tetapi saya pun tidak ada masa untuk tengok, anak saya yang menonton rancangan Astro. Harap kementerian boleh mengkaji sama ada kadar bulanan Astro untuk pakej-pakej itu boleh diturunkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Selangau. Cakap yang penting sahaja, saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

3.26 ptg.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahas sedikit sebanyak berkenaan dengan Maksud Bekalan 29 – Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia di peringkat Jawatankuasa.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 010200 iaitu Perancangan dan Dasar dan juga Butiran 70005 – Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar. Tuan Pengerusi, memandangkan negeri Sarawak negeri yang terbesar di Malaysia dan lebih

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkataan "Sarawak lebih besar daripada Malaysia" itu saya sudah dengar 10 kali, ya.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Ya, negeri yang terbesar.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, jangan ulang-ulangkan. Cukuplah. Kami pun tahu.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Okay. Lebih 6,000 buah kampung dan rumah panjang di negeri Sarawak di mana penduduknya bertaburan di mana-mana tempat di pedalaman. Tuan Pengerusi, kebanyakan mereka ini tidak dapat diakses dengan telefon dan yang berkesan sekali ialah dengan menggunakan telefon seperti CDMA – telefon tanpa wayar. Di kawasan saya iaitu di Tamin *area*, lebih kurang lapan buah rumah panjang yang telah menggunakan telefon seperti ini dan saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa buah kampung atau rumah panjang di Sarawak yang telah menggunakan telefon seperti telefon tanpa wayar CDMA ini? Itu satu.

Yang kedua, banyak telefon bimbit yang tidak dapat digunakan di kawasan luar bandar, Tuan Pengerusi. Dahulu telefon bimbit yang besar, yang berat, yang menggunakan sistem nombor 011 dapat digunakan di luar bandar, tetapi sekarang alat telefon sistem 011 ini besar dan kalau orang tengok kita membawanya macam *out-of-date*. Jadi, bagaimanakah kementerian hendak memikirkan atau ada pihak swasta bercadang membuat alat telefon sistem 011 itu seperti telefon bimbit yang digunakan untuk sistem 016 atau 019, yang mana adalah kecil, yang canggih oleh sebab kebanyakan sistem 011 itu menggunakan alat telefon yang besar yang jika dibawa ke kawasan luar bandar dianggap tidak berapa baik. Itu soalan saya.

Selain daripada itu, bawah Butiran 09000 – Program Pembangunan Industri Bekalan Elektrik dan Butiran 03204 – Mini Hidro. Tuan Pengerusi, di kawasan luar bandar Sarawak atau Sabah, terdapat banyak sungai dan air terjun. Kalau ia digunakan untuk tujuan mini hidro, saya ingin tahu daripada pihak kementerian, setakat ini berapakah mini hidro yang telah dibina di Sarawak, di Sabah atau di mana-mana tempat, dan bagaimanakah keberkesannya? Oleh sebab di Sarawak, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mungkin tidak dapat membekalkan bekalan elektrik kepada seluruh kampung atau rumah panjang di Sarawak, seperti yang saya cakap tadi jumlahnya lebih dari 6,000 buah.

Jadi, kalau kita dapat menggunakan mini hidro ini, tenaga ini dapat disalurkan ke kampung-kampung dan rumah-rumah panjang, ini lebih baik. Saya ingin tahu daripada kementerian, setakat ini, berapakah rumah-rumah panjang atau kampung-kampung yang telah menggunakan kuasa mini hidro dan bagaimanakah keberkesannya.

Tentang Butiran 70012, Kempen Kesedaran Program Penggunaan Internet Secara Positif. Ramai daripada guru-guru kita dan orang-orang kampung atau penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tidak

tahu bagaimana mereka hendak akses kepada Internet. Saya rasa ini sangat penting kepada guru-guru kita, murid-murid kita ataupun penuntut-penuntut kita kalau mereka tahu bagaimana untuk menyambung atau akses kepada Internet, oleh kerana mereka dapat belajar daripadanya untuk rujuk kepada pendidikan mereka atau buku-buku dan sebagainya.

Jadi, saya mintalah kementerian atau pegawai-pegawai dari jabatan yang berkenaan, kempen atau pergi ke kawasan-kawasan luar bandar untuk menerangkan, oleh kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman tadi, di mana satu program kalau saya tidak salah, namanya Randau Ruai di negeri Sarawak. Kebanyakan internet-internet atau kenyataan-kenyataan di dalam itu menyentuh keburukan para pemimpin kita, kawan-kawan lebih-lebih lagi ahli-ahli politik yang tidak disukai oleh orang yang tertentu yang menuduh, membuat tohmah dan sebagainya. Jadi, mintalah, apakah undang-undang atau dari segi kita tidak dapat menyebarkan perkataan yang tidak baik di dalam Internet itu kepada para pemimpin atau sesiapa pun.

Jadi, dengan kata-kata yang demikian, sekian. Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya jemput kementerian menjawab.

3.33 ptg.

Setiasaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada 13 orang Ahli Yang Berhormat, yang telah berucap, membahas serta membangkitkan beberapa isu dan perkara dan juga cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Dalam perbahasan bajet di peringkat Jawatankuasa ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Sri Aman, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Padang Serai, Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan akhirnya Yang Berhormat bagi Selangau. Beberapa isu yang telah dibangkitkan dan saya harap bahawa dapat dalam masa yang singkat ini menjawab mana-mana yang saya boleh, kalau tidak mungkin lain kalilah, mungkin ada peluang lagi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Yang Berhormat bagi Sri Aman dan juga Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan berkenaan dengan penggunaan Internet dan masalah-masalah yang berkenaan dengannya dan juga penyalahgunaan Internet ini. Tuan Pengerusi, Internet merupakan saluran komunikasi yang amat berkesan yang dapat memberi akses kepada sumber-sumber maklumat. Walau bagaimanapun, tindakan tidak bertanggungjawab oleh setengah pihak seperti dalam penyebaran berita-berita palsu dan penyediaan kandungan yang jelik boleh mewujudkan kesan negatif terhadap kesejahteraan sosial. Tindakan penyalahgunaan tersebut adalah juga salah dari segi *morale* mahupun dari segi undang-undang dan perlu dibendung bagi mengelakkan ia menular dalam masyarakat.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah mengambil pendekatan bahawa tidak menapis kandungan dalam Internet sepertimana yang diperuntukkan dalam jaminan MSC atau MSC Bills of Guarantee dan ini bertujuan untuk menggalakkan peningkatan penggunaan Internet dan industri ICT - dengan izin - *Information Communications and Technology*. Walaupun terdapat peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi menangani masalah seumpamanya, namun pendekatan undang-undang tidak memadai dan kurang berkesan tanpa kesedaran, ketahanan diri dan juga jati diri pengguna. Kita tahu pengalaman di negara-negara maju seperti

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye:seperti Australia, UK, Singapura, ... Nantilah, belum

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, tunggu kejap, ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Masih mukadimah, jangan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tunggu kejap, ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Sabar sedikit, ya.

.... Amerika Syarikat dalam menangani masalah ini, melalui perundangan dan kawal selia juga tidak menunjukkan kejayaan yang diharapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan Internet di Malaysia berkembang dengan pesat. Dalam tempoh lima tahun yang lalu, bilangan pelanggan Internet telah meningkat ke kadar yang luar biasa dan sehingga kini ialah 2.8 atau 2.7 lebih pelanggan Internet dan jumlah penggunaanya ialah lebih kurang lapan juta orang. Jadi, Tuan Pengerusi, melalui Internet, pengguna mendapat pelbagai sumber untuk mengembangkan tahap keilmuan masing-masing, sama ada untuk tujuan yang baik atau sebaliknya.

Jadi, pendekatan kerajaan khasnya Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia adalah mengadakan satu program untuk menggalakkan penggunaan Internet secara positif dan program yang dijalankan adalah bertujuan untuk mendidik masyarakat, khususnya golongan sasaran tentang penggunaan Internet secara bijak, beretika dan berkesan untuk membantu kepada pembangunan dan juga perkembangan ilmu. Penerapan budaya ICT yang positif ini adalah penting bagi membantu usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat berilmu ke arah ekonomi berpengetahuan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupa berdiri, Yang Berhormat. Ya, silakan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis komen, Tuan Pengerusi, tetapi ini

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita menerima hakikat oleh kerana apa Yang Berhormat sebutkan itu adalah secara am. Kita kena melihat sama ada apa garis panduan yang tertentu untuk *providers* umpamanya, *Internet providers*. Apa garis panduan yang tertentu untuk *users* macam *Internet café* punya *operators*? Yang ketiga kepada guru-guru sekolah umpamanya, apa garis panduan yang kita perlu beritahu mereka?

Di samping itu, sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, banyak masalahnya. Undang-undang di Amerika, secara undang-undang, juga secara pendidikan pun tidak mendatangkan kesan yang positif dan di England hanya menumpu kepada perhatian pendidikan dan tidak ada perundangan yang tertentu, begitu juga jurusan yang diikuti oleh pihak Eropah, juga di Australia dan di New Zealand. Masalahnya kita mesti membuatkan satu garis panduan kepada semua peringkat daripada *Internet providers*, *wide wave providers* dan kepada operator, orang yang punya Internet, semua sekali ada garis panduan yang tertentu.

Di samping itu kerajaan mesti mengambil tindakan umpamanya yang saya sebut tadi macam *webtrack*, *subwatch*, *netnannies*, *cyberpetrol*, *cybersitter*, *cybertimers* semua benda macam itu kita kena wujudkan dan kita kena buat supaya kalau orang perlu berkehendakkan benda-benda ini sepatutnya kita boleh jual murah kepada semua *householders*, semua *providers*, semua *facilities that is in between*. Baru kita dapat sedikit sebanyak mengurangkan kemasukan benda-benda yang kita tidak mahu kepada masyarakat terutama sekali *among children* ataupun budak-budak sekolah.

Jadi ini macam mana pandangan? Jangan saya cakap secara umum sahaja, Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupa. Sebelum saya sampai berkenaan dengan garis panduan, saya ingin mengatakan bahawa jika memandangkan kepada implikasi negatif akibat daripada penyalahgunaan internet ini, program-program kesedaran dan pendidikan wajar diberi tumpuan bagi menangani unsur-unsur negatif dan tanggungjawab Yang Berhormat untuk menyediakan dan meningkatkan kesedaran ini terletak bukan sahaja kepada pihak kerajaan atau pihak kementerian tetapi juga kepada semua pihak termasuk ibu bapa, penjaga, pihak sekolah dan pemilik premis awam yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ICT ini. Oleh sebab itu, kita ambil pandangan bahawa mewujudkan satu program yang dinamakan penggunaan internet secara positif dan strategi

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Chia Kwang Chye: Sabar, Yang Berhormat, saya akan bantah berkenaan dengan *cyberwatch* dan sebagainya. Strategi pelaksanaan, Tuan Pengerusi, adalah dalam jangka yang pendek kita mengambil strategi bahawa kempen kesedaran penggunaan internet secara positif kepada pelajar dan remaja dan juga kepada ibu bapa dan penjaga. Strategi yang pendek yang kedua ialah pembangunan laman web yang khas. Itu ada sedikit berkaitan dengan kandungan dan juga pembangunan rangkaian pengguna dalam talian tetapi untuk jangka yang panjang kita ada rancangan untuk mengadakan kempen

kesedaran penggunaan internet secara positif kepada premis-premis perniagaan seperti Cybercafe dan sebagainya membangunkan satu kurikulum internet dalam pendidikan dan akhirnya mengadakan atau mewujudkan perisian penapisan tempatan. Dan perisian penapisan tempatan ini tidak sama dengan tapisan dalam internet atau *copyright internet*. Ini bermakna seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lular tadi, menggunakan perisian-perisian *software* komputer di rumah dan biasanya diadakan atau *installed* ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Setiu berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]

Tuan Chia Kwang Chye: ... oleh ibu bapa supaya komputer-komputer yang digunakan oleh anak-anaknya mempunyai satu tapisan, *sieving* bukan *copyright* dan walaupun dikira *copyright* inilah dengan sukarela oleh ibu bapa mereka dan memang ada perisian-perisian atau *software* yang boleh mengakibatkan di mana tapisan atas kandungan dapat dijalankan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, Setiu!

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya menyokong soal tapisan, soal berhubung dengan kawalan internet supaya ianya lebih menjurus kepada penggunaan yang positif. Cuma saya mendapat kompelin ataupun mendapat kritikan daripada ramai pengguna sekarang ini kerana terlalu *slow*, lambat untuk *search* laman-laman web. Dan ini ada kaitan katanya dengan pembangunan yang terlalu *slow* dalam penyediaan infrastruktur internet kita, kita punya *highway* atau *superhighway* kita berbanding dengan pertambahan pengguna yang begitu cepat. Jadi bolehkah kita dapat jaminan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada hari ini, bilakah agaknya kita dapat umpamanya menyediakan *broadband* ataupun kita punya *superhighway* yang membolehkan kita menggunakan internet dengan begitu efisien, cepat seperti negara-negara maju.

Yang keduanya, adakah dengan kadar penggunaan tersebut - sehingga 8 juta orang sekarang ini - tidak membolehkan kita sampai dan telah sampai kepada *break even* di mana kita kenakan harga bayaran, penggunaan atau caj kita ini boleh diturunkan sehingga kita boleh buka 24 jam untuk kita mendapatkan maklumat sepanjang masa. Tidak seperti sekarang terpaksa *on-off*, *on-off* begitu. Jadi bila atau jumlah seberapa banyakkah sebenarnya yang di *target* oleh pihak kerajaan supaya jumlah tersebut kita di Malaysia ini mampu menyediakan kos yang sama dengan yang ditawarkan oleh negara-negara maju yang lain yang membolehkan pengguna menggunakan internet 24 jam. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Minta maaf, ya, Yang Berhormat, saya akan menjawab soalan yang dibangkitkan semasa saya menjawab dan tajuk-tajuk lain seperti *streamix*, seperti penggunaan telefon dan sebagainya di mana saya akan menerangkan berkenaan dengan *fiber optic* dan sebagainya. Kalau saya tidak menerangkan, tolonglah bangkitkan sekali lagi...

Dato' Kamarudin bin Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaafar: Soalan yang berkaitan...berkaitan..

Tuan Chia Kwang Chye: Sebab saya mengikut tajuk seperti Internet, selepas itu menara Telekom dan selepas itu *streamix*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Hendak bagi jalankah Yang Berhormat?

Tuan Chia Kwang Chye: Telefon bimbit dan sebagainya. Kalau berkenaan dengan internet boleh, okey!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ha, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lular tentang betapa perlunya kementerian benar-benar meneliti dan cuba menapis unsur-unsur negatif dari sudut moral masyarakat dalam penggunaan internet ini. Sebagaimana kita semua maklum syarikat gergasi dunia dalam bidang *internet software* iaitu Microsoft baru-baru ini mengumumkan bahawa mereka mengambil keputusan untuk menutup

khidmat *chat room* mereka kerana disalahgunakan oleh orang-orang yang menjaja khidmat-khidmat yang tidak bermoral menerusi *software* dan *chat room* tersebut.

Jadi di pihak kita, adakah kementerian bercadang untuk mengarahkan Suruhanjaya Multimedia untuk menumpu lebih banyak lagi tenaga kepada memastikan supaya internet ini tidak digunakan untuk tujuan-tujuan tidak bermoral. Bukan sebagaimana tumpuan Suruhanjaya Multimedia sekarang menumpu kepada internet yang menyalurkan maklumat politik yang tidak selari dengan kerajaan seperti mengambil tindakan terhadap Malaysiakini.com dan sebagainya. Adakah tumpuan yang sepatunya ialah kepada kegunaannya untuk tujuan-tujuan tidak bermoral?. Adakah ini diberi keutamaan oleh pihak Suruhanjaya Multimedia? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, kita mesti memahami apakah pendekatan yang kita ambil terhadap penggunaan internet sama ada kita mengadakan atau membenarkan tapisan kepadanya? Kalau membenarkan tapisan dan andai kata *Harakah* ditapis mungkin Yang Berhormat tidak setuju. Yang Keduaanya ialah kalau kita mengadakan *sieving* atau tapisan - bukan *censorship sieving* di peringkat ISP dan *Gateway* - ada kemungkinan besar bahawa laluan, *the spill* akan sangat *slow* sehingga tidak boleh menggunakan internet dan sebagainya. Jadi internet adalah satu teknologi yang diingini tetapi kalau disalahgunakan ramai orang tidak puas hati dengannya.

Jadi, ini adalah satu masalah yang payah dan susah untuk ditangani. Jika kita memahami berkenaan dengan internet di mana ia ada satu *network* yang tidak berhierarki dan boleh memasuki ke mana-mana ISP dan juga *server* dari pelbagai cara. Oleh sebab itu susah dan ini diakui oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat dan lain-lain negara maju di mana internet ini susah dan payah untuk dikawal dan untuk mengadakan tapisan.

Walaupun tapisan boleh diadakan, tetapi ini akan "slow"kan kelajuan untuk penggunaan internet. Jadi, ini adalah satu pendekatan. Memang kita sedar bahawa kalau ada orang yang hendak memfitnah di dalam internet, kita pun mesti ada cara-cara untuk menanganinya.

Berkenaan dengan pornografi dan sebagainya, memang kita dan semua orang pun sedar tentang perkara itu tetapi bagaimana kita hendak menghadapi masalah ini? Jadi, satu cadangan yang dikemukakan oleh kementerian ialah bagaimana kita memberi didikan kepada khasnya ibu bapa kepada kita semua supaya kita lebih cerdik dan pandai daripada anak kita supaya kita dapat mengadakan perisian-perisian yang boleh menapis secara tempatan untuk menggalakkan penggunaan internet atau kandungan yang lebih baik.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar berdiri, ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Amerika tidak boleh digunakan sebagai satu alasan ataupun landasan. Oleh kerana apabila Amerika meluluskan satu undang-undang yang dinamakan Communications Decency Act 1996, undang-undang itu telah dicabar di mahkamah oleh American Civil Liberty Union (ACLU). ACLU telah mencabar undang-undang itu di mahkamah dan ACLU ini menang. Jadi, undang-undang itu dianggap tidak selaras dengan dia punya *constitution*.

Di sini kita tidak mempunyai undang-undang yang sedemikian, jadi kita boleh melihat secara khusus. Soal mendidik ibu bapa yang sudah berumur 50 atau 60 tahun, hendak belajar komputer *so that he knows better than his* anak, minta maaf. *I think it won't do*. Jadi, kita kena positif sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Pengerusi. Peruntukan undang-undang memang sedia ada di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di mana kalau disabitkan kesalahan oleh orang yang menyalahgunakan komputer dan sebagainya, dari segi memfitnah dan memberi bahan-bahan lucah, kalau disabitkan kesalahan, kalau tidak silap saya, denda lebih kurang RM50,000 atau setahun penjara atau kedua-duanya. Memang ada peruntukan.

Maksud saya bukan tiada undang-undang, memang ada kalau hendak digunakan. Walaupun bukan undang-undang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, ada peruntukan yang lain di bawah Akta Polis dan lain-lain yang boleh digunakan kerana internet ini adalah satu bahan atau media sahaja dan ini adalah bersama dengan bahan cetak dan sebagainya. Kalau kandungan itu lucah dan sebagainya, tindakan boleh diambil.

Maksud saya ialah bagaimana hendak mengawal penyebaran kandungan yang tidak diingini dan yang lucu ini sebab ini memang kalau kita memahami internet, ini adalah satu teknologi yang susah dikawal dan ini diakui oleh banyak negara.

Andai kata kalau *server* Harakah diserang oleh virus dan sebagainya, mungkin Harakah ada satu lagi *server* di Amerika yang tidak boleh dikawal oleh kerajaan atau mana-mana pihak. Saya ingat Yang Berhormat memang faham dan sedar tentang perkara ini sebab ini memanglah satu teknologi yang susah dikawal. Jadi, kita mesti mengambil semua tindakan dan semua langkah supaya tiada *loophole* atau tiada *backdoor* yang kita pun boleh mempertahankan diri dan moral kita dari segi etika supaya kita tidak memfitnah atau menyebarkan pembohongan dan sebagainya. Ini satu cara sahaja.

Memang melalui undang-undang pun satu cara tetapi maksud saya, cara undang-undang pun boleh digunakan dan kita boleh menggunakan perisian di peringkat tempatan. Ini semua cara yang boleh digunakan.

Tuan Pengerusi, ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang membentangkan berkenaan dengan serangan internet, *hacking* dan sebagainya, khasnya dari Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan Yang Berhormat bagi Tanjong.

Setakat ini, Tuan Pengerusi, pada tahun ini terdapat sejumlah 2,107 kes atau insiden yang dilaporkan kepada NICER berkenaan dengan sama ada *spam*, *mail bomb*, *hacking* dan sebagainya. Kebanyakan insiden yang dilaporkan adalah berkenaan dengan *spam* iaitu penerimaan *e-mail* yang tidak diingini atau dari pihak tertentu atau yang tidak dikenali dan ini merupakan 92.8% daripada kes-kes yang dilaporkan kepada NICER. Yang lain ialah berkenaan dengan virus iaitu 21.3% dan *hacking* ialah 12.3%. Inilah di antara keadaan yang sedia ada sekarang.

Kita mesti sedar bahawa dalam era elektronik ini memang ada orang yang ingin menyalahgunakannya dan mengadakan *softwares* berkenaan dengan *worm* atau virus dan sebagainya termasuk *hacking* dan kita mesti mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mempertahankan sistem sama ada sistem kerajaan atau awam dan sistem persendirian dan sebagainya.

Tetapi kita ingin memberi keyakinan kepada pengguna-pengguna khasnya di dalam *e-commerce* supaya mereka yang menggunakan transaksi *online* ada keyakinan bahawa transaksi mereka adalah selamat. Juga dengan tujuan untuk menubuhkan satu *e-government*, kita perlu memperoleh undang-undang yang baru. Oleh sebab itu, kerajaan bercadang untuk mengadakan dua rang undang-undang iaitu satu, Electronic Transaction Act dan lagi satu ialah Electronic Government Act, dengan izin. Kedua-dua akta ini diharapkan dapat menangani masalah-masalah berkenaan dengan *electronic transaction* atau *online dealing*, dengan izin, dengan kerajaan dan di antara pihak swasta dalam bidang perniagaan.

Tuan Pengerusi, sampailah ke isu Menara Telekom....

Beberapa Ahli: Yaaa!

Tuan Chia Kwang Chye: ...yang sering dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat dan jawapan saya [*Ketawa*] adalah sama kerana secara konsisten saya mesti memberi jawapan yang sama. Kalau tidak, Yang Berhormat kata tidak konsisten. Tetapi sama ada kita hendak terima jawapan atau menerima penerangan, itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Tetapi kita mesti mempunyai sikap yang bertanggungjawab untuk lebih memahami berkenaan dengan isu ataupun masalah ini. Kalau tidak, kita akan membangkit-bangkit hingga ke akar umbi. Kadang-kadang kita membuat satu silap faham berkenaan dengan isu-isu ataupun berkenaan dengan sama ada Menara Telekom akan mengakibatkan satu kesan yang buruk.

Tuan Pengerusi....

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berdiri, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, masalah sama ada ia akan mengancam kesihatan adalah satu isu. Tetapi, isu yang lebih besar lagi ialah ia tidak mendapat kelulusan. *It is illegal*. Hanya 27% semua alat pemancar ini adalah diluluskan oleh pihak tempatan. Jadi, ini adalah seperti perniagaan atau perkhidmatan yang haram, seperti VCD haram, mesti tangkap. [*Disampuk*] Tetapi, menara haram ini, alat pemancar haram tidak ditangkap ataupun tidak diambil tindakan langsung.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya pun faham, nanti Yang Berhormat akan mengatakan bahawa ini bukan di bawah bidang kuasa saya, tetapi ini adalah satu isu yang mesti ditangani kerana Kementerian Yang Berhormat adalah salah satu antara tiga kementerian yang menubuhkan suruhanjaya itu dan mestilah bersama-sama bertanggungjawab. Jadi, saya harap janganlah selalu mengelakkan tanggungjawab. Inikan Kerajaan Barisan Nasional yang begitu penyayang, yang begitu *people-friendly*, mesra, selalu hendak adakan perjumpaan mesra dengan rakyat, dengarlah suara rakyat. [Tepuk] Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Itulah sikap pihak pembangkang, Tuan Pengerusi. Memang saya tidak pernah mengatakan ini bukan bidang kementerian, sebab ini adalah satu masalah atau isu yang berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan lain-lain kementerian.

Biasanya di Dewan yang mulia ini saya menjawab isu-isu dan soalan-soalan berkenaan dengan Menara Telekom ini. Saya tidak pernah kata bahawa ini dalam bidang lain. Jadi, kalau salah faham bukan masalah saya, Yang Berhormat. Jadi, tentukan semua fakta-fakta sebelum membuat tuduhan dan sebagainya. Diharapkan jangan menjawab bagi pihak saya, sebab saya belum menjawab lagi, jangan mengadakan anggapan bahawa saya akan memberi jawapan. Kalau sudah tahu jawapan, jangan tanya lagi. [Disorak]

Jadi, apa yang saya jawab adalah jawapan yang konsisten, Yang Berhormat. Diharapkan jangan cabar saya [Disorak] [Ketawa] menyatakan saya membina atau mengadakan Menara Telekom di atas rumah saya. Sebab kalau Yang Berhormat lebih mengetahui berkenaan dengan teknologi atau *engineering* dari segi Menara Telekom, kalau di bawah menara itu, kadang-kadang tidak ada *signal*. Sebab ini adalah satu hala, kalau di bawah Menara Telekom mana ada *signal*.

Jadi, kalau cabar saya, duduk di bawah Menara Telekom, ini macam anak saya, 10 tahun umurnya, selalu cabar saya membuat kerja sekolah, sebab saya cakap: "Ini susah". Jadi, ini senang sahaja untuk menghabiskan kerja rumah ini dan sebagainya. Saya berharap bahawa kita menangani isu ini dari pendekatan yang matang untuk menerima fakta-fakta sedunia [Tepuk] dan memahami isu-isu yang berkenaan supaya kita dapat bersama-sama mengatasi masalah ini.

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Bukan sahaja di sesi ini isu ini telah dibangkitkan, bukan kali pertama Yang Berhormat terpaksa diberi cabaran sedemikian. Saya rasa kalau memang benar ia tidak membahayakan kesihatan, beranikah Yang Berhormat sendiri turun ke kawasan apabila menerima aduan? Beritahu mereka, saya jamin [Disampuk] tidak akan menggugat kesihatan mereka. Perkara satu.

Perkara kedua, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau mahu meyakinkan orang ramai, ia tidak membahayakan kesihatan, saya rasa patut terima cabaran Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. [Disampuk] Itu bukan berkaitan dengan matang atau tidak matang, Yang Berhormat mewakili kementerian bagi meyakinkan bahawa fakta Yang Berhormat adalah benar, terimalah cabaran itu. Saya percaya kalau Yang Berhormat sebagai pemimpin, juga ketua bagi kementerian ini, boleh *take the lead*. Buat setakat ini, saya rasa hanya inilah di mana orang ramai boleh mempunyai keyakinan bahawa kalau Menteri pun tidak takut, saya rasa mereka pun akan rasa lega sedikit, baru boleh terima

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: memberi keyakinan kepada apa yang Yang Berhormat kata.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tidak apalah, Tuan Pengerusi. Jangan mengingatkan saya atas anak saya yang cuma 10 tahun yang selalu kata, cabar saya membuat kerja rumah dia. Sebab saya kata senang hendak menghabiskan kerja rumah itu.

Tuan Pengerusi, Menara Telekom ada tiga segi. Yang pertama ialah sama ada Menara Telekom itu mempunyai permit atau kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan. Yang kedua, sama ada Menara Telekom selamat dari segi strukturnya. Yang akhirnya, sama ada Menara Telekom akan membawa satu

kesan yang buruk dari segi radiasi dan sebagainya, supaya mungkin orang yang berkaitan itu dapat *cancer* dan sebagainya. Inilah tiga perkara yang berkenaan, Tuan Pengerusi.

Jadi, berkenaan dengan isu kebenaran, kerajaan mempunyai garis panduan yang diluluskan oleh Majlis Negara bagi kerajaan tempatan pada bulan April 2002 yang telah diedarkan kepada semua kerajaan tempatan untuk diguna pakai mulai bulan Mei 2002. Kita secara telus dan secara ikhlas telah memberi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memintanya termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, saya difahamkan sudah diedar kepada semua sahabat dia di pihak DAP, kalau tidak itu bukan masalah saya. Tetapi, kalau hendak satu naskhah garis panduan, saya akan memberi dua naskhah kalau diingini.

Jadi, garis panduan ini telah mengadakan prosedur-prosedur yang perlu diadakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi atau TELCO, dengan izin, dan mengikut garis panduan yang sedia ada. Menara Telekom ini yang dekat sekali ialah lima meter daripada bangunan yang terdekat, yang jauh sekali ialah 30 meter. Ini mengikut guna pakai tanah itu atau *land use*, dengan izin, sama ada industri, industri memang yang dekat sekali, sama ada komersial atau kediaman. Ini mengikut tinggi menara Telekom itu. Inilah garis panduan yang diadakan.

Lesen atau permit untuk peralatan itu akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, selepas kebenaran diberi oleh pihak berkuasa tempatan. Inilah garis panduan yang diadakan. Jadi, kalau sesiapa atau syarikat-syarikat atau Menara Telekom dan lokasi seperti di dalam garis panduan ini, kebenaran akan dan boleh diberi oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya belum bercakap berkenaan dengan isu radiasi dan sebagainya. Tidak apa

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri atau tidak beri, Yang Berhormat? Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dahulu kita ada dengar kementerian memperkenalkan *sharing tower* untuk Menara Telekom. Saya difahamkan sebuah syarikat bukan telekomunikasi, *Asia Space*, telah mendapat monopoli ini. Perkembangan dia saya hendak tahu macam mana?

Tuan Chia Kwang Chye: Tolong ulang saya tidak dengar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Untuk membina Menara Bersama, *sharing tower* bagi semua syarikat-syarikat telekomunikasi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada....

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi ini berkenaan isu lesen sama ada mereka mempunyai satu lesen *network facility provider* dan kebanyakan, kalau tidak semua syarikat telekomunikasi mempunyai lesen untuk mendirikan menara telekomunikasi dan sebagainya. Jadi tidak ada isu yang mengenainya dan kebanyakan menara telekomunikasi ini dibina oleh syarikat telekomunikasi yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada lagi?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, Tuan Pengerusi, boleh jadi soalan saya tidak berapa jelas. Kerajaan pernah memperkenalkan *sharing tower* iaitu satu menara dikongsi bersama. Jadi tidak timbul tiap-tiap syarikat telekomunikasi membina menara mereka masing-masing walaupun peraturan ataupun bantuan Suruhanjaya Multimedia ada, tetapi panduannya hanya 200 meter daripada rumah sudah diizinkan untuk membina menara-menara ini menyebabkan tiap-tiap syarikat telekomunikasi ini membina menara mereka masing-masing. Sana sini, sana sini ada menara. Kemudian kerajaan memperkenalkan semua syarikat ini bersatu di bawah *sharing tower*.

Saya hendak tahu perkembangan *sharing tower* ini dilaksanakan atau tidak dan kedudukan *Asia Space* sebagai syarikat yang dapat monopoli pembinaan menara bersama ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya akan menerangkan selepas ini kerana ada beberapa Yang Berhormat pun membangkitkan berkenaan dengan perkongsian menara telekom ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Memang ini satu dasar kerajaan setakat ini untuk menggalakkan semua syarikat komunikasi berkongsi menara telekom itu dan sejauh mana untuk mengurangkan menara telekom dan sebagainya. Ini adalah satu dasar untuk menggalakkan mereka. Kalau galakan ini tidak memuaskan kemungkinan perkongsian ini dipaksa, tetapi mereka kadang-kadang menghadapi masalah di mana lokasi-lokasi yang berkenaan tidak sesuai kerana menara telekom mengadakan satu *network*, di mana *network* ini mesti satu *network* yang *logical* supaya dapat mengadakan liputan yang baik. Kalau lokasi tidak sesuai memang tidak akan dapat berkongsi.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri. Hendak bagi jalan? Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada umum mengapa terdapat servis-servis *mobile phone* di negara China seperti pusat-pusat pelancongan, kita tidak nampak langsung ada apa-apa menarakah, apa-apa..... *disc-disk* tidak nampak langsung, tetapi boleh lancar dan boleh dipakai. Apa *method* mereka pakai ini dan di terowong-terowong atau di *tube-tube*, *underground railway* boleh pakai *handphone*, tetapi di negara kita bila masuk ke *basement parking* sahaja - habis, tidak boleh pakai. Jadi adakah cara kerajaan akan mengkaji sama ada ini *viable* untuk memakai cara-cara seperti mereka iaitu tidak perlu pakai menara atau pemasangan-pemasangan *equipment* di atas bumbung.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat. Kemungkinan di negara China tiada banyak bantahan berkenaan dengan menara telekom atau letaknya peralatan-peralatan dan sebagainya, kemungkinan. Dan yang kedua, kemungkinan bahawa *single strength* mereka lebih tinggi daripada piawaian yang dibenarkan di dalam negara ini, kemungkinan. Oleh kerana kepentingan rakyat - kemungkinan itu ada, *single strength* itu dalam satu lingkungan yang boleh diterima.

Yang ketiga ialah boleh diadakan *single strength* di beberapa tempat untuk mengadakan *repeater* atau *booster* dan sebagainya. Tetapi kalau kita pergi ke beberapa tempat dan satu contoh ialah di Avenue Road di Pulau Pinang dan Putrajaya, memang ada beberapa menara telekom macam di pokok-pokok dan sebagainya, di mana dari jauh nampak seperti pokok dan ada diletaknya peralatan. Banyak negara termasuk negara Scandinavia di mana letaknya peralatan ini di atas pokok-pokok dan sebagainya. Dan kita ingin menggalakkan pemilik-pemilik bangunan supaya mengadakan reka bentuk-reka bentuk peralatan *transmitter* yang boleh diletakkan di bangunan.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: supaya dapat menjadi satu reka bentuk. Kadang-kadang tidak nampak menara telekom.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, hendak minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak tanya berapa banyak lagi tempat di negara kita ini termasuk Sabah dan Sarawak yang masih lagi tidak boleh menerima khidmat telefon mudah alih ini. Contohnya seperti di tempat saya, ada satu kampung yang bernama Ijok, langsung tidak boleh guna. Jadi apakah ada satu *time frame*?

Tuan Husam bin Haji Musa: [Menyampuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak apalah PAS tidak hendak pakai dia punya hallah. PAS kalau pakai tidak guna juga, dia selalu tukar apa nama..... Jadi apakah *time frame* di seluruh negara kita ini, bila khidmat pada keseluruhannya boleh digunakan telefon mudah alih ini? Minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Kalau hendak mendapat satu liputan, *coverage* 100% mungkin memang payah dan dari segi kos dan *feasibility* mungkin tidak mengizinkan kerana kita mesti dapat beberapa

pengguna, orang yang akan menggunakan telefon dapat menjalankannya. Tapi ini terpulung kepada syarikat-syarikat, tetapi di negara China kadang-kadang kita tidak berpeluang pergi luar daripada tempat-tempat pelancongan ataupun luar daripada jalan raya dan sebagainya. Oleh itu kita anggap negara China lebih baik daripada negara Malaysia, tetapi di negara Malaysia kita pergi tempat-tempat luar bandar dan sebagainya. Dan ini kita banding dengan negeri China, ini mungkin satu anggapan yang tidak betul.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri. Yang Berhormat hendak bagi jalan lagi?

Seorang Ahli: Bagi saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bagaimana dengan cara yang digunakan oleh negara Singapura yang berdekatan dengan kita? Bagaimana mereka gunakan kerana saya dapati bahawa di sana tidak ada bantahan daripada penduduk di kawasan-kawasan flat-flat? Jenis apa mereka pakai? Yang kedua, di negeri Johor sekarang - tadi dalam perbincangan, saya sudah kata sekarang Pihak Berkuasa Tempatan sudah mula keluaran kebenaran untuk syarikat telekomunikasi ini memasang menara telekomunikasi ini, mengikut kata pegawai, mereka perlu keluaran, kerana ia ada percanggahan dengan garis panduan, tetapi Pihak Berkuasa Tempatan dapati bahawa dari segi undang-undang kecil bangunan, tiada masalah.

Sebab itu dalam kawasan saya baru-baru ini, minggu lalu sudah 12 lesen kebenaran dikeluarkan dan mereka sedang pasang. Dan sebelum ini Pihak Berkuasa Tempatan dengan pegawai penguat kuasa dan desakan dari ahli majlis, wakil rakyat pergi merobohkan. Sekarang boleh pasang balik. Orang sudah keliru. Dalam masa yang singkat ini iaitu berapa bulan dahulu boleh, tetapi sekarang sudah dan di negeri Johor dengan usaha kerajaan negeri cuma membenarkan sebuah syarikat yang ditugaskan untuk membuat permohonan bersama untuk semua syarikat yang terlibat dengan telefon bimbit dan mereka yang mendapat kebenaran daripada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, jadi merekalah yang pasang menara pemancar telekomunikasi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Di sini saya hendak tanya, dikatakan bahawa kalau jenis *transmission* iaitu yang atas tanah memang garis panduan adalah ketat dan yang dipasang atas bangunan kedai atau kediaman adalah jenis yang terima (*receiving the transmission*), sama ada ini adalah boleh dibenarkan kerana tidak ada kesan buruk kepada kesihatan, sama ada ini adalah benar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, kalau perkara yang kita bangkitkan dalam perbincangan kita jangan dikemukakan buat penjelasan. Kalau sekiranya ketinggalan tidak dijawab barulah kita bangkitkan. Kalau tidak, ada yang berpusing-pusing. Menteri hendak menjawab pun pening kepala. *[Ketawa]* Kalau hendak soal, soal benda yang berkaitan, yang tidak ada orang tanya, barulah betul. Jadi, sila jawab.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, bukan sahaja pening kepala tetapi letih juga. *[Ketawa]* Bangun duduk, bangun duduk. Itu fahamlah, saya tidak pasti dengan sistem atau cara yang dibuat oleh Singapura, mungkin kita kena buat lawatan. Tetapi kalau buat lawatan ada orang kata selalu keluar negara. Berkenaan dengan keadaan yang khas seperti di Johor Bahru dan sebagainya, kami perlu siasat dahulu. Tetapi yang mustahak sekali kalau mengikut garis panduan dan memberi kebenaran, itulah berkenaan dengan garis panduan yang diletakkan. Kalau dalam garis panduan boleh diberi, ini adalah satu keputusan pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi,...

Tuan Ng Lip Yong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batu. *[Ketawa]* Dia tidak ada bercakap. Sila.

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada sampai sekarang adakah laporan dari persatuan atau pertubuhan antarabangsa berkenaan dengan *micro-wave* dan *mobile telephone* yang melibatkan kesihatan? Adakah laporan-laporan yang memberitahu ada kesan-kesan tentang kesihatan?

Tuan Chia Kwang Chye: Yang Berhormat bagi Batu adalah seorang engineer komunikasi dan elektronik. Jadi, mungkin lebih faham daripada saya. Saya cuma belajar dalam seni bina dan perancangan bandar. Tetapi saya ambil kesempatan ini, Tuan Pengerusi, untuk pergi segi yang kedua iaitu berkenaan dengan kesihatan yang sering dibangkitkan. Yang Berhormat bagi Batu, terima kasih.

Dari segi ancaman kepada kesihatan fizikal, Tuan Pengerusi, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh banyak agensi antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization*) menunjukkan bahawa tiada wujud tanda-tanda yang membuktikan tenaga haba atau radiasi menara pemancar telekomunikasi boleh mengakibatkan penduduk-penduduk sekitar menghadapi penyakit seperti kanser atau sebagainya. Malah di negara-negara maju seperti di Jepun, menara pemancar telekomunikasi tidak jadi satu isu kesihatan. Jadi, ini satu kenyataan oleh *World Health Organization*, dengan izin, ini bukan kenyataan dari saya. Kalau kita tidak menerima badan-badan sedunia seperti *World Health Organization*, mungkin kita boleh menggunakan lain-lain organisasi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kajian yang telah dijalankan oleh agensi-agensi negara kita sendiri seperti Institut Kajian Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) untuk menentukan kadar sebenar tahap radiasi daripada alat pemancar telekomunikasi dan kesannya kepada orang ramai menunjukkan bahawa tahap radiasi adalah rendah daripada tahap piawai keselamatan yang disyorkan oleh *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection (ICNIRP)*.

Tuan Pengerusi, telefon cellular dan menara pemancar telefon cellular yang digunakan akan menghasilkan satu medan *electro-magnetic* atau *electro-magnetic field*, tetapi jenisnya ialah radiasi tanpa pengiranan, dengan izin, *non-ironizing radiation*. Kesan buruk atas atau bahaya radiasi jenis ini adalah bergantung kepada kekuatan tenaga pemancarnya, *frequency* dan *those* seperti keupayaan menembusi *cell* dan *tissue* mereka dan sebagainya. Jadi, ini adalah satu definisi.

Dalam tahun 1996, Tuan Pengerusi, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan - bukan kementerian saya - untuk mengkaji kesan radiasi terhadap manusia melalui penggunaan telefon cellular atau pemancar gelombang radio komunikasi ini. Jawatankuasa tersebut adalah terdiri daripada pelbagai agensi:-

- (i) Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (*Atomic Licensing Energy Board*), dengan izin;
- (ii) Fakulti Fizik dan Sains Gunaan Universiti Kebangsaan;
- (iii) Jabatan Kejuruteraan Elektrik Universiti Malaya;
- (iv) Institusi Kajian Teknologi Nuklear Malaysia (MINT);
- (v) Tenaga Nasional Research and Development Sdn. Bhd.;
- (vi) Jabatan Telekomunikasi Malaysia (JTM);
- (vii) Jabatan Elektrik dan Bekalan Gas;
- (viii) SIRIM Berhad; dan
- (ix) Universiti Teknologi Malaysia.

Dari hasil kajian tersebut, jawatankuasa tersebut telah sebulat suara bersetuju dan membuat kesimpulan berhubung kesan radiasi gelombang radio komunikasi terhadap kesihatan manusia yang secara ringkasnya, dengan izin Tuan Pengerusi, setelah mengkaji semua laporan berkaitan, Jawatankuasa Ad-Hoc Saintifik antara agensi telah memutuskan bahawa tiada sebarang bukti kukuh yang boleh menggiatkan pendedahan medan *electro-magnetic* atau *electro-magnetic field (EMF)* pada tahap yang normal sedia ada boleh menjejaskan kesihatan. Jawatankuasa juga akan sentiasa mengambil kira kajian-kajian yang sedang dijalankan di peringkat antarabangsa dan memutuskan untuk sentiasa memaklumkan, mengkaji dan juga mempertimbangkan penemuan terbarunya. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa *hard dose* yang disyorkan oleh *International Radiation Protection Association (IRPA)*, dengan izin, digunakan sebagai suatu garis panduan.

Tuan Pengerusi, kerajaan memang kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa menangani isu ini tetapi kita mesti mengambil satu sikap yang positif dan kalau ada kita kata ada, kalau tidak kita mesti terima laporan-laporan sedunia dan juga kajian-kajian yang dijalankan oleh agensi-agensi tempatan sendiri.

Yang akhir sekali berkenaan dengan menara (*Tower*) Telekom ialah berkenaan dengan keselamatan dari segi struktur. Ini biasanya direka bentuk oleh jurutera-jurutera dan kalau diterima oleh pihak berkuasa tempatan adalah biasanya dalam tahap yang selamat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa isu-isu berkenaan dengan menara telekomunikasi setakat ini dapat saya menjawab dan berharap bahawa jawapan yang diberi ini adalah.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya, apa masalah Yang Berhormat? Setakat ini, bukan dengan menara telekomunikasi sahaja. Belum ya? [*Ketawa*] Belum habis lagi, sabar sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Oh! Tak, saya ingat, dia sudah habis. Kalau habis, saya hendak tanya. Kalau belum habis, okey. Saya tidak tanya. Saya tunggu saya punya soalan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tadi saya kata ada isu-isu yang terbangkit yang pertama ialah berkenaan dengan internet. Yang kedua ialah menara telekomunikasi. Yang ketiga ialah berkenaan perkhidmatan telefon dan sebagainya termasuk *streamix* dan gabungan Jaring dan Internet. Yang lain ialah berkenaan dengan Projek Hidroelektrik Bakun, bekalan elektrik, pos dan sebagainya.

Jadi, ini cuma isu yang kedua sahaja...

Puan Lim Bee Kau: [*Bangun*]

Tuan Chia Kwang Chye: Silakan.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari pihak Kementerian berkenaan dengan menara telekomunikasi ini. Kita faham kata dari maklumat yang telah diberikan oleh WHO dan sebagainya tetapi kita masih dapati bahawa di kalangan orang ramai masih ada keraguan berkenaan bahayanya ataupun tidak. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian. Tadi saya ada cadangkan supaya pihak Kementerian mengadakan publisiti yang luas dan memberi penjelasan yang cukup supaya publik di *educate* berkenaan dengan maklumat-maklumat ini. Kalau tidak masalah ini akan timbul lagi. Saya minta jasa baik pihak Kementerian supaya tolong mengatasi masalah keraguan publik ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, oleh sebab itu saya mengambil masa yang mungkin panjang sedikit untuk menerangkan isu-isu berkenaan dengan menara telekomunikasi. Saya memang faham dari segi ketakutan dan sebagainya. Kadang-kadang dari segi maklumat yang tidak mencukupi dan ada agensi-agensi termasuk syarikat telefon yang pernah mengeluarkan sebaran-sebaran dan percetakan untuk menerangkan isu-isu yang dan sebagainya...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Chia Kwang Chye: ...Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pun pernah mengadakan *road show* dan ceramah-ceramah untuk menerangkan berkenaan dengan medan *electro-magnetic* dan sebagainya dan kesannya. Ini semua ada dijalankan. Mungkin tidak cukup dan saya berharap dengan penerangan di Dewan yang mulia ini diharaplah bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menerangkan kepada akar umbi dan penduduk supaya setakat ini tiada..., yang saya boleh cakap ialah dari laporan World Health Organization dan lain-lain agensi mengatakan, tiada bukti setakat ini mengatakan ada kesan yang buruk.

Saya tidak boleh memberi jaminan saya sendiri. Saya pun bukan World Health Organization. Saya cuma menerima laporan mereka dan menyatakan, dan World Health Organization sebagai setuju piawaian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: yang diharapkan boleh diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan sudah bangun lama.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Chia Kwang Chye: Okey, lama Kinabatangan tunggu. Saya nampak. Minta maaf ya? Dia dulu ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dia prihatin. Mata dia awas. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tadi saya sudah bertanya, dalam dunia globalisasi masa kini, kalau itu telefon *cellular* di luar bandar tidak ada servis, kita lebih menerima dari segi fakta, kenyataan dan realiti dia tetapi hanya 7 kilometer daripada bandar tidak ada servis telefon *cellular* ini, saya rasa perkara yang terlalu pelik dan harus diambil perhatian oleh kementerian. Kalau pihak operator-operator *cellular* ini tidak ada, ambil perhatianlah dan pihak kementerian saya minta campur tanganlah untuk mengatasi masalah ini.

Adalah menjadi satu *embarrassing* atau memalukan kepada kita *[Dewan riuh]*

Dr. James Dawos Mamit: Memalukan!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Memalukan!...

Dr. James Dawos Mamit: Memalukan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dan memalukan kepada mereka sebab tidak menggunakan akal fikiran. Hanya dalam jarak 7 kilometer tidak boleh beri perkhidmatan. Saya lihat bukan satu perkara yang boleh dibanggakan sedangkan dalam kita menghadapi suasana IT tidak logik, tidak masuk akal. Dalam jarak 7 kilometer dari bandar tidak ada servis telefon ini. Jaga malulah sedikitlah sana!

Tuan Chia Kwang Chye: Saya tidak tahu siapa yang duduk 7 kilometer dari bandar. Yang Berhormat Kinabatangan hendak telefon, ya? Tetapi ini secara spesifik. Jadi kalau boleh beri tempat dan servis syarikat telefon yang mana yang tiada servis, barulah saya ambil tindakan untuk berunding dengan syarikat telefon yang berkenaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Setiausaha Parlimen. Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat kata kementerian Yang Berhormat juga akan bersama-sama bertanggungjawab ke atas isu ini. Jadi belum jawab tentang menara-menara atau alat pemancar yang tidak diluluskan oleh Kerajaan Tempatan, yang itu kebanyakan ialah 72% yang tidak diluluskan.

Apakah kementerian Yang Berhormat akan buat kepada mereka yang di antara mereka ada yang telah wujud selama lima tahun atau enam tahun. Kerajaan Tempatan pun sudah kata, akan merobohkannya tetapi lima tahun sudah lepas, masih tidak diambil apa-apa tindakan. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian Yang Berhormat?

Yang kedua, saya ada beri satu contoh yang spesifik di Kolej MARA di Kulim pun ada satu menara di sana. Bukankah itu melanggar semua garis panduan yang disediakan sama oleh kementerian Yang Berhormat ataupun *by-line* atau *by-law*. Jadi apakah yang boleh dibuat? Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun sangat cermat kerana pada akhirnya beliau berkata, dia tidak boleh beri apa-apa jaminan kerana sampai sekarang, kajian sampai hari ini sahaja dan ini ialah mungkin lebih kurang lapan tahun sejak ada menara ini.

Kalau saya ambil contoh rokok lagi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Rokok ia ambil 20 tahun, ia ada *long-term effect* dan kita mesti..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Puan Chong Eng: Bukankah kerajaan mesti berhati-hati dan sekiranya bukan sahaja mengancam kesihatan tetapi ialah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah cukuplah. Tadi Yang Berhormat sudah bangkitkan perkara ini.

Puan Chong Eng: ..Pihak Berkuasa Tempatan tidak membuat kerja penguatkuasaan. Banyak perkara yang lain. Mereka rajin yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Mengatakan bahawa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen.

Puan Chong Eng: ...Kalau kerajaan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Bukit Mertajam.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya mematuhi Tuan Pengerusi berkenaan dengan peraturan ini.

Tuan Pengerusi, memang ada sebabnya kalau menara telekomunikasi yang berkenaan setakat ini tidak dapat memberi kebenaran sama ada tidak dapat memenuhi garis panduan ataupun tidak dapat mencari satu lokasi yang sesuai ataupun tidak cukup kakitangan dan sebagainya.

Kalau semua, setakat ini kalau semua menara telekomunikasi yang tidak dapat kebenaran, tidak kira apa sebabnya saya ingin hendak kata, menara telekomunikasi dibawa turun *dismantle* dengan izin, kemungkinan perkhidmatan telefon *cellular* akan terjejas dan ini mungkin akan membawa satu keburukan dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya kerana ada ramai orang perlu menggunakan telefon bimbit. Dari statistik pun menyatakan bahawa, jumlah pelanggan telefon setakat ini lebih daripada 10 juta.

Manakala jumlah talian tetap (*fixed-line*) telah menurun sehingga cuma 4.6 juta pelanggan sahaja dan inilah trend yang ada sekarang. Itu menjelaskan bahawa betapa perlunya perkhidmatan selular ini diadakan. Ini satu isu kebenaran yang dapat ditandatangani sama ada dari segi garis panduan, dari segi lokasi yang sesuai atau alternatif dan dari segi kakitangan termasuk kakitangan pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Akan tetapi satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menangani isu ini di mana semua pihak - Suruhanjaya Komunikasi, pihak berkuasa tempatan dan juga pihak syarikat-syarikat telekomunikasi dapat duduk bersama-sama untuk menyelesaikan masalah ini dari segi kebenaran yang boleh diberi oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kinabatangan berkenaan dengan perkhidmatan telefon yang berkenaan. Adalah harapan kerajaan supaya penetrasi atau kadar penetrasi telefon dipertingkatkan dari segi *fixed line*. Ini bermakna dari 20% setakat ini sehingga 35% menjelang tahun 2005, walaupun trend setakat ini tidak menunjukkan kemajuan, jurang digital dari segi komunikasi di antara luar bandar di mana cuma 11% kadar penetrasi untuk talian tetap dan diharapkan pada tahun 2005, kadar penetrasi untuk *fixed line* di luar bandar meningkat sehingga 17.5%. Jadi inilah harapan kerajaan untuk menangani masalah ini. Teknologi yang tidak digunakan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Selangau dan Yang Berhormat bagi Serdang berkenaan dengan tempat-tempat yang tidak mempunyai perkhidmatan telefon. Kita akan mengadakan siasatan dan lebih memahami berkenaan dengan masalah andai kata di Serdang, bagaimana keadaan di bandar dan kawasan perumahan yang tiada perkhidmatan telefon. Dan dari segi pengalaman kami, biasanya surat perjanjian yang telah ditandatangani di antara syarikat perumahan dengan syarikat-syarikat telekomunikasi dan biasanya kemungkinan bukan Syarikat Telekom Malaysia Berhad, kadangkala dengan lain-lain syarikat telekomunikasi.

Walau bagaimanapun, Telekom Malaysia Berhad telah menjalankan satu projek di kawasan yang berkenaan untuk menggunakan teknologi *fixed wireless* iaitu menggunakan Code Division Multiple Access (CDMA) untuk memberi perkhidmatan telefon di kawasan yang berkenaan. Selepas talian tetap (*fixed line*) dapat diberi ke kawasan itu, perkhidmatan CDMA akan ditukar kepada talian yang tetap.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah membangkitkan berkenaan dengan telefon. Pada hemat saya perkhidmatan telefon sudah pun dibekalkan di kawasan Parlimen berkenaan dan yang mana tiada, tolong berikan maklumat dan butiran lanjut. Bukan hari inilah, bukan sekaranglah, tidak apalah, nanti minum kopi, saya pun haus [*Ketawa*]. Kerana saya bercakap banyak. Tak apalah, tempat yang khas, nanti [*Disampuk*].

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Tuan Chia Kwang Chye: Hah? Minta belanja? Boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat?

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, minta penjelasan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, tadi saya ada beritahu iaitu Taman Nusa Bistari pada akhir tahun lalu, mereka telah buat aduan pada saya tiada perkhidmatan talian telefon, cuma ada jenis CDMA – *cordless*. Saya tanya apa sebab lambat kerana sebelum projek ini diadakan, memang pemaju ada menghantar pelan kepada pihak Telekom. Sudah dua tahun selepas bangunan dapat CFO tetapi bila permohonan dimajukan ke Jabatan Telekom, tidak ada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi Setiausaha Parlimen telah minta Yang Berhormat boleh bincang sama

Tuan Chang See Ten: Bukan, saya hendak tanya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:minum kopi di kantin, ada pendapat dia.....

Tuan Chang See Ten: ...dari segi perancangan Telekom, sudah ada maklumat diberikan dua tahun, mengapa ada kes-kes begini. Ini pun disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Serdang. Kita semua menghadapi masalah ini. Kita harap pihak Telekom dapat mempertingkatkan perkhidmatan talian telefon ini kerana penting untuk IT dan *fax machines*. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya telah maklum dan akan memberitahu kepada syarikat berkenaan untuk mengatasi masalah yang tertentu itu.

Yang Berhormat bagi Selangau telah membangkitkan berkenaan dengan perkhidmatan telefon di kawasannya dan saya ingin memaklumkan bahawa agihan pelanggan mengikut kampung-kampung dan rumah panjang di kawasan luar bandar di negeri Sarawak yang telah dibekalkan dengan perkhidmatan telefon - dengan izin - *Wireless In Local Loop* (WILL) dengan teknologi Code Division Multiple Access (CDMA) adalah seperti berikut: iaitu di kawasan Kuching – 130 kampung, Miri – 98 kampung. Jumlahnya 228.

Berkenaan dengan rumah panjang di kawasan Kuching – 57 buah, Sibul – 47 dan Miri – 27. Jumlahnya ialah 120 dan semua jumlah besar ialah 348.

Bagi kawasan Parlimen Selangau sehingga bulan Jun tahun ini, Tuan Pengerusi, terdapat 41 buah rumah panjang yang telah dibekalkan dengan perkhidmatan CDMA. Itulah sahaja untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Selangau.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Oh, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, seandainya CDMA tidak dapat digunakan di satu kawasan, apakah teknologi yang lain yang ada di Syarikat Telekom yang kita boleh gunakan? Sebagai contoh, di kampung saya sendiri, hanya lima buah rumah sahaja boleh menerima *signal* menggunakan CDMA tetapi rumah saya sendiri tidak dapat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Rumah yang mana satu?

Dr. James Dawos Mamit: Jadi, macam mana ini? Adakah teknologi yang lain buat masa ini kepunyaan Telekom yang boleh digunakan kalau CDMA tidak dapat?

Tuan Chia Kwang Chye: Minta maaf, saya tidak tahu di mana letaknya kampung berkenaan. Kalau tidak silap saya mungkin dekat dengan Kuching dan bandar-bandar besar. Kalau di luar bandar, kerajaan mempunyai satu projek atau program di bawah perkhidmatan sejagat (*universal service provision*) untuk mengadakan telefon awam (*public phone*), dua talian telefon dan dua talian internet yang boleh digunakan di kampung-kampung atau luar bandar

Teknologi yang digunakan di beberapa kampung ialah teknologi V-set, *very small aperture* dan *terminal* yang boleh digunakan dan ini boleh digunakan untuk internet dan sebagainya. Dan diharapkan bahawa melalui *School Net* pun mungkin kawasan-kawasan kampung pun boleh dapat berkomunikasi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, telah membangkitkan berkenaan dengan *Streamix*, termasuk Yang Berhormat bagi Sri Aman dan juga berkenaan penggabungan *Jaring* dengan *TMnet*. Tuan Pengerusi, dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan penggunaan dan akses kepada kemudahan jalur lebar oleh pihak swasta dan juga orang awam, kerajaan telah memutuskan supaya *TMnet* digabungkan dengan *Jaring*. Ini adalah untuk mengehendkan *economy of scale* dan juga *economy of scope*, dengan izin, supaya kapasiti mereka boleh dicantumkan dan memberi satu perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Ada orang yang merasa khuatir bahawa tindakan ini boleh membawa satu keadaan di mana satu-satu pihak yang akan memonopoli. Memang ada lain-lain syarikat telekom seperti *Time* dan sebagainya, yang memberi perkhidmatan ISP dan pelanggannya ialah 70 peratus. Lain-lain syarikat komunikasi juga boleh memberi perkhidmatan ini dan ada cara-cara lain seperti *cyber café* dan sebagainya, dan juga dengan menggunakan perkhidmatan *Wireless Hotspots* dengan *Wi-Fi*, di mana akses kepada internet tidaklah terhad kepada *Jaring* atau *TMnet* dan inilah satu langkah yang telah diambil oleh kerajaan.

Kerajaan pun setakat ini akan memastikan bahawa yuran atau caj yang dikenakan setakat ini tidak akan dinaikkan berikutan dengan penggabungan ini. Sebaliknya kerajaan telah menurunkan kadar untuk perkhidmatan jalur lebar, khasnya melalui perkhidmatan *Streamix* yang dikendalikan oleh *TMnet*. Kadar yang telah ditentukan ialah 30 peratus untuk pengguna individu dan 50 peratus berperingkat bagi sektor perniagaan. Ini akan memberi peluang kepada lebih ramai penduduk dan rakyat Malaysia untuk mengakses internet melalui jalur lebar atau *broadband* dengan kadar yang munasabah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Mengenai dengan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suatu masa dahulu, di mana menara-menara telekomunikasi yang berbagai-bagai bentuk dan terlalu banyak, ada cadangan supaya ia disatukan, apakah kedudukannya sekarang ini? Setakat manakah perundingan telah diadakan supaya cuma satu bentuk ataupun satu *service provider* mengaturkan menara-menara atau talian ini, dan syarikat-syarikat yang lain cuma menyewa kepada *service provider* ini, dengan izin.

Saya difahamkan di Sabah, sama ada Telekom, DiGi atau Maxis dan sebagainya, akan menyewa daripada satu syarikat yang akan membekalkan infrastruktur ini, tetapi saya difahamkan Suruhanjaya Telekomunikasi tidak memberi lesen kepada syarikat *service provider* ini. Jadi, apakah ini satu halangan oleh kerajaan ataupun kerajaan belum meluluskan proses ini ataupun bagaimana di masa yang akan datang? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Sipitang, saya telah jelaskan tadi bahawa sesiapa yang mempunyai lesen NFP atau *Network Facility Provider*, boleh mendirikan menara telekom. Kalau tiada lesen memang tidak dapat, tetapi keadaan monopoli di mana cuma satu syarikat dibenarkan, ini tidak wujud dalam rejim pelesenan di negara kita dan memang kita galakkan, di mana menara telekom sama ada dibina oleh sesiapa pun, dapat berkongsi untuk mengurangkan jumlah menara telekom. Perkongsian setakat ini adalah digalakkan di antara *service provider* dari segi syarikat telekom dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengatakan bahawa perkhidmatan Astro di Singapura adalah lebih baik daripada Astro di Malaysia. Kalau tidak silap saya, Astro tidak ada di Singapura dan Kerajaan Singapura bukan seperti Kerajaan Malaysia, yang membenarkan rakyatnya menggunakan, menerima perkhidmatan atau kandungan melalui satelit, dan di Singapura apa yang saya tahu ialah mereka ada *cable television* dan sebagainya. Oleh sebab itu, cuaca tidak mengganggu penerimaan kandungannya.

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Sudah balikkah Yang Berhormat? [Menyindir Yang Berhormat yang baru masuk ke Dewan] [Ketawa]

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi saya bangkitkan berkenaan caj laluan jenis akses ke *internet Dial-up*, sama ada dapat memberi akses dengan caj yang lebih

rendah. Perkara kedua ialah berkenaan *broadband*. Sekarang ini saya ada menerima aduan daripada mereka yang bertanya apakah kementerian dapat memastikan *TMnet* apabila telah mendapat banyak pelanggan, dia tidak akan menaikkan harga kerana perkhidmatan ini sekarang telah dimonopoli oleh *TMnet*. Jadi, setakat ini apakah koordinasi, sama ada perjanjian di antara kerajaan, kementerian dengan *TMnet* agar tidak menaikkan harga apabila sambutan terhadap *broadband* ini begitu baik di masa hadapan.

Tuan Chia Kwang Chye: Sebenarnya saya sudah jawab tadi tetapi Yang Berhormat tidak ada di Dewan. Walau bagaimanapun, oleh sebab Yang Berhormat senyum, saya bagi *chance* sedikitlah. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, Yang Berhormat pilih kasih ya!

Tuan Chia Kwang Chye: Nanti saya terangkan dahulu. *[Yang Berhormat bagi Larut menyampuk]* Nanti, nanti saya habiskan, nanti saya akan berbalik kepada Astro. Apa yang saya nyatakan bahawa satu situasi monopoli tidak akan wujud kerana ada lain-lain ISP yang boleh memberi perkhidmatan dan ada cara-cara lain seperti *cyber café* dan juga *Wi-Fi internet access* boleh digunakan. Dan pelanggan untuk *Dial-up* sekarang sudah menurun dan setakat ini cuma 2.7 pelanggan tetapi pelanggan bagi *broadband access* melalui *Streamix* telah meningkat sehingga lebih daripada 70,000 setakat ini dan lebih daripada 15 orang yang sedang menunggu.

Ini adalah satu *trend* di mana *dial-up* adalah satu teknologi yang boleh dikatakan tidak lagi diguna pakai oleh ramai orang, dan dari segi caj, kerajaan akan memastikan bahawa caj tidak akan meningkat. Sebaliknya caj untuk jalur lebar diturunkan supaya menggalakkan lebih ramai orang menggunakan akses melalui jalur lebar, yang setakat ini yang disediakan oleh *Streamix*.

Kemungkinan lain-lain orang akan memberi lain-lain perkhidmatan sama ada *wireless* atau tidak supaya ramai rakyat Malaysia dapat akses kepada Internet dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Astro, you hendak tanyakah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akui Yang Berhormat mengatakan, oleh kerana penggunaan *satellite*, bila berlaku hujan, gambar itu hilang. Tetapi, saya tidak tahulah, ini saya sendirilah, bila saya tengah menonton gambar Bujang Lapok, hujan - hilang. Tetapi, bila keluar cerita yang agak ganas sedikit, tidak hilang. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Adakah itu sebab Yang Berhormat membuat aduan bahawa perkhidmatan Astro tidak baik kerana hendak tengok yang itu, tidak dapat tengok? Saya tidak tahu apa keadaannya. Kemungkinan adalah dari segi penapisan atau sebagainya kerana Astro pun ada penapisan sebelum diterima oleh pelanggan dalam Astro dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit, Yang Berhormat, tentang penapisan ini, terima kasihlah kerana sekarang ini Astro sudah berkembang. Boleh dikatakan kebanyakan rumah ada kemudahan Astro. Masalahnya, tentang program Astro ini, sama ada kementerian ada satu jawatankuasa memantau sesetengah program yang disiarkan oleh Astro. Umpamanya, baru-baru ini yang menjadi satu sambutan daripada budak kecil sampailah remaja dan dewasa iaitu Akademi Fantasia, yang mana secara tidak langsung juga menggunakan kemudahan SMS, berebut-rebut hinggan yang menang pun tidak layak menang kononnya oleh sebab sistem SMS ini, orang itu menang, tidak apalah. Soalannya Yang Berhormat, pelajar-pelajar Akademi Fantasia ini, walaupun dengan tujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru, bakat-bakat terpendam, orang Cina, orang India, Orang Asli, orang Melayu, Orang Asli tidak ada lagilah.

Tetapi masalahnya, di hadapan ibu bapa yang hadir untuk melihat kebolehan anak-anak mereka, budaya ketimuran ini sudah tidak ada lagi. Bepeluk bercium di hadapan penonton termasuk keluarga dan ibu bapa kerana terlampau suka sangat. Yang sedih kena singkir pulang itu biasalah, sedih kadang-kadang macam Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tidak dapat terima kerana menara yang haram itu, samalah. Jadi, apakah kementerian tidak ada satu garis panduan yang lebih ketat di segi adat, resam, budaya dan disiplin walaupun kadang-kadang program yang cuba ditayangkan itu adalah merupakan hiburan. Tetapi masalahnya, sampai adat ketimuran ini sudah tidak ada lagi sudah. Di hadapan bukan sahaja penonton, rakan mereka, tetapi keluarga, ibu bapa yang hadir untuk menyaksikan pelajar-pelajar Akademi Fantasia ini sampai sanggup terlajak membelakangi batas-batas susila. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini jawapan panjang lagi?

Tuan Chia Kwang Chye: Panjang sedikit. Saya akan cuba pendekkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah berucap lebih daripada sejam setengah.

Tuan Chia Kwang Chye: Sejam setengah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya cuba habis dalam dua jamlah. Lagi setengah jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, secara am, secara am sahaja, semua pemegang lesen penyedia perkhidmatan aplikasi kandungan seperti stesen-stesen penyiaran adalah tertakluk kepada seksyen 211 dan juga seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 mengenai penyiaran kandungan.

Selain dari itu stesen-stesen berkenaan juga dikawal oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dengan garis panduan penyiaran dan kod pengiklanan serta syarat-syarat lesen kalau ada. Di bawah peruntukan berkenaan, para pemegang lesen adalah dilarang menyiarkan kandungan bersifat lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, menggugat atau mengganggu mana-mana orang.

Sehubungan dengan perkara ini, pihak SKM akan menegur atau memberi amaran kepada pemegang-pemegang lesen yang didapati melanggar peraturan dan garis panduan berkenaan sebelum tindakan yang lebih keras diambil sekiranya mendapat aduan dari mana-mana pihak yang tersentuh ke atas kandungan yang disiarkan. Jadi, ini dari sejarah. Jadi, memang ada peruntukan di sisi undang-undang untuk mengambil tindakan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Pengerusi, saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut. Kalau kita kaji buku panduan bulanan daripada Astro, jumlah yang di.....

Beberapa Ahli: [Mengganggu]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Betul, saya pelanggannya. Jumlah saluran yang disalurkan, dipancarkan oleh syarikat Astro ini, 38 saluran televisyen, 13 saluran radio. Daripada 38 saluran televisyen, lima saluran ialah berita, CNN, BBC, CNBC, Bloomberg dan yang kelimanya kongsi antara Al-Jazeera dengan ABC dengan satu lagi syarikat berita iaitu syarikat Jerman DWTV. Lima adalah berita. Yang 33, dua ada bentuk pengetahuan iaitu yang bernama *National Geographic*, *Animal World* dan *Discovery Channel*.

Jadi, hanya yang 30 lagi isu seperti yang kita dengar Ria Fantasia dan sebagainya, seakan-akan itulah kebanyakan yang 30 itu. Yang 13 saluran radio ini semuanya hiburan. Bermacam-macam bentuk hiburan. Hiburan yang agak serius, muzik klasik, muzik Melayu Asli yang saya fikir secara umumnya tidak merosakkan tetapi yang lain-lainnya berbentuk untuk hiburan-hiburan ringan. Yang lebih bahayanya, yang mendorong generasi kita bukan ke arah berfikir secara serius untuk mencari ilmu dalam dunia k-ekonomi dan segala 'k' ini, tetapi hanya menuju ke arah hiburan semata-mata.

Jadi, saya rasa pihak kementerian seharusnya memberi tumpuan yang lebih banyak lagi kepada memastikan supaya misalnya antara pakej bayaran bulanan itu dianggap pakej-pakej pendidikan ini, ilmu, berita ini percuma dan pastikan supaya Astro tidak memberi caj atau mengenakan bayaran terhadap itu. Yang lain mesti ada kawalan terhadapnya.

Keduanya, adakah kementerian berhasrat untuk memecahkan monopoli oleh syarikat Astro ini terhadap perkhidmatan satelitnya sahaja, sebab perkhidmatan satelit ini, khidmatnya tidak baik. Keduanya, perkhidmatan satelit ini ada unsur-unsur strategik negara. Negara ada kepentingan. Masyarakat kita ada kepentingan. Maklumat-maklumat disampaikan. Sekarang ini, TV1, TV2 pun salurannya melalui satelit Astro juga. Kalau ada bencana besar, kalau ada negara diserang oleh Singapura dan sebagainya, maklumat ini melalui satelit yang tercepatnya. Tetapi, kalau khidmat satelit itu, cuaca buruk pun sudah

gelap skrin televisyen kita, maka sudut strategik negara pun, adakah diberi perhatian oleh pihak kementerian?

Jadi, sudut strategik dan sudut moral, masa hadapan dan penumpuan kepada ilmu pendidikan dan k-ekonomi masyarakat, adakah kementerian melalui Suruhanjaya Multimedia memberi perhatian kepadanya? Ini kalau kita tidak tambah lagi televisyen negara yang mana TV1, TV2, kita akan bincang dengan baik, dengan Timbalan Menteri Penerangan, tetapi TV3, ntv7 dan saluran baru Nine ini, semuanya hiburan. Kalau kita lihat, contoh tiap-tiap hari program yang diadakan. Kalau bola sekali-sekala itu, kita terimalah. Tetapi program lain yang kita tidak boleh terima. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih atas cadangan dan pandangan Yang Berhormat bagi Tumpat dan oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya kira telah memberi jaminan kepada Tuan Pengerusi, saya akan ambil maklum dan ambil perhatian dalam hal ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Menyampuk]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nantilah Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong, Parit Sulong.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Seorang Ahli: Parit Sulong, Parit Sulong!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar: Dia dahulu!

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih, saya hendak bangkitkan perkara ini yang mana ada setengah pihak meminta saya bangkitkan dalam Dewan berkenaan pelanggan Astro ini, saya rasa ramai pun akan setuju dengan saya. Kita bayar untuk menonton rancangannya tetapi dia selalu ada gangguan iklan. Saya dimaklumkan sebelum ini mereka dijanjikan, pelanggan dijanjikan tanpa iklan mereka membayar rancangan tanpa iklan. Berbeza dengan saluran RTM1 dan RTM2. Tetapi terlalu banyak iklan mengganggu mereka dan pengiklanan ini mengaut keuntungan bagi Astro pada masa yang sama. Jadi saya minta kementerian boleh ambil perhatian berkenaan perkara ini dan diminta oleh ramai untuk saya sampaikan kepada Yang Berhormat ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Oleh kerana Batu Gajah minta suruh saya ambil perhatian, saya akan ambil perhatian. Terima kasih. Ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya teringin hendak berucap tetapi lambat bangun. Jadi Tuan Pengerusi pun tutup gelanggang. Apa yang disuarakan oleh Larut dan juga Tumpat sebenarnya mengundang kepada kementerian supaya melihat kepada soal *standard* piawaian penyiaran - *radio broadcasting* dan *television broadcasting* - supaya Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi mewujudkan satu piawaian terhadap kualiti ataupun mutu (*content*) yang disiarkan, bukan sahaja yang sensitif kepada budaya dan juga adat resam ketimuran, tetapi juga meliputi segala sensitiviti yang membabitkan masyarakat Malaysia. Itu satu.

Yang keduanya dari segi kualiti dan mutu, saya memang melihat kalau yang *content* itu kadang-kadang sensitif kepada kita, saya tidak mahulah bekerja untuk Suruhanjaya Multimedia untuk memberi komen-komen secara khusus, tetapi memang kita nampak dari apa yang disuarakan dalam Dewan ini, saya dapati soal mutu masih menjadi satu manifestasi kepada sungutan rakyat. Contohnya, soal bahasa dirojakkan. Bahasa di dalam drama yang diterbitkan dalam rancangan tempatan, juga di bawah kawalan Suruhanjaya Multimedia masih dirojakkan. Soal bahasa komunikasi menerusi radio pun begitu. Sahabat saya daripada Larut mengatakan Radio Era, berbagai-bagai bahasa. Kadang-kadang kita tidak tahu mereka ini berbahasa Malaysia ataupun berbahasa rojak ala Malaysia. Soal ini sensitif kalau kita hendak melihat pertumbuhan bahasa itu sihat.

Saya tidak mahu cakap keterlanjuran bahasa Melayu dilacurkan, tetapi memang ada unsur-unsur untuk merojakkan, bahasa Melayu dicampuradukkan. Adakah pihak Suruhanjaya Multimedia tidak sensitif mengenai hal ini? Iklan-iklan yang mengatakan, "Pastikan yang ori" sudah berapa kali ditegur dalam Dewan Rakyat tidak juga diambil perhatian. Ini memalukan kita semua dan menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengambil tindakan. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah belum sampai masanya untuk kita mewujudkan satu piawaian (*standard*), satu prosedur, satu manual yang khusus supaya perkara-perkara yang sensitif ini dapat diminimumkan dan sekali gus pada satu tempoh yang agak panjang dapat dihapuskan ataupun dengan izin, *be eradicated once and for all* pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tindakan yang boleh diambil, saya telah menerangkan tadi secara am berkenaan dengan akta-akta dan juga garis panduan yang boleh digunakan, untuk mengambil tindakan, untuk mengetahui isi kandungan dan sebagainya.

Berkenaan dengan apa yang dikatakan garis panduan dan sebagainya, setakat ini satu forum kandungan telah ditubuhkan dan juga didaftarkan dengan pihak Suruhanjaya syarikat - kalau tidak silap saya - atau pertubuhan dan mereka yang terlibat dalam kandungan akan mengeluarkan satu kod kandungan, di mana semua pihak yang terlibat akan mematuhi garis panduan dan juga kod kandungan yang sedia ada. Diharapkan bahawa melalui satu kod yang dipersetujui oleh semua pihak terlibat, satu *self regulation* dan juga dari segi perkongsian pendapat ini kita dapat mewujudkan satu kandungan yang lebih sihat, tetapi ini tidak bermakna bahawa kerajaan tidak dapat mengambil tindakan kalau perlu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkhidmatan pos yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Sri Aman dan juga Yang Berhormat Bagan Serai...

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Astro sudah habis? Belum?

Tuan Chia Kwang Chye: Astro sudah habis!

Tuan Kerk Kim Hock: Belum, belum...saya punya belum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lebar tadi tentang perkara Astro!

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, yang spesifik sekali saya tanya dua, satu kadar bayaran Astro boleh diturunkan dan juga rancangan "*The Indian Underclass*" telah dibatalkan pada saat-saat yang terakhir.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka, saya belum dapat maklum balas berkenaan dengan rancangan yang telah dibatalkan dan berkenaan dengan bayaran, ini adalah dari segi *willing buyer and willing seller* dan kalau perkhidmatan yang diberi dan diterima oleh pelanggan ini merupakan satu secara sukarela. Ini mengikut pasaran kalau kadar terlalu tinggi wujud Astro dan lain-lain perkhidmatan, televisyen dan sebagainya tidak akan wujud lagi di pasaran ini. Ini adalah mengikut pasaran dan setakat ini tidak ada peraturan atau tidak ada dasar untuk menentukan kadar-kadar bayaran perkhidmatan yang diberi oleh seperti Astro dan lain-lainnya.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *Just a bit!* Saya setuju ini *willing buyer and willing seller* tetapi sekarang Astro ini dimonopoli. Jadi memang kerajaan ada bertanggungjawab untuk memastikan kalau kadar yang dicajkan itu munasabah. Itu pasal saya pun tidak tahu pada setakat ini munasabah atau tidak. Itu sebabnya saya minta kerajaan untuk membuat kajian *cost* yang telah dibelanjakan oleh Astro dan caj itu, an oleh kerana memang saya tahu ada orang kompetin terlalu tinggi. Jadi pergilah cek dan buat kajian sama ada boleh diturunkan atau tidak.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya kata, saya akan ambil maklum berkenaan pandangan Yang Berhormat dan tengok macam mana dapat memenuhi permintaan Yang Berhormat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Serdang membangkitkan berkenaan dengan kawasannya pejabat Seri Kembangan kalau tidak silap saya, sekarang menempatkan operasi dalam dua perkhidmatan yang utama iaitu perkhidmatan kaunter dan perkhidmatan *mail*.

Pada masa sekarang, Pos Malaysia Berhad sedang berusaha untuk mendapatkan bangunan ataupun satu ruang yang sesuai pada tahun ini untuk dijadikan Depot Mel Seri Kembangan. Kalau ini terjadi dan ia akan memindahkan operasi mel, jadi ruang akan dibesarkan dan dikosongkan untuk perkhidmatan kaunter. Oleh sebab itu, pembesaran adalah tidak perlu.

Kerja-kerja untuk membaiki pulih sistem kiriman pos akan diambil kira oleh Pos Malaysia Berhad dan bagi perkhidmatan mel, antara tindakan yang telah diambil secara am adalah seperti berikut:-

- membeli peralatan yang lebih moden bagi memproses dan menyisih surat;
- memberi latihan bagi meningkatkan kecekapan kakitangan; dan
- mengkaji semula sistem kutipan mel di peti-peti surat dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Padang Serai membangkitkan berkenaan dengan...

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berkenaan dengan Pejabat Pos Balakong, hanya untuk perkhidmatan kaunter sahaja, apa sebabnya. Ia boleh diluaskan untuk dijadikan perkhidmatan kaunter dan perkhidmatan mel dan juga cadangan agar kawasan tersebut dapat mewujudkan poskod tersendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chia Kwang Chye: Saya tidak dapat jawab buat masa ini kerana belum ada maklum balas. Saya akan beritahu secara bertulis, ya.

Yang Berhormat bagi Padang Serai ada membangkitkan berkenaan dengan mutu perkhidmatan pos. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kelewatan mel yang direkodkan mulai Ogos 2002 ialah cuma sebanyak 891 kes bagi tahun 2002 dan untuk tahun ini sehingga Februari sahaja ialah 556 kes. Maklumat yang lain belum dapat lagi.

Untuk meningkatkan kecekapan penghantaran mel mengikut standard yang ditetapkan, PMB akan dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu seperti menambahkan tenaga pekerja baru dan menambahkan bilangan kenderaan, mewujudkan pusat atau depot serahan pos yang baru, mengadakan kerja lebih masa bagi tugas yang mendesak dan mendadak, mengadakan latihan dan kursus motivasi dan sebagainya...

Puan Lim Bee Kau: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi... *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Eh!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Seorang Ahli: Cepat sahaja dia.

Tuan Chia Kwang Chye: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Wanita dulu.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya bukan mempertikaikan berkenaan dengan perkhidmatan kakitangan Pos Malaysia. Saya faham bahawa posmen-posmen dan kakitangan Pos Malaysia memang bekerja keras dan cukup rajin untuk menjalankan tugas mereka. Itu saya tidak pertikai tetapi saya hanya minta supaya mungkin sistem yang wujud ini, sistem di mana surat-surat yang telah diterima, misalannya untuk Kedah, semua mesti pergi ke Alor Setar walaupun surat itu sebenarnya untuk ke tempat-tempat lain.

Saya tidak tahu bahawa sistem ini sudah berapa lama. Adakah kerana pada masa dahulu mungkin kerana surat-menyurat tidak begitu banyak, jadi mungkin kalau semua pergi ke situ, bolehlah diterima tetapi sekarang sudah terlalu banyak. Adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk mengkaji semula sistem itu? Bukan masalah pekerja-pekerja pejabat pos. Itu sahaja yang saya minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Tuan Pengerusi, Pos Malaysia mempunyai satu sistem pengedaran mel nasional yang bertujuan untuk mempercepat dan juga mempermudah serahan surat-surat. Jadi, kalau ada pandangan atau cadangan yang boleh diambil kira untuk membaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan, ini boleh diambil kira dan pihak Pos Malaysia akan memberi perhatian yang serius terhadap kelewatan, jika ada di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, setakat Pos Malaysia diswastakan, berapakah keuntungan yang telah diperolehi?

Tuan Chia Kwang Chye: Ya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Selepas Pos Malaysia diswastakan, berapakah keuntungan yang diperolehi oleh syarikat ini dan dividen yang dibayar kepada *bidding asset*?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, Pos Malaysia dijadikan sebuah syarikat yang diperbadankan pada 1 Januari 1992 dan diswastakan pada September 2001. Semasa Pos Malaysia menjadi sebuah jabatan kerajaan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan dia, untung berapa banyak? Kalau perlu notis, minta notislah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tidak apalah, kalau hendak untung ialah keuntungan bersih sebelum cukai.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ha, berapa?

Tuan Chia Kwang Chye: Saya cuma bagi satu tahun sahaja, tahun 2001, RM36.77 juta.

Seorang Ahli: Banyak itu!

Tuan Husam bin Haji Musa: Sedikit sahaja itu, turun!

Tuan Chia Kwang Chye: RM36.77 juta. Jadi, macam mana pula turun kalau saya cuma bagi satu tahun sahaja? *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, sampailah tajuk berkenaan dengan bekalan elektrik selepas pos ini.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Tuaran yang membangkitkan berkenaan dengan SESB. Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan Yang Berhormat bagi Kota Melaka membangkitkan berkenaan dengan standard dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *business* bekalan elektrik di Sabah telah diswastakan kepada Sabah Electric Sdn. Bhd (SESB), anak syarikat TNB. Pada masa ini, Lembaga Elektrik Sabah (LLS) dalam tindakan memindahkan semua harta, hak dan juga liabiliti LLS kepada SESB. Walau bagaimanapun, selepas pengambilalihan *business* LLS, saya difahamkan bahawa SESB mengalami kerugian... *[Tepuk]* Ini kerana kos operasi yang tinggi.

Ini cuma Sabah. Kalau Yang Berhormat faham dengan keadaan di Sabah, di pedalaman di mana mereka menggunakan diesel dan generator untuk memberi bekalan elektrik dengan kadar yang rendah, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tidak akan tepuk... *[Ketawa]*

Kerajaan terus menyediakan bajet untuk membangunkan infrastruktur bekalan elektrik di Sabah dan peruntukan disalurkan kepada SESB melalui LLS. Peranan SESB adalah sebagai ejen pelaksanaan projek-projek pembangunan elektrik di Sabah. LLS akan dibubarkan apabila semua harta telah dipindahkan.

Berkenaan dengan Projek Grid Sambungtara Timur-Barat. Projek ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2002 dan dijadualkan siap pada tahun 2005, selepas pilihan raya... *[Ketawa]* Pada masa ini, tahap pelaksanaan adalah sebanyak 18% iaitu di peringkat penyediaan reka bentuk kejuruteraan dan mengenal pasti laluan talian.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Pada masa ini isu-isu *way leave* (lesen laluan) sedang diselesaikan, di mana pihak SESB dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah untuk berunding dengan pemilik-pemilik tanah bagi menyelesaikan kadar pampasan yang sesuai, yang perlu dibayar kepada tuan tanah. Projek Grid Sambungtara Timur-Barat ini sangat penting untuk menyediakan bekalan elektrik yang stabil di negeri Sabah.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia memerlukan kerjasama semua pihak, terutama dari Ahli Yang Berhormat untuk memberi penjelasan dari akar umbi atau tuan-tuan tanah supaya projek-projek ini berjalan dengan lancar.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Prestasinya baru 18% sekarang dan dijangka selesai tahun 2005. Adakah ini mengikut jadual, *is it within the schedule*, dengan izin, atau bagaimana? Soal kerjasama ini senang, Yang Berhormat, kalau kami diberitahu. Itu sebab saya bertanya, sebab kita tidak tahu, kita tidak dilibatkan untuk menyelesaikan masalah. Itu sebab saya bertanya, adakah masalah dalam menyelesaikan soal-soal *way leave* dan sebagainya, yang melibatkan orang-orang kampung?

Jadi, kita tidak tahu. Bila saya melawat ke kawasan, saya nampak banyak perkara. Orang kampung mendesak pada kita untuk mendapat bekalan elektrik tetapi kita tidak tahu masalah itu. Jadi, itu sebab saya bertanya dalam Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, setakat ini saya tidak pasti berkenaan dengan *schedule*, sama ada mengikut *schedule* atau tidak. Saya akan memberi maklum secara lisan. Berkenaan dengan kekhawatiran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain termasuk Yang Berhormat bagi Sri Aman, penjualan bekalan elektrik kepada SESB, termasuk mengenai kapasiti bekalan, kos pembinaan dan talian perantaraan daripada Projek Bakun dan Sabah.

Pada masa yang sama pihak juru runding sedang menjalankan kajian berkaitan untuk laluan dari Bakun ke Sabah. Bekalan dari Bakun ke Sabah akan diteruskan, walaupun dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Chia Kwang Chye: Dua tajuk lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap panjang sangat dah tu.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya akan gulung.

Tuan Pengerusi: Ya, tolonglah, kerana kita sudah rugi sehari, besok ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan dengan kualiti, mutu dan juga gangguan bekalan elektrik. Selaras dengan dasar tenaga negara yang digariskan

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tuaran, sila duduk. Janganlah. Kita tidak ada masa lagi. Sila duduk, Yang Berhormat, sila duduklah. Kita tidak ada masa lagi. Sila.

Tuan Chia Kwang Chye: Okey! Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi memastikan bekalan elektrik yang sentiasa mencukupi, rancangan projek pembekalan elektrik dibuat berdasarkan kepada pola permintaan dan juga unjuran pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kerajaan telah merancang untuk meningkatkan kapasiti penjana elektrik di seluruh Malaysia dan menggunakan kadar pertumbuhan purata 7.2% dari tahun 2003 hingga tahun 2010.

Kadar ini adalah lebih tinggi daripada unjuran kadar tumbuhan purata ekonomi yang diramalkan iaitu dalam persekitaran 6.5% sehingga tahun 2010. Jadi, ini bermakna bahawa negara kita mempunyai satu *reserve margin*, dengan izin, atau simpanan elektrik yang dirancang agar pengguna sentiasa menikmati bekalan elektrik yang mencukupi. Untuk memantau prestasi perkhidmatan, satu sistem yang dinamakan (SAIDI) System Average Interruption Duration Index, yang digunakan untuk memastikan mutu bekalan elektrik.

Tuan Pengerusi, gangguan bekalan elektrik telah pun dijawab oleh Timbalan Menteri semasa menggulung dalam peringkat dasar dan langkah-langkah yang akan mengatasi masalah gangguan itu adalah untuk memastikan bahawa TNB atau Tenaga Nasional Berhad akan mengambil beberapa langkah seperti mempertingkatkan keupayaan sistem perlindungan terhadap talian perantaraan elektrik dan membuat pemeriksaan yang berterusan terhadap prestasi sistem perlindungan supaya sebarang kecacatan dalam talian penghantaran ini akan dapat dikesan serta diambil tindakan pembaikan yang segera.

Jadi, Tuan Pengerusi, inilah beberapa isu yang dapat saya

Tuan Pengerusi: Ya, satu lagi. Bakun, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak bercakap berkenaan dengan Bakun, Yang Berhormat kena jawab berkenaan Bakun sedikit. Bakun?

Tuan Chia Kwang Chye: Sudah dijawab. Bakun! Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apa yang ditanya adalah sama ada Bakun akan terus membekalkan elektrik ke negeri Sabah dan saya telah jawab bahawa ia akan terus memberi bekalan elektrik kepada Sabah.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah. Dahulu pun masa dalam peringkat dasar pun ada bercakap berkenaan dengan Bakun.

Tuan Chia Kwang Chye: Oleh kerana masa yang tidak diizinkan, Tuan Pengerusi, dan

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah!

Tuan Chia Kwang Chye:apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi ialah berkenaan dengan ekuiti dan sebagainya. Oleh kerana masa yang tidak mengizinkan, ini adalah di dalam bidang Kementerian Kewangan dan tidak akan dijawab oleh saya. Oleh sebab itu, saya dengan segala hormatnya mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan dan cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat, yang telah bekerjasama dengan saya untuk menjayakan jawapan yang dapat diberi dalam peringkat Jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM60,291,700 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM60,291,700 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM361,589,600 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM361,589,600 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

Maksud B.30 [Jadual]**Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2004]**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.30 dan Maksud P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Ya, belakang sana, Mambong.

5.40 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahas di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Di bawah kementerian ini saya ingin menyentuh Butiran 040100 iaitu Jabatan Alam Sekitar. Perkara yang pertama yang ada kaitan dengan Jabatan Alam Sekitar adalah EIA. EIA adalah satu *planning tool*, dengan izin, bagi menentukan kesesuaian projek terhadap tapaknya ataupun kesesuaian proses terhadap sesuatu projek bagi mengelakkan berlakunya pencemaran ataupun kemelesetan kualiti alam sekitar. Tetapi kelemahan EIA, ia hanya diguna pakai untuk aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di dalam perundangan. Aktiviti-aktiviti yang tidak ditetapkan dalam perundangan tidak perlu dijalankan EIA.

Oleh itu EIA hanya mengambil kira kesan-kesan terhadap kualiti alam sekitar bagi projek yang berkenaan sahaja. Ia tidak merangkumi kesan-kesan daripada projek-projek lain yang telah siap ataupun yang belum dilaksanakan termasuk projek-projek yang berhampiran yang tidak ditetapkan di dalam perundangan EIA. Ini bermakna ia tidak mengambil kira kesan-kesan '*humanity*'. Inilah kelemahan EIA yang telah pun diterima pakai di negara kita selama lebih 20 tahun.

Justeru itu, bolehkah pihak kementerian mengkaji sistem lain bagi mengawasi pencemaran ataupun kemelesetan kualiti alam sekitar di tapak-tapak projek kerana ini mengakibatkan juga banjir kilat. Negara-negara lain seperti Kanada, Australia dan negara Eropah mengguna pakai sistem *Strategic Environmental Assessment* (SEA), dengan izin, termasuk juga *World Bank* bagi mengurus kualiti alam sekitar di mana-mana cadangan-cadangan polisi, pelan dan program projek-projek pembangunan. Saya berharap agar kementerian boleh menimbangkan sistem SEA.

Perkara yang kedua di bawah Butiran ini ialah Pelupusan Sisa-sisa Elektronik (EUE). Saya puas hati dengan usaha Jabatan Alam Sekitar bagi melupuskan EUE di negara kita tetapi harus diingat bahawa pengeluaran alat-alat elektronik di negara kita kian bertambah dalam lingkungan 3% hingga 5% satu tahun. Kita tidak tahu setakat ini berapakah EUE yang terhasil kerana pertambahan alat-alat elektronik yang dikeluarkan oleh negara. Saya yakin EUE bertambah setiap tahun. Walaupun setakat ini pelupusan dilakukan oleh Syarikat Kualiti Alam di Bukit Nanas, namun pada satu ketika nanti Syarikat Kualiti Alam tidak berupaya melupuskan sisa-sisa toksik berjadual yang kian bertambah kerana program perindustrian kian meningkat di negara kita.

Saya mencadangkan agar satu dasar yang merangkumi *the principal of producer responsibility*, dengan izin, di mana pengeluar ataupun *manufacturer* dapat mengambil balik EUE untuk diguna semula atau dikitar semula. Ini bermakna *producer* yang mengeluarkan produk-produk haruslah bertanggungjawab ke atas pencemaran alam sekitar.

Perkara yang ketiga di bawah Butiran ini ialah Pencemaran Udara. Pada setiap tahun terdapat 800,000 orang mati di dunia ini kerana pencemaran udara dan daripada bilangan ini 500,000 orang yang mati ialah daripada rantau Asia dan angka ini amat membimbangkan.

Di beberapa bandar raya besar di Asia seperti Jakarta dan Manila, terdapat kualiti udara di bawah tahap kualiti standard WTO. Walaupun setakat ini tahap kualiti udara di Kuala Lumpur masih lagi di atas paras standard WTO, kadar pertambahan kenderaan di Kuala Lumpur ini amat cepat meningkat. Keadaan ini kian menambah pencemaran udara di bandar raya ini jika langkah kawalan pencemaran tidak diambil. Oleh itu adalah wajar jika penggunaan diesel dikurangkan dan sistem yang sesuai seperti *catalytic converter*, dengan izin, dipasang dalam kenderaan. Kerajaan akan berbelanja banyak wang lagi bagi mengubati orang-orang yang sakit akibat pencemaran udara. Oleh yang demikian, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kementerian bagi mengawal kualiti udara agar ia sentiasa di tahap yang baik di negara kita.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 00500 yang berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar kerana di bawah Butiran ini, peruntukan RM17 juta ini tidak disenaraikan untuk projek apa. Saya ingin tahu peruntukan ini untuk projek apa. Kajian Sungai Miri pada tahun lepas ada peruntukan yang bernilai lebih

RM2 juta – kalau saya tidak silap - tetapi kajian telah pun dibuat oleh kerajaan negeri yang merangkumi pelbagai skop. Oleh yang demikian, peruntukan ditarik balik. Seharusnya peruntukan digunakan bagi aktiviti-aktiviti pemulihan Sungai Miri mengikut syor-syor kajian yang telah dibuat. Kenapa tarik balik peruntukan ini?

Pada tahun ini saya pun difahamkan bahawa satu peruntukan bernilai RM4 juta di bawah Butiran ini juga untuk kajian Batang Rajang. Kajian EIA bagi Projek Bakun telah pun melibatkan seluruh *river basin* Batang Rajang dan telah pun mengenal pasti isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan alam sekitar termasuk kualiti air sungai, *siltation*, *aquatic resources* dan sebagainya. Kenapa harus mengulang kajian yang telah dijalankan dan *result* ataupun keputusannya sudah diketahui? Kenapa tidak buat pemulihan sungai ini? Kita memang sudah tahu apa yang harus kita buat mengikut syor-syor di dalam Laporan EIA Bakun.

Butiran seterusnya adalah Butiran 00605 yang berkaitan dengan Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK). Saya menyokong peruntukan sebanyak RM142 juta ini bagi BIOTEK. Bioteknologi dengan pelbagai aplikasinya ialah satu bidang yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara di masa-masa yang akan datang.

Peningkatan pengeluaran makanan yang berkhasiat melalui bioteknologi adalah satu kaedah bagi membasmi kemiskinan di luar bandar kerana petani-petani kita boleh meningkatkan pengeluaran mereka dan justeru itu pendapatan mereka juga bertambah. Yang perlu sekarang ialah *intensive research to yield discoveries*, dengan izin, oleh para saintis kita bagi mengeluarkan baka-baka tanaman yang baik melalui bioteknologi. Namun, dalam perkara ini perundangan amat penting bagi mengawasi aktiviti-aktiviti bioteknologi. Kalau tidak wujud perundangan, bagaimanakah kerajaan boleh mengawal aktiviti-aktiviti ini?

Kita memang tahu selama ini kegiatan-kegiatan dalam bidang bioteknologi giat dilakukan dan pelbagai produk telah pun dan sedang dikeluarkan mungkin tanpa pengawalan seperti bahan-bahan *pharmaceutical* dan ubat-ubatan. Sebagai misal, minggu lepas kita baca di surat khabar bahawa seorang budak mati kerana minum tonik yang dibuat di Kedah. Oleh yang demikian, adalah wajar jika kementerian mempercepatkan kewujudan perundangan. Saya sudah kerap menyentuh perkara ini di Dewan yang mulia ini. Sejak tahun 1995 kita sudah pun mencipta draf undang-undang yang tertentu dan spesifik bagi biodiversity dan bioteknologi. Kenapa kementerian mengambil masa sekian lama untuk menghaluskan undang-undang tersebut? Sudah lapan tahun berlalu. Saya mohon agar akta ini sekiranya dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada sesi yang akan datang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Sudah cukup?

Tuan Pengerusi: Ya, sudah cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Sekianlah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, oleh sebab ramai hendak berucap dan mengikut jadual kita, kita kena habiskan pada hari ini, saya menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 35(7), saya boleh mengehadkan masa. Dengan yang demikian saya membuat keputusan bagi 3 orang Ahli Barisan Nasional, 2 orang dari PAS dan 2 orang dari DAP. KeADILan tidur, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: PAS seorang sahaja.

Tuan Pengerusi: PAS seorang sahaja. Okay baiklah, PAS seorang sahaja, DAP 3 ya, baiklah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ambillah subsidi bagi kepada DAP.

Tuan Pengerusi: KeADILan dia tidur, tak mengapa. Jadi, 3 orang – Barisan Nasional, 1 – PAS, dan 3 – DAP. Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Kepong. Apa dia? 3 orang daripada Barisan Nasional. Ya, sila Kepong.

5.44 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, halaman 400, 00400 – PERHILITAN, 030000 – Penyelidikan Pembangunan Sains dan Teknologi. Tuan Pengerusi, walaupun menteri sudah berkali-kali menerangkan mengenai penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi, kita nampak prestasi tidak begitu menggalakkan, termasuklah akademi sains kita. Walaupun ada usaha untuk mengadakan akademi sains yang bermutu tinggi, saya pun tidak tahu apakah kriteria yang digunakan untuk melantik ahli-ahli akademik di dalam akademi itu. Sebab itulah saya hendak Yang Berhormat menerangkan apakah prestasi yang didapati daripada akademi tersebut, sama ada sesetengahnya hanya ahli-ahli yang tergolong di dalam kawan-kawan belaka dan dimasukkan ke akademi sahaja ataupun berdasarkan pada pencapaian akademik semata-mata. Ini memang satu perkara yang penting, saya akan mengulangi perkara ini buat masa depan.

Keduanya, mengenai standard penyelidikan dan pembangunan di negara ini puratanya, Tuan Pengerusi, penyelidikan yang disebutkan biasanya kebanyakan penyelidikan industri terutamanya ICT dan sebagainya, memang kita menggalakkan penyelidikan sedemikian kerana ini akan membantu kita dalam pembangunan ICT dan juga ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, dari segi akademik, IPTA dan sebagainya kita nampak ada kekurangan kerana peruntukan yang begitu kecil dan juga ahli-ahli penyelidik yang tidak ramai yang benar-benar memahami apakah yang disebutkan sebagai penyelidikan kerana ini satu bidang khas. Kita belum lagi mempunyai kebudayaan penyelidikan yang cukup matang. Sebab itulah kerana tidak ada masa, kita tidak berpeluang untuk mendalami hal penyelidikan di universiti ataupun di industri. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan setakat ini bilangan penyelidik di negara kita sama ada di bidang swasta, industri ataupun di bidang akademik, bilangan yang ada dan prestasi mereka.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai tugas dan bidang kuasa PERHILITAN. PERHILITAN memang memainkan peranan yang terpenting sekali di dalam usaha untuk memelihara alam sekitar di negara ini. Dan dari apa yang dicatat di dalam buku Belanjawan kita hanya sebutkan bilangan pelawat ke Taman Negara. Taman Negara di sini, saya mengetahui bahawa hanya di Pahang, Kelantan dan Terengganu sahajalah yang disebutkan ini dengan keluasan 4,343 kilometer persegi. Itu sahaja, kerana di negara ini kita mempunyai lebih daripada 10 Taman Negara.

Di Sarawak sahaja, kalau tidak silap saya ada tujuh Taman Negara, di Sabah mungkin ada lima dan di Semenanjung mungkin tiga atau empat. Dan ini disebutkan, hanya mungkin kerana tidak disebut di sini, daripada bilangan pelawat hampir 50,000 setahun mungkin satu, Taman Negara yang disebutkan yang bermula daripada enakmen di Terengganu, di Kelantan dan juga di Pahang. Enakmen itu berusia 1939. Waktu itu ketiga-tiga Ke Bawah Duli Sultan yang meluluskan satu enakmen, *the National Park Enactment*.

Kita nampak walaupun PERHILITAN sudah menjalankan tugas, tetapi kita nampak enakmen itu sudah lebih setengah abad dan patutlah kita mengkaji semula sama ada masih boleh diguna pakai pada zaman yang moden. Di sinilah saya hendak membangkitkan beberapa perkara mengenai Taman Negara sebab saya hendak menggalakkan semua Ahli membuat lawatan ke Taman Negara, bukan sahaja Taman Negara di Pahang, Kelantan dan Terengganu, bahkan juga di seluruh negara kerana kita hendak menggalakkan pelancongan di dalam negara kita sendiri. Baru-baru ini saya sampai ke situ dan saya nampaklah beberapa perkara yang lemah, yang sangat lemah.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, yang patut bila kita ada iklan di dalam Astro, ada di dalam CNN pun kita nampak ada baik, ada kemajuan. Bukan main, Tuan Pengerusi, *brochure* kita ini cantik jugalah. Itu baik. Bukan tak baik. Kita hendak ada iklan untuk seluruh dunia disebar di oooo banyaklah itu, Jepun, Singapura, Amerika Syarikat, United Kingdom dan sebagainya, kita mesti memperluaskan usaha untuk mengiklankan khazanah kita di Malaysia ini.

Tetapi saya nampak ada aduan dan rungutan daripada pelawat misalnya dari Amerika Syarikat ke Terengganu dari segi perjalanan ke situ. Dari segi bas-bas, peraturan dan sebagainya. Kita patut bagi mereka tahu dengan terus terang apakah kelebihan kita di dalam Taman Negara dalam satu sistem dari Kuala Lumpur ke Kuala Tembeling.

Dari situ apakah kelemahan-kelemahan kita atau kelebihan kita, kerana kadangkala dia nampak ada lemah dari segi mungkin *tour guide* kita tidak begitu berkualiti dan bas-bas kita lewat ataupun bas kita tidak begitu selesa dan sebagainya. Kita bagi mereka tahu apa kelebihan. Apa kelemahan kita. Jangan kita nampak daripada iklan itu semuanya sempurna.

Dengan sedemikian dia datang ke Malaysia, dia hendak menyaksikan apa yang disebutkan begitu sempurna dan selesa di negara kita dan tiba-tiba nampak ada kelemahan dan menyinggung mereka. Itulah cara kita mengatasi masalah kita dan seterusnya, Tuan Pengerusi,.... saya tahu masa pun hendak sampai.

Tuan Pengerusi: Sila gulung, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dah hendak gulung dah sekarang.

Tuan Pengerusi: Ya. Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak masalah, kelemahan yang wujud dengan tugas PERHILITAN, saya pun ada menyebut di sini dengan dewan pameran kita dengan video dan sebagainya. Memang baik, video pun cantik juga kita nampak tetapi masa, jadual dan sikap melengah-lengah itu.

Oooo! Bukan main, saya tidak ada masa untuk memberi butiran ataupun yang selanjutnya. Tepi ada kelemahan di dalam jadual, masa dan sebagainya dan mesti, Yang Berhormat, kerana kementerian itu bertanggungjawab untuk PERHILITAN dan seterusnya untuk Taman Negara patut mengambil perhatian dari segi tugas dan tanggungjawab PERHILITAN. .

Bila kita ada jadual waktu dan masa kita mesti tetapkan, patuh kepada jadual itu. Kita kata cara yang terbaik sekali dan akhir sekali mengenai fauna dan flora kita itu. Kerana yang datang itu ramai. Kita mesti ada hadkan. Ada kuota di sini. Kita mesti ada kuota tidak boleh lari daripada itu. Kerana dengan khazanah kita di situ, kerana ramai yang datang, itu sama ada burung ataupun binatang meragut pun lari. Kita tak nampak, memang tak nampak.

Dia lari. Dia boleh tengok kita. Tetapi, kita tidak boleh lihat dia. Dia lari semua dan di dalam *brochure* kita memang cantik belaka tetapi bila kita datang ke situ, kita tak nampak langsung. Memang tak nampak.

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Ya. Terima kasihlah itu.

Tuan Pengerusi: Ya Serdang.

6.04 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, Butiran 00500 – Jabatan Alam Sekitar. Tuan Pengerusi, kualiti alam sekitar di sekitar kawasan Puchong dan Serdang semakin merosot berpunca daripada pencemaran, berbau busuk yang mengganggu kehidupan rakyat dan kesihatan rakyat terjejas. Nafas manusia tidak selesa yang berlaku di kawasan Puchong dan Serdang ini kerana daripada pusat pelupusan sampah di hutan simpan Air Hitam, Puchong yang diuruskan oleh World Wide Landfill Sdn. Bhd..

Kejadian berlaku mulai tahun lepas sehingga kini. Walaupun hasil siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar melaporkan bahawa terdapat beberapa pelanggaran terhadap syarat-syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1992.

Dengan pelanggaran syarat tersebut Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan Notis Arahan kepada World Wide Landfill Sdn. Bhd. untuk meminta tindakan segera diambil bagi mengatasi masalah bau busuk di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, walaupun demikian bau busuk tetap berterusan dan gangguan berlaku di situ. Jadi, saya minta macam mana cara atau mengatasinya kerana ini satu pencemaran udara yang mengganggu kehidupan rakyat di sekitar kawasan Puchong dan Serdang ini. Saya mintalah pandangan atau apa langkah-langkah yang akan diambil seterusnya mengikut peraturan dan undang-undang yang sedia ada untuk mencegah bau busuk demikian berlaku di situ.

Kualiti alam sekitar di kawasan Puchong ini terjejas kerana pembuangan sampah ke dalam bekas lombong yang berdekatan dengan Taman Industri Puchong Seksyen 5 dan juga Taman Kinrara Seksyen 4, Puchong di mana bekas lombong telah penuh dengan sampah tanpa kawalan, tanpa sekatan.

Jadi, bau busuk boleh mengganggu di sekitar kawasan di mana aktiviti ekonomi, aktiviti industri di situ dan juga kehidupan rakyat yang berdekatan dengannya. Saya mintalah supaya tindakan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, di mana untuk mencegah pembuangan sampah di atas tapak bekas lombong yang begitu indah kalau dikawal dengan baik.

Tuan Pengerusi, masalah pembakaran terbuka di negara ini bukan isu baru. Jika tidak ditangani dengan berkesan ia boleh menjejaskan kualiti alam sekitar kerana isu pembakaran terbuka adalah aktiviti yang menyebabkan pencemaran udara. Pembakaran terbuka hanya berlaku di tapak pelupusan sampah, sisa pepejal, kawasan industri dan tapak pembinaan seperti mana yang sering berlaku di kawasan industri Balakong yang berdekatan dengan Taman Bukit Belimbing.

Walaupun siasatan daripada Jabatan Alam Sekitar terhadap kawasan tersebut telah mengesahkan bahawa pembakaran terbuka telah berlaku di situ, tetapi tidak berkesan dan pembakaran terus berleluasa di situ dan mengganggu kehidupan rakyat di Taman Bukit Belimbing dan sekitarnya.

Jadi, saya mintalah supaya perkara yang begitu serius, yang berlaku di kawasan tersebut tanpa dapat dikawal lagi, saya minta supaya Peraturan Alam Sekitar dan juga Akta Kerajaan Tempatan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dipatuhi bersama dalam menangani pembakaran terbuka yang berlaku di kawasan industri Balakong yang berdekatan dengan Taman Bukit Belimbing.

Saya yakin bahawa surat rayuan daripada rakyat sentiasa disalurkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk meminta supaya tindakan dijalankan. Jangan biarkan keadaan demikian berterusan supaya penduduk di kawasan tersebut tidak berasa kecewa dan tindakan tegas perlu diambil segera.

Tuan Pengerusi, saya tumpukan keadaan sungai-sungai yang menjadi punca air minuman di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur semakin teruk tercemar setiap tahun. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Puncak Niaga Sdn. Bhd. baru-baru ini di mana Puncak Niaga Sdn. Bhd. mengendalikan 28 buah loji rawatan air untuk kegunaan kawasan di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur telah menyatakan bahawa oleh kerana sungai telah tercemar dan dijadikan loji telah diberhentikan operasinya dengan angka yang begitu serius di seluruh loji yang di bawah Puncak Niaga ini.

Pada tahun 1997 – 87 kali; tahun 1998 – 76 kali; tahun 1999 – 75 kali; tahun 2000 – 89 kali; tahun 2001 – 102 kali; tahun 2002 – bertambah sehingga 175 kali; dan tahun 2003 hingga bulan Mac – 93 kali. Ini menunjukkan begitu teruk tercemarnya sungai-sungai di kawasan Selangor ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan di kawasan Balakong ini juga, saya pernah membangkitkan bahawa Loji Rawatan Air Cheras ini telah berhenti operasinya sebanyak 35 kali oleh kerana pencemaran Sungai Langat dan Sungai Cheras. Ini disebabkan oleh kerana berlakunya pembuangan sampah dan juga bahan-bahan industri di Sungai Langat dan Sungai Cheras. Jadi ini bukan perkara-perkara baru tetapi kenapa berlaku sedemikian dan apa tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan pihak agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk mencegah pencemaran yang berlaku ke atas sungai-sungai ini?

Perkara ini berkali-kali telah berulang dan telah dibangkitkan dalam Dewan ini tetapi tindakan masih tidak berkesan untuk mengatasi masalah ini. Jadi rakyat di kawasan tersebut telah menghadapi masalah untuk mendapat bekalan air.

Tuan Pengerusi, jadi saya.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat....

Dato' Yap Pian Hon: ...akhirnya saya cadangkan kepada Jabatan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya menubuhkan pejabat di daerah Hulu Langat supaya dapat mengambil tindakan bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain untuk mencegah masalah yang begitu serius di kawasan itu. Sama ada cadangan ini dapat diterima atau tidak, saya serahkan kepada Jabatan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menubuhkan pejabat di situ supaya lebih dekat bagi menjamin kawasan alam sekitar di kawasan daerah Hulu Langat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kuala Kedah.

6.12 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, dua perkara saya ingin sentuh iaitu 00100 – SIRIM dan 00700 – Kaji Cuaca.

Perdana Menteri telah berucap baru-baru ini mengatakan bahawa SIRIM adalah satu *focal point* dalam R&D di Malaysia ini. Saya ingin bertanya, kalau SIRIM diamanahkan untuk R&D dan menjadi *focal point*, mengapa kerajaan meluluskan satu lagi badan R&D yang dipanggil Invest Q-Jaya Sdn. Bhd.? Adakah badan ini menyaingi dan bertindih kerja dengan SIRIM?

Kalau SIRIM boleh lakukan dengan peruntukan yang diberi tahun ini meningkat lebih RM60 juta, apakah perlu satu badan Invest Q-Jaya Sdn. Bhd. yang sekarang beribu pejabat di Putrajaya diizinkan oleh kerajaan untuk beroperasi? Adakah penyelidikan Invest Q-Jaya ini dalam bidang automatik iaitu dalam bidang kenderaan dan SIRIM dalam bidang-bidang yang lain? Saya minta Timbalan Menteri memberi penjelasan atas perkara ini kerana nanti ia bertindih.

Perkara yang kedua dalam hal ini iaitu di antara tugas SIRIM ialah untuk membuat R&D. Ada satu - SIRIM mencipta, mencari dan menyelidik untuk melahirkan mesin-mesin baru dan SIRIM juga hendaklah keluar daripada pagar mereka itu untuk membantu mereka yang terlibat dalam membuat R&D ini. Misalnya, tidak jauh daripada SIRIM lebih kurang 3 ½ kilometer, di Batu Tiga, yang dipanggil Kampung Hamid Tuah itu, ada seorang yang berkelulusan Ph.D, dia balik daripada England, dia terus buat kerja-kerja R&D.

Baru-baru ini dia mencipta satu mesin iaitu untuk membuat makanan lembu daripada daun kelapa sawit dan hampas kacang soya dan mesinnya itu hendak dibeli oleh tauke-tauke dengan beberapa nilai yang tertentu. Saya tanya dia: "Adakah pihak kementerian mana pun seperti SIRIM dan sebagainya, memberi bantuan dan tuan meminta bantuan daripada mereka?". Dia kata bahawa memang dia buat kerja sendiri dan tidak dipedulikan. Saya harap orang-orang seperti ini sepatutnya SIRIM dekati dan membantu mereka kerana kerja-kerja penyelidikan ini, R&D ini bukanlah kita kata satu kerja yang banyak sangat membuat keuntungan tetapi orang yang ada pemikiran untuk membantu terutama penduduk luar bandar mencipta mesin-mesin baru, teknologi baru perlu didampingi oleh pihak kerajaan khususnya daripada SIRIM ini.

Saya tertarik misalnya R&D di Thailand, walaupun orang cemburu kita selalu puji Thailand. Misalnya kalau kita pergi sebelah Chiang Mai, kita boleh lihat bagaimana satu mesin – satu benda mereka cipta boleh membuat berbagai-bagai jenis kerja. Misal Kubota digunakan untuk memajak tanah, Kubota itu juga digunakan untuk pam air, Kubota itu juga digunakan sebagai kenderaan untuk mengangkut padi, enjin yang sama juga digunakan untuk menuai padi. Jadi mereka yang mengusahakan tanah pertanian lima ekar ke bawah, dengan satu kenderaan itu, dia dapat bergantung dan satu famili dapat tumpu menggunakan satu mesin itu.

Akan tetapi kita di sini Kubota hanya membajak tanah, bila datang hendak potong padi, dia panggil mesin-mesin besar kepunyaan tauke-tauke besar di mana petani kecil tidak dapat terlibat. Kita harap SIRIM dapat tumpu pada kerja-kerja seperti ini iaitu R&D untuk membantu terutama sekali peniaga kecil dan juga petani-petani. Dan saya kata tadi di Batu Tiga tadi, tempat itu perlu didampingi oleh pihak kerajaan untuk melihat bagaimana dia mencipta mesin-mesin teknologi baru dengan kos yang rendah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang kedua saya ingin sentuh ialah tentang Butiran 00700 – Kaji Cuaca. Kalau kita lihat CNN misalnya, dua minggu atau tiga minggu sebelum ribut melanda pantai di sebelah Miami sampailah kepada Buffalo di Amerika itu, telah diberitahu bahawa akan berlaku ribut besar dan ribut itu sekarang berada beberapa ratus batu daripada pantai dan penduduk di situ hendaklah bersedia untuk menghadapi kedatangan ribut yang membawa hujan lebat dan ombak yang tinggi. Maka penduduk yang berada di tepi pantai sudah bersedia dari sudut persiapan rumah, harta benda yang bernilai telah dibawa ke tempat lain dan mereka bila datang sahaja bencana itu, mereka telah berada dalam keadaan yang agak bersedia.

Akan tetapi kita di Malaysia ini, ramalan cuaca atau kaji cuaca tidak berapa *advanced* dan juga rakyat pun kadang-kadang kurang ambil tahu. Misalnya baru-baru ini hujan lebat di negeri Kedah yang berlaku pada 3, 4 dan 5 Oktober yang mana lebih 72 jam hujan lebat. Saya tidak mendengar ataupun mendapat maklumat amaran yang dikeluarkan di televisyen, radio dan akhbar tentang hujan yang begitu lebat yang akan turun yang menyebabkan berlaku banjir mengejut terutama di negeri Kedah dan Seberang Prai, Pulau Pinang. Banjir tahun ini begitu dahsyat sekali sehingga mengakibatkan tiga orang meninggal dunia di daerah Kulim dan banjir begitu besar berlaku di Baling, Padang Serai, Sungai Petani, Pendang dan daerah-daerah lain yang mana lebih daripada ¾ di negeri Kedah kawasan penduduk ramai ini, tenggelam.

Jadi amaran awal daripada pihak kaji cuaca ini tidak ada. Cuma amaran biasalah, "*Hujan lebat diramalkan besok*", "*Hujan bertabur di sana sini*", Tidak ada amaran awal seperti di Amerika Syarikat dan di negara Eropah. Jadi kita harap pihak kaji cuaca ini membuat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan dua bulan yang lepas di mana air laut pasang dengan luar biasa di sepanjang kampung-kampung dan bandar-bandar yang berdekatan dengan pantai di Semenanjung dan ini juga tidak diramalkan oleh Jabatan Kaji Cuaca dan semua penduduk-penduduk terperangkap dengan air laut pasang ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, memang Jabatan Kaji Cuaca jarang memberi maklumat ini dan saya sendiri terperangkap bila hendak pergi kenduri di Kuala Kedah, apabila air pasang begitu besar sehingga tenggelam setakat paras pinggang. Jadi, kita kena tunggu beberapa jam sehingga air itu surut baru kita dapat pergi. Jadi, kalau kita lihat, kalau kita pergi di negara Barat, di antara program yang diminati oleh orang ramai untuk menonton, di antaranya ialah ramalan cuaca atau kaji cuaca.

Di Malaysia barangkali orang tidak minat mengikutinya, tidak minat untuk melihat atau mendengar hal kaji cuaca ini kerana tidak ada pemberitaan yang tepat ataupun yang hampir tepat. Memanglah dipanggil ramalan atau kajian, tidaklah boleh tepat tetapi sekurang-kurangnya dapat diberi tahu supaya orang dapat bersedia, sama ada air pasang ataupun misalnya, hujan lebat yang turun baru-baru ini di negeri Kedah, kena pula pada masa bulan penuh, iaitu air pasang yang kuat menyebabkan aliran air begitu *slow* untuk surut dan tenggelam begitu dahsyat sekali di Sungai Petani, di Padang Serai, di Kulim dan sebagainya.

Kita tidak dengar pihak Jabatan Kaji Cuaca memberi penerangan hal-hal seperti ini secara yang agak menyeluruh atau secara yang agak *advanced* untuk orang ramai membuat persiapan. Oleh itu, kita harap pada masa yang akan datang, tambahan pula hutan-hutan kita semakin kurang dan banjir mengejut boleh berlaku pada bila-bila masa dan sekarang ini kami pun hairan juga banjir yang sepatutnya berlaku di Kelantan dan Terengganu telah dipindahkan ke Kedah. Kita tidak mahu banjir itu tetapi dia datang. Kita kena terimalah dan bila berlaku banjir mengejut di Kedah itu, kita nampak pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan rakyat agak panik

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: .. kerana mereka tidak pernah tengok banjir sebesar itu yang berlaku pada tahun ini, dan saya harap pihak Jabatan Kaji Cuaca akan membuat kerja yang lebih *advanced* pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Saya bagi Bukit Bintang dahulu.

6.22 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 040100 – Jabatan Alam Sekitar dan juga Butiran 030000 – Penyelidikan dan Pembangunan (Sains dan Teknologi).

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan mengenai tahap pencemaran asap dari kenderaan-kenderaan, terutamanya pengangkutan awam, di Bandaraya Kuala Lumpur. Walaupun Kuala Lumpur sudah bergerak maju dan moden tetapi kadar pencemaran asap masih tinggi. Perkara biasa yang kita mendapati dalam saat sekarang ialah bas dan teksi menggunakan enjin diesel yang mengeluarkan asap hitam, bila berada di jalan raya dan di perhentian bas, sehingga menimbulkan gangguan kepada orang awam. Mereka terpaksa menghidu bau asap dari kenderaan-kenderaan awam ini.

Di manakah Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Alam Sekitar sehingga menyebabkan kenderaan-kenderaan yang berasap hitam boleh dibenarkan berada atas jalan raya? Nampaknya Jabatan Alam Sekitar kurang menjalankan kerja memeriksa asap kenderaan dalam bandar raya. Itulah sebab maka bas-bas, teksi, lori masih berada di jalan raya.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya menerima aduan daripada orang awam dan para pekedai di Jalan Petaling bahawa asap hitam yang dikeluarkan oleh bas awam yang berhenti di hadapan kedai untuk menunggu penumpang-penumpang yang mengakibatkan asap hitam dari bas mengganggu orang awam hingga mereka terpaksa menghidu bau asap dari kenderaan-kenderaan bas awam ini. Saya juga telah menghantar surat kepada pihak berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap pengusaha-pengusaha bas awam yang tidak bertanggungjawab ini? Dan apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi mengatasinya, seperti menukar penggunaan enjin diesel ini kepada “enjin hijau” seperti enjin Euro atau standard?

Tuan Pengerusi, sebelum ini kerajaan telah menggalakkan penggunaan “enjin hijau” atau *green engine*, tetapi pengurangan cukai 50 peratus hanya diberikan kepada syarikat francais. Kerajaan tidak memberikan galakan yang cukup supaya pengguna-pengguna kenderaan beralih kepada *green engine* ini. Sungguhpun penggunaan *green engine* boleh membawa kepada penurunan kadar pencemaran udara tetapi insentif kerajaan berupa penurunan cukai import ke atas kenderaan import *green engine* tidak diberikan penurunan yang mudah. Pemilik kenderaan terpaksa melalui kepayahan sebelum diberikan potongan cukai. Sijil *green engine* luar negara tidak laku. Ini perlu diteliti semula oleh SIRIM dengan bayaran yang mahal sedangkan kadar penurunan cukai belum pasti.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saluran air di sekitar bandar Kuala Lumpur kini menghadapi masalah bekalan air yang mahal. Saluran paip berkarat kerana tekanan air yang rendah. Apakah yang Jabatan Alam Sekitar boleh buat untuk memastikan air bersih disalurkan kepada pengguna? Mereka tidak ada kuasa untuk menyekat atau mengambil tindakan ke atas PUAS dan Perbadanan Air Negeri supaya membersihkan air secukupnya sebelum disalurkan kepada pengguna.

Tuan Pengerusi, air yang berkeladak yang keluar dari paip air tidak 100 peratus bersih. Air paip sering menjadi bahan ketawa bila dituras dalam ujian uji kaji kerana terdapat rumpai dan bahan harus selain tahap klorin yang kuat. Itulah sebab maka pengguna yang mampu, mereka memasang alat penapis air di rumah sendiri. Sepatutnya alat-alat penapis ini boleh diedarkan dengan murah oleh PUAS kepada para pelanggan.

Mengenai saintis Malaysia yang berada di luar negara, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak kerajaan memperkenalkan insentif untuk menarik mereka supaya pulang dan berkhidmat di negara sendiri, berapa ramai yang bilangan dan bidang mereka yang menyahut seruan kerajaan? Apakah insentif lumayan yang disediakan itu?

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00700 – Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia. Hujan lebat yang berterusan selama beberapa hari telah menyebabkan banjir melanda negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia pada awal bulan Oktober ini. Kebanyakan orang tidak bersedia untuk menghadapi fenomena ini. Ia juga telah mengakibatkan kerugian harta benda, kerosakan tanaman dan kematian ternakan. Bagi pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan PMR pula, mereka tidak dapat menduduki peperiksaan dan buku ulang kaji mereka juga dihanyutkan air.

Dari media massa kita akan dapat membaca seribu satu jenis kesusahan mangsa-mangsa banjir ini. Sepatutnya dengan kecekapan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca masalah-masalah ini dapat dikurangkan apabila penduduk lebih bersedia jika diberitahu tentang kemungkinan hujan lebat yang berterusan, tetapi malangnya penduduk-penduduk tidak diberitahu tentang hujan lebat yang bakal melanda untuk beberapa hari. Malah didapati bahawa peralatan kaji cuaca Jabatan Kaji Cuaca untuk negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia dan di Butterworth telah rosak sejak beberapa bulan. Mengapakah peralatan yang rosak tidak diganti dengan kadar segera? Lebih kesal lagi ialah Jabatan Kaji Cuaca hanya memberikan komen pada hari ketiga apabila banjir besar telah berlaku.

Saya minta supaya kementerian membuat satu siasatan berkenaan dengan perkara ini. Daripada pengalaman-pengalaman lama, Jabatan Kaji Cuaca sepatutnya perlu membuat pengumuman berkenaan dengan cuaca buruk yang melanda sesuatu kawasan untuk orang ramai.

Tuan Pengerusi, ramai bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Ambil contohnya, dengan mengetahui kemungkinan banjir, orang ramai boleh mengalihkan barangan berharga mereka ke tempat yang lebih selamat. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Kaji Cuaca memberikan pengumuman awal kepada orang ramai berkenaan dengan kemungkinan sebarang cuaca yang bakal melanda supaya orang ramai lebih bersedia. Misalnya, hujan berterusan ataupun cuaca panas yang berterusan. Jangan hanya mengeluarkan kenyataan apabila sesuatu telah berlaku. Saya juga ingin tahu sama ada jabatan ini akan mengumumkan indeks pencemaran udara atau *air pollution index*, dengan izin

Saya merujuk kepada Butiran 00300 – Pembangunan Zoo. Saya juga ingin menyentuh mengenai Zoo Negara di Hulu Klang yang kini berada di dalam keadaan yang amat tidak baik. Pada 4 Oktober,

sebuah akhbar tempatan telah melaporkan bahawa Badan Pencegah Rasuah sedang menyiasat perkembangan di Zoo Negara dalam pelbagai aspek. Juga dilaporkan bahawa Zoo Negara mengalami kerugian antara RM120,000 hingga RM150,000 sejak tahun 2001. Aspek kerugian ini masih dalam kajian. Keadaan dalaman yang di dalam persekitaran Zoo Negara juga dikaitkan dengan keadaan kebanyakan binatang tidak dijaga dengan baik.

Kebanyakan keadaan binatang.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Lagi satu minit. Saya gulung.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Okey. Kandang binatang dibiarkan kosong serta mengalami kerosakan-kerosakan yang lain. Jika dibandingkan, keadaan Zoo Taiping dan Zoo Melaka adalah lebih menarik dan baik daripada Zoo Negara yang menjadi identiti negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gelang Patah, ya.

6.32 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang Butiran 040000 – Pemuliharaan Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, pembangunan yang pesat di negara kita ini memerlukan tambahan kakitangan profesional dan teknikal untuk Jabatan Alam Sekitar supaya dapat mengawasi setiap tahap pelaksanaan sesuatu projek perumahan atau industri agar dapat dikawal dengan baik supaya tindak tanduk pemaju atau pengusaha industri yang tidak memenuhi keperluan alam sekitar dapat dikesan sebelum keadaan melarat. Jika tindakan untuk menangani masalah alam sekitar dilengah-lengahkan, kemusnahan alam sekitar akan menjadi satu kemusnahan kekal yang tidak boleh dirawat lagi seperti jika sebatang sungai itu telah dikelaskan sungai mati, ini boleh dikatakan tiada kehidupan marin, kehidupan air dalam sungai itu dan sungai itu adalah dalam keadaan ketiadaan oksigen dan akan menimbulkan bau busuk.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada kementerian, setakat ini sejauh manakah tahap pencapaian hasrat Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada tahun 1989 oleh negara kita untuk mencegah masalah kemusnahan alam sekitar?

Tuan Pengerusi, dari segi penguatkuasaan undang-undang, pihak pemaju atau pengusaha industri mesti dikawal supaya mereka benar-benar mengikuti segala garis panduan mengenai penjagaan alam sekitar. Keperluan pemuliharaan alam sekitar dalam perancangan projek pembangunan dan industri mesti ditekankan. Selain daripada tindakan undang-undang, adalah wajar dari segi pendidikan, tanggungjawab sosial, pihak pemaju atau pengusaha industri dan orang ramai perlu ditanamkan sikap cintakan alam sekitar.

Sektor swasta yang mempunyai pelaburan dalam bidang pembinaan, pemaju dan pengusaha industri, perlu merangka dasar dan strategi pemuliharaan alam sekitar dalam konteks pengurusan kualiti total iaitu *total quality management*, dengan izin. Apa yang lebih penting adalah pihak pemaju atau pengusaha industri mesti mempunyai Jabatan Pengurusan Alam Sekitar sendiri yang boleh merangka dasar, amalan dan pemuliharaan alam sekitar serta dengan mengadakan pengawasan rapi sendiri dalam penjagaan alam sekitar.

Tuan Pengerusi, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang sama ada dalam negara kita ini, kita ada Environmental Master Plan, dengan izin, untuk negara kita ini kerana adalah penting kita mesti mengawal pencemaran air, pencemaran udara supaya dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini, sejajar dengan kehendak, matlamat Wawasan 2020.

Saya ingin tahu daripada kementerian, sama ada pihak kementerian dapat mengadakan tindakan dan perancangan bersepadu dengan kementerian yang lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui semua 144 Pihak Berkuasa Tempatan supaya kita wujudkan *central treatment plant for industrial effluents* - dengan izin - supaya kita dapat mengawal, agar tiada *industrial effluents* boleh dialirkan tanpa rawatan ke dalam sungai-sungai dalam negara kita ini.

Kemungkinan besar, jika kita dapat mewujudkan *master plan* untuk mengadakan logi pembersihan untuk *industrial effluents*, kita pun boleh mengadakan industri kitar semula untuk air iaitu *recycling of industrial waste, industrial effluents* supaya air yang dikitar semula ini boleh digunakan balik oleh industri di dalam satu kawasan perindustrian seperti saya dapati bahawa ada sebuah kilang di Johor Baharu yang mana ia mengusahakan *pesticide* dan *insecticide* dengan syarat yang dikenakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan iaitu air dalam kilang itu mesti dikitar semula dan tidak boleh dialirkan keluar. Ini melibatkan kos yang amat tinggi untuk industri itu tetapi untuk menjaga alam sekitar, pihak berkuasa memberikan syarat yang ketat ini kepada mereka dan mereka perlu ikut.

Ia akan lebih *cost-effective* jika kita wujudkan kawasan *industrial* yang mana kita dengan perancangan yang sempurna untuk industri yang mengeluarkan *liquid effluents* dikumpulkan di satu tempat. Industri yang mungkin mengeluarkan bahan yang mencemarkan udara dikumpulkan di satu tempat. Untuk industri jenis makanan satu tempat, yang bukan makanan satu tempat, kita akan dapat lebih *cost-effective* untuk mewujudkan *central treatment plant* untuk *industrial effluents*.

Saya harap pihak kementerian akan ambil perhatian tentang hal ini kerana kita sekarang sedang hadapi masalah kekurangan air bersih dan adalah 200% mengikut taklimat yang diberikan oleh SAJ Johor, sekarang untuk merawat *raw water*. Air mentah adalah sangat mahal iaitu 200% lebih tinggi dari masa dahulu, kerana perlu dapatkan air daripada kawasan pedalaman oleh kerana air masa kini tercemar dan ini adalah satu masalah. Di sini, dalam kawasan Parlimen saya ada sebatang Sungai Skudai yang mana memang air di sana, adalah kawasan *water catchment area*, yang air mentah dari sana diambil untuk dirawat.

Adalah sangat membimbangkan kerana pada masa sekarang di Sungai Skudai boleh dikatakan tahap pencemaran '*e.coli*' di sana sangat tinggi. Biasanya *e.coli* adalah kalau 300 '*coliform*' count per 100 miligram boleh diterima, tetapi ia telah meningkat 24,000 *coliform* count per 100 miligram. Dan ini perlu tindakan yang serius oleh Jabatan Alam Sekitar dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk sama-sama melalui usaha sama bagi menjaga Sungai Skudai itu.

Yang lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, tentang penggunaan beg-beg plastik, yang mana beg plastik kita tahu tidak dapat dimusnahkan selama-lamanya. Dan saya harap kita perlu ubah suai supaya kita galakan industri plastik mengeluarkan jenis plastik yang *degradable* iaitu yang saya dimaklumkan bahawa dengan menggunakan bahan ubi kayu, ada karbohidrat campur dengan bahan plastik dan boleh dikeluarkan sejenis plastik yang boleh *degradable* yang dalam tempoh 3 tahun boleh dimusnahkan. Dan ini adalah penting untuk menjaga alam sekitar negara kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Sedikit lagi! Dan saya harap pihak kementerian ambil perhatian tentang hal ini dan ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya. Seputeh, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

6.43 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin rujuk kepada Butiran 030200 Jabatan Standard Malaysia (DSM). Saya ingin menyoal tentang fungsi dan objektif pengesahan ataupun *Certification* ISO 9000 yang dikeluarkan oleh SIRIM. Ramai orang menganggap ISO 9000 adalah tanda kecemerlangan dari segi perkhidmatan dan produk oleh sesebuah syarikat ataupun organisasi. Dalam ucapan saya di Dewan Rakyat pada 19 Mac tahun ini, saya pernah membangkitkan masalah tanggapan orang ramai terhadap ISO 9000 dan saya menggunakan contoh *Central Academy Of Arts College* (CAA) yang memperolehi Sijil ISO 9000, tetapi diharamkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai contoh. Dalam jawapan bertulis yang diberi oleh kementerian kepada saya, ia menyatakan bahawa Sijil ISO 9000 yang diperolehi oleh CAA bukanlah dikeluarkan oleh SIRIM tetapi oleh United Kingdom Accreditation Service (UKAS).

Soal pokoknya sekarang ialah berapakah audit ISO 9000 boleh dipercayai dan bukannya sama ada sesuatu produk ataupun perkhidmatan disahkan oleh SIRIM, UKAS atau mana-mana agensi akreditasi.

Dalam surat bertarikh 16 Disember tahun 2002 yang ditulis oleh Tan Sri Shamsuddin bin Osman iaitu Ketua Setiausaha Negara kepada semua Ketua Perkhidmatan Awam, beliau menggunakan Fasal 4.2.1 versi ISO 9001 pada tahun 1994 untuk menerangkan pelaksanaan ISO 9000 sebagai cara untuk memastikan perkhidmatan yang diberi oleh jabatan kerajaan dapat memenuhi jangkaan penggunaannya ataupun pelanggannya. Kenyataan Shamsuddin boleh ditafsirkan bahawa pengesahan ISO 9000 bermaksud badan pengesahan ataupun *certification body* memberi pengesahan selepas menjalankan audit secara *internal* ataupun *external* terhadap semua organisasi pemohonnya, maka pengguna akan menerima produk atau perkhidmatan yang memenuhi keperluan yang dinyatakan dan dirujukkan.

Masalah sekarang adalah sama ada badan pengesahan atau *certification body* ini mempunyai kekuatan teknikal untuk memastikan organisasi pemohon memenuhi kriteria operasi dan memenuhi keperluan semua penggunaannya. Dalam bidang penimbangan dan ujian pengukuran, pengukur biasanya 10 kali lebih baik daripada bahan yang diuji, jadi dalam pengukuran ISO 9000, apakah badan pemantau ini lebih baik daripada kliennya ataupun organisasi yang diauditnya?

Pada 31 Julai tahun 2003, akhbar *The Star* memetik kenyataan Menteri Pengangkutan yang berkata bahawa KLIA akan memberi lebih kamera untuk mengurangkan pencurian bagasi. KLIA merupakan salah satu klien kepada SIRIM. Jadi apabila SIRIM memantau penerbangan atau perkhidmatan keselamatan KLIA, demi tujuan ISO 9002, apakah auditor SIRIM terkenal dalam bidang keselamatan? Perkara yang sama juga berlaku pada Pos Malaysia yang juga merupakan salah satu pelanggan kepada SIRIM. Banyak laporan menunjukkan bahawa perkhidmatan Pos Malaysia juga selalu tidak memuaskan. Ini termasuk Pos Laju di mana surat dan barang kiriman kita selalu tiba lewat dengan memberi Sijil ISO 9000 kepada KLIA dan Pos Malaysia, bukankah SIRIM tidak memberi gambaran yang tepat ataupun *misrepresentation* tentang keupayaan operasi KLIA dan Pos Malaysia. Apakah Kementerian sedar bahawa *misrepresentation* ini menyebabkan KLIA ataupun Pos Malaysia mencabuli Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Perlindungan Pengguna Tahun 1999? Apakah Kementerian sedar bahawa kebenaran pengesahan ISO 9000 juga mencabuli Kanun Keseksaan ataupun *Penal Code* dan Akta Anti-Korupsi Tahun 1997? Apakah Kementerian sedar bahawa akreditasi dan pengesahan juga mengalami masalah teknikal dan integriti sama seperti pengesahan ISO 9000, apakah yuran dan *fee* yang kena dibayar kepada DSM ataupun UKAS terhadap akreditasi mampu mempengaruhi keputusan akreditasi?

Memandangkan aduan orang ramai terhadap syarikat yang disahkan oleh ISO 9000 telah pun meningkat, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri supaya mengadakan satu siasatan awam ataupun *open inquiry* terhadap keberkesanan pengesahan ISO 9000, sebagai langkah untuk menentukan sama ada pengesahan ISO 9000, cara pihak ketiga pada bentuk sekarang ini adalah bercanggah dengan undang-undang kita ataupun tidak.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 040100 - Jabatan Alam Sekitar. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang laporan EIA Projek SMART, yang mana saya difahamkan ia adalah diluluskan secara separuh sahaja. Bolehkah projek yang mendapat laporan EIA yang bukan keseluruhan ataupun separuh sahaja ini mulakan projek pembinaannya. Bilakah projek ini akan mendapat EIA penuh?

Saya juga ingin membangkitkan aduan tentang kilang papan yang beroperasi di kawasan perumahan di nombor C 45, Kampung Baru, Sedenak, Kulai Johor. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Johor terhadap aduan yang dikemukakan itu? Dan juga saya ingin membangkitkan tentang masalah hak Hin Latex Sdn. Bhd. di Titi Negeri Sembilan. Kilang getah yang dimaksudkan Hin Latex yang terletak berdekatan dengan pekan Titi di Negeri Sembilan telah memulakan operasi sejak tahun 1988. Sejak kilang ini dibuka, penduduk-penduduk di sekelilingnya telah mengadu bahawa kilang getah ini mengeluarkan bau yang sangat busuk semasa pemprosesan getah dijalankan. Air sisa yang keluar dari longkang kilang tersebut juga memburukkan keadaan. Bau busuk ini memberi kesan yang negatif kepada kehidupan penduduk-penduduk di sekitarnya dan dianggarkan penduduk yang tinggal dalam lingkungan 2 Kilometer turut terjejas. Banyak aduan telah dibuat oleh penduduk tempatan kepada wakil rakyat mereka daripada Barisan Nasional, Majlis Daerah, Jabatan Alam Sekitar Negeri dan juga kerajaan negeri. Namun segala aduan ini tidak menyelesaikan masalah tersebut dan berlarutan sehingga hari ini. Walaupun terdapat laporan yang menyatakan bahawa kerajaan negeri meminta kilang ini dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai, namun pengusaha kilang masih enggan berpindah. Saya berharap Kementerian dapat mengambil perhatian terhadap aduan ini.

Akhir sekali adalah Butiran 040200 – Jabatan PERHILITAN. Saya ingin tanya adakah Kementerian telah menetapkan garis panduan mengenai perusahaan membela burung layang-layang di Semenanjung?

Adakah Kementerian membuat pemantauan terhadap pengusaha, sama ada mereka dilesenkan dan adakah kuman-kuman daripada burung ini akan membawa penyakit? Jenis apa?

Saya berharap Kementerian dapat memberi satu penerangan di Dewan yang mulia ini dan juga kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya persilakan Timbalan Menteri menjawab.

6.51 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan Yang Berhormat bagi Gelang Patah serta Yang Berhormat bagi Seputeh yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan peruntukan perbelanjaan di bawah B.30 dan P.30, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya cuba memberi penjelasan seberapa ringkas ataupun seberapa yang mungkin kepada perkara-perkara yang telah disebutkan atau dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang boleh dirangkumkan kepada beberapa isu yang berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar, Jabatan PERHILITAN, Jabatan Kaji Cuaca dan sebagainya. Jadi, mana-mana yang telah saya sentuh dan ada hubung kaitnya, mungkin saya tidak perlu untuk mengulang lagi.

Berkaitan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong iaitu berkaitan dengan kelemahan sistem ataupun peraturan EIA yang hanya mengambil kira aspek berkaitan dengan pembangunan ataupun cadangan sesuatu program pembangunan yang dijalankan dan mencadangkan supaya satu *Strategic Environmental Assessment* dijalankan, adalah dinyatakan bahawa pada masa kini apabila terdapat beberapa projek yang akan dilaksanakan bagi sesuatu kawasan, EIA Makro akan dijalankan untuk mengenal pasti kesan kepada alam sekitar secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat bagi Mambong supaya satu sistem ataupun konsep *Strategic Environmental Assessment* dibuat akan dikaji dengan lebih teliti kerana ini mungkin dapat memberikan satu impak yang lebih baik.

Usaha seterusnya dalam perkara yang berkaitan dengan pelupusan sisa-sisa elektronik, sebenarnya perkara ini telah pun saya jawab dalam soalan pada sebelah pagi tadi. Cuma, beberapa maklumat tambahan yang saya ingin berikan ialah memang usaha-usaha telah pun dimulakan oleh beberapa pihak persendirian ataupun swasta seperti Motorola dan sebagainya yang mengumpul balik bateri-bateri yang telah digunakan untuk dilupuskan atau dihantar kembali ke negara-negara seperti Korea dan Jepun untuk diproses semula (*recycle*) ataupun dilupuskan di sana.

Prosedur di mana pihak pengusaha atau pengilang ini akan diminta supaya memastikan bahawa segala produk elektronik yang mereka keluarkan diambil balik ataupun sekiranya ingin dilupuskan, diambil balik, ini satu perkara yang juga merupakan satu cadangan yang saya kira boleh ataupun akan dikaji bagaimanakah supaya syarat ini dapat dikenakan kepada pengusaha-pengusaha ataupun pengeluaran-pengeluar bahan-bahan tersebut.

Berkaitan dengan pencemaran udara, kita menyedari bahawa memanglah ini satu daripada perkara yang masih lagi berlaku sama ada disebabkan oleh pembakaran terbuka dan juga satu lagi penyumbang yang agak besar iaitu pencemaran udara yang disebabkan oleh asap-asap kenderaan.

Jadi, dalam hal ini sebenarnya beberapa usaha memang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar menerusi satu agensi iaitu AWASI yang mengadakan program-program pemeriksaan kepada kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap hitam dari masa ke semasa. Bagaimanapun usaha dan cadangan untuk penggunaan *catalytic converter* yang perlu dipasang, ini mungkin kita perlu mengadakan kajian bersama-sama dengan pihak JPJ dan sebagainya. Adakah prosedur ini boleh kita laksanakan dan bagaimanakah dari segi *costing* dan sebagainya yang mungkin timbul kesan daripada program tersebut?

Berkaitan dengan kajian sungai, peruntukan kajian sungai yang telah ditarik balik, saya tidak dapat memastikan perkara ini seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat seperti kajian Sungai Miri yang telah ada peruntukan pada tahun yang lepas tetapi ditarik balik, mungkin oleh kerana peruntukan-peruntukan ini telah pun dibiayai oleh kerajaan negeri dan kita akan cuba melihat balik sama ada peruntukan yang sesuai dapat diperuntukkan bagi penggunaan untuk memperbaiki, memperindah ataupun

mengawal keadaan sungai tersebut. Samalah juga dengan kajian ataupun peruntukan yang telah diberikan untuk kajian Sungai Batang Rajang yang telah disentuh oleh Yang Berhormat tadi.

Kita akan melihat apakah peruntukan ini dapat digunakan untuk penggunaan program yang lain selain daripada peruntukan yang diperuntukkan untuk membuat kajian-kajian kepada sungai-sungai tersebut kerana memang ada cadangan dan peruntukan yang telah diperuntukkan bagi membuat beberapa kajian dan juga program untuk memperbaiki, mengawal dan mempertingkatkan mutu dan kualiti beberapa sungai yang dianggap telah masuk ke tahap sungai yang tercemar di negara ini.

Seterusnya berkaitan dengan program bioteknologi. Perkara yang dikaitkan dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan dan menggalakkan pembangunan bioteknologi di negara kita ini termasuklah usaha kerajaan mewujudkan BioValley di negara kita sedang dalam proses. Kita memahami dan memang mengakui bahawa sistem ataupun satu peraturan atau perundangan perlu diwujudkan bagi memperkemas lagi dan memastikan bahawa program ini berjalan dengan baik dan mengikut peraturan.

Walau bagaimanapun, sama seperti yang telah saya sebutkan tadi bahawa perkara ini juga telah saya jawab dalam masa menggulung ucapan ataupun penggulungan peringkat dasar belanjawan tempoh hari. Di antaranya ialah, saya suka sentuh lagi bahawa draf kepada peraturan ini telah pun disediakan. Namun oleh kerana beberapa pandangan daripada beberapa agensi seperti Kementerian Perusahaan Utama, MITI, Kementerian Kesihatan dan sebagainya yang ada melibatkan sebahagiannya, pandangan-pandangan yang perlu diberikan sebelum draf akta ini dibentangkan di Parlimen perlu dihalusi.

Kita menyedari bahawa perkara ini sudah agak lama. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara ini perlu dan kita harap supaya apabila undang-undang ini dibentangkan nanti, tidak akan menimbulkan banyak masalah dan juga tidak banyak kali nanti kita terpaksa membuat pindaan-pindaan, Tuan Pengerusi.

Seterusnya saya ingin pergi kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Saya suka menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat telah membangkitkan dua perkara iaitu berkaitan dengan PERHILITAN dan juga bahagian R&D untuk sains dan teknologi. Mungkin saya sentuh PERHILITAN dahulu.

Yang Berhormat telah menyentuh berkaitan dengan Taman Negara kita. Jadi, memang benarlah bahawa Taman Negara yang terdapat di negara kita bukan satu sahaja iaitu yang terdapat di Pahang yang merangkumi kawasan negeri Terengganu, Pahang dan sebahagian daripada Kelantan. Ini adalah Taman Negara yang telah pun di.... [*Mencari dokumen di atas meja*] Banyak sangat nota ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Zainal bin Dahalan: Apa pun, Tuan Pengerusi, Taman Negara ini memanglah di bawah satu akta yang telah diwujudkan beberapa tahun dahulu iaitu sejak zaman sebelum merdeka lagi sebenarnya, manakala terdapat juga beberapa taman lain yang di bawah kelolaan dan tanggungjawab kerajaan negeri seperti Endau Rompin, Taman Negara Belum di Sarawak, Sabah dan banyak lagi yang tidak terletak di bawah tanggungjawab kementerian ataupun di bawah Jabatan PERHILITAN. Jadi, kita menyedari...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong. Taman Negara?

Dr. James Dawos Mamit: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Taman Negara ini sebagai nama adalah..., dalam istilahnya terlalu generik. Kita tahu bahawa Taman Negara ini memang di negeri Pahang tetapi di negeri Sarawak dan Sabah, banyak juga taman negara, dinamakan sebagai taman negara tetapi ada nama spesifiknya, sebagai contoh Taman Negara Mulu, Taman Negara Baku. Dapatkan pihak kementerian memberi nama yang spesifik bagi Taman Negara di negeri Pahang supaya tidak terlalu generik? Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Ini mungkin satu kebiasaan yang telah kita pakai selama ini, disebut Taman Negara. Istilah Taman Negara itu mungkin menunjukkan kepada satu konsep di mana satu kawasan tertentu diwartakan dan dirizabkan untuk tujuan perlindungan dari segi flora, fauna dan sebagainya. Apakah perlu kita hendak menamakan satu nama khusus bagi Taman Negara di Pahang supaya dapat membezakan dengan taman-taman negara yang lain ataupun taman-taman yang ada di tempat-tempat lain, yang di bawah kelolaan atau pengawasan kerajaan

negeri itu pula dinamakan, bukan Taman Negara, sebaliknya Taman Negeri. Jadi, saya ingat ini bolehlah kita fikirkan supaya dapat membezakan perkara ini.

Bagaimana pun saya sebut tadi terdapat dua jenis perundangan yang melindungi kawasan lindungan, iaitu perundangan negeri, yang mana khusus kepada taman-taman yang terletak di negeri-negeri tadi, walaupun namanya Taman Negara juga, buat masa dan juga satu peruntukan Persekutuan iaitu Akta Taman Negara 1980 bagi taman negara seperti di Pahang, Terengganu, Kelantan yang kita kenal sebagai Taman Negara hari ini. Juga taman negara di Pantai Acheh, ini baru ditubuhkan dalam tahun 2002, baru diwartakan dalam tahun 2002. Jadi, saya kira yang ada di negeri tidak perlu kita pinda kerana ini di bawah tanggungjawab negeri masing-masing.

Bagaimanapun perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang kita terpaksa mengakui terdapat beberapa perkara yang merupakan kelemahan dari segi pengurusan taman negara khususnya di Pahang. Dari segi maklumat yang kita masukkan dalam borang, *advertisement* kita, dengan apa yang terdapat di sana, saya juga telah pergi ke sana dan saya dapati ada beberapa perkara yang perlu diperbaiki, umpamanya pembuangan sisa kumbahan daripada *rest house* ke sungai, kuarters pekerja, tangga naik ke jeti dan sebagainya. Banyak perkara-perkara yang saya kira telah pun kita ambil perhatian dan sebahagiannya dalam tindakan pihak Jabatan PERHILITAN.

Namun begitu pandangan Yang Berhormat, saya kira sebagai satu pandangan yang konstruktif, membina, saya kira kementerian akan mengambil perhatian berat mengenai ini dan cuba untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan untuk kita membawa pelancong dan pelawat-pelawat ke taman negara yang ada pada hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya mengalu-alukan pendirian kementerian terhadap taman negara kerana hendak memperbaiki keadaan. Di sini adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila kita tiba di Kuala Tembeling, di situ pihak Majlis Daerah Jerantut sedang membina bangunan, ini baik juga untuk dewan persinggahan dan sebagainya? Di situ juga ada tempat letak kereta. Tempat letak kereta ini diberi kepada JKKK.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menyiasat, bagaimana perkhidmatan dapat dipertingkatkan kerana JKKK ini bukan satu badan yang profesional untuk pelancongan. Jawatankuasa ini diberi peluang untuk mengutip wang bagi pelancong-pelancong yang meletak kereta di situ sebelum naik feri ke Taman Negara. Ini memerlukan satu kawalan yang lebih ketat supaya semua langkah adalah secocok dengan iklan kita seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Macam mana kita boleh kawal JKKK? *[Ketawa]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Pengerusi, Taman Negara di Pahang ini boleh dikatakan memang yang tertua, yang lama. Pada masa dahulu, memang kebanyakan pelancong atau pelawat, dia pergi melalui sungai, dari Kuala Sungai Tahan, dan meletakkan kereta di situ. Ada tempat *parking* nya. Oleh kerana kita ingin melibatkan usaha yang dijalankan oleh mungkin pihak JKKK untuk memberikan sedikit khidmat, mengawal atau menjaga tempat *parking* dan sebagainya, mungkin itulah sebabnya JKKK diberi peluang untuk menjalankan usaha ini.

Namun kita memahami memanglah mereka ini bukan golongan yang profesional dan perkara ini juga perlu dilihat. Bagaimana pun pada masa ini, Taman Negara telah dapat dihubungi dengan jalan raya. Sebenarnya ramai sekarang ini pengunjung-pengunjung yang lebih suka menaiki kenderaan seperti *four-wheel drive* dan sebagainya, terus ke kawasan di Taman Negara. Walaupun ini menjadikan satu daripada kurangnya daya tarikan sebenarnya bagi saya sendiri kerana menaiki bot ini satu *thrill*, kata orang, dengan izin, untuk pelawat naik bot daripada Kuala Sungai Tahan sampai ke Ulu Tembeling sana untuk ke Taman Negara. Tersangkut di jeram, terpaksa turun, tolak bot dan sebagainya. Ini sesuatu pengalaman yang mungkin sangat luar biasa dan diminati oleh sebahagian pelancong tetapi dengan kemajuan yang telah dicapai, kerajaan negeri juga telah mengadakan, membina jalan-jalan di kawasan perkampungan, bersambung sehinggalah sampai ke kawasan Taman Negara.

Oleh itu, perkara ini terpaksa kita lihat secara keseluruhan, apakah fungsi bot penambang yang masih ada dan juga ini melibatkan kawasan *car park* yang terpaksa diwujudkan untuk meletakkan kenderaan yang digunakan oleh mereka yang memilih untuk pergi ke Taman Negara menggunakan sampan. Jadi, kita akan lihat, Yang Berhormat.

Seterusnya berkaitan dengan Akademi Sains tadi.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Zainal bin Dahalan: Taman Negara?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Manusia ini memang pelek, memang pelek. Yang di hutan, hendak ke bandar, yang di bandar, hendak ke hutan. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong. Jabatan PERHILITAN. Susahnya...!! [Ketawa] Jabatan... [Disampuk] PERHILITAN! Allah hai! Di bawah Kementerian ini, saya harap janganlah hendak jaga Taman Negara yang di Pahang sahaja. Yang di Pahang itu penting kerana taman-taman negara ini, sekarang ini sudah menjadi satu tarikan kepada pelancong dari luar negara terutamanya dan di dalam pun sudah mula daya tarikannya.

Jadi, kalau hendak jaga Taman Negara Kuala Tahan - yang Pahang ini, orang panggil Kuala Tahan pun boleh, Ulu Tembeling pun boleh. Apa lagi, Tuan Pengerusi? Ulu Tahan.

Seorang Ahli: Rompin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Rompin, Endau ia termasuk Johor. Itu Rompin dan Endau. Macam di Sarawak saya dengar ada 10 Taman Negara – Lambir, Simi Lajau, di Mulu. Di Sabah saya dengar ada tiga, empat. Itu tidak termasuk 'Sayang Sarawak sungainya sempit.' [Ketawa]

Jadi, saya haraplah Taman-taman Negara ini, nombor satu saya tidak bersetuju kalau hendak tukar nama jadi taman negeri, saya tidak bersetuju. Ia sudah memang terkenal Taman Negara. Walaupun ia kepunyaan negeri, saya haraplah Jabatan.....

Seorang Ahli: PERHILITAN.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Allahu Akbar, PERHILITAN. Betul Kuala Kedah, saya sebut betul ya, PERHILITAN. Tolonglah jangan Taman Negara yang di Pahang sahaja, tetapi juga di negeri-negeri ini dijaga sama dengan diberikan peruntukan pertolongan dan berbagai-bagai untuk dimajukan, hendak ditingkatkan. Jangan hendak jaga hidupan liar sahaja. Saya tahu PERHILITAN ini jaga Taman Negara Pahang, selepas itu hidupan liar. Kita tidak tahu hidupan liar mana yang hendak dijaganya. [Ketawa] Jadi, itulah harapan saya supaya dapat ditingkatkan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Sri Gading yang prihatin juga dengan Taman-taman Negara. Saya cuma sebutkan tadi pandangan atau cadangan hendak membezakan mungkin antara Taman Negara yang di bawah kelolaan Persekutuan secara khusus dengan Taman-taman Negara yang dikelolakan oleh kerajaan negeri. Sebenarnya yang di peringkat negeri pun memang terdapat kerjasama pengawasan daripada Jabatan PERHILITAN yang ditugaskan di negeri-negeri. Cuma dari segi yang lain-lain memanglah kerajaan negeri sendiri nampaknya yang mengadakan kawalan yang lebih daripada apa yang dibuat oleh pihak Kementerian sendiri. Jadi, insya-Allah, pihak Kementerian akan terus memberi bantuan dari segi khidmat nasihat, juga pegawai-pegawai kita yang sama-sama mengelolakan dan mengawasi Taman-taman Negara yang ada di negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai dengan Akademi Sains Malaysia. Sebenarnya, saya mungkin secara ringkas sahaja, bahawa anggota-anggota ataupun *fellow academy* yang menganggotai akademi sains adalah dipilih dari kalangan warganegara Malaysia yang mempunyai kredibiliti, keunggulan, oleh sebab pencapaian mereka masing-masing dalam bidang sains, kejuruteraan atau teknologi yang dianggap cemerlang dan luar biasa. *Fellow* Kehormat Akademi juga dipilih tiap-tiap tahun daripada orang yang bukan *fellow*, yang telah memberikan atau sedang memberikan sumbangan yang cemerlang kepada perkembangan di bidang sains, kejuruteraan dan teknologi yang akan memberikan manfaat atau yang boleh menyumbang kepada kerja-kerja akademi.

Jadi, setakat ini pemilihan dari segi anggota Academy of Sciences, Malaysia dan juga pemilihan *Fellow* Kehormat Akademi adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kredibiliti. Saya kira kita tidaklah melantik mereka dari kalangan, oleh kerana kenal kawan sahaja. Saya ingat kalau perlu, Yang Berhormat bolehlah menyemak senarai mereka dan juga senarai latar belakang penerima-penerima anugerah *Fellow* Kehormat Akademi yang telah dilaksanakan selama ini. Dan sumbangan akademi, sains dalam bidang ini juga sentiasa dipertingkatkan.

Kita bersetujulah bahawa usaha kita dalam mempertingkatkan pencapaian sains dan teknologi melalui pelbagai cara termasuklah sumbangan yang dijalankan menerusi pewujudan Academy Science of Malaysia ini kita harap akan dapat memberikan sumbangan ke arah tersebut. Dan di dalam Persidangan OIC yang sedang berlaku sekarang ini juga, cadangan telah diwujudkan supaya tiap-tiap negara mewujudkan akademi sains masing-masing dan diharapkan akan dapat mewujudkan kerjasama, dan juga

rangkaian kerjasama di antara akademi sains di negara-negara tersebut untuk melihat apakah bidang-bidang yang boleh diwujudkan kerjasama, *collaboration*, *cooperation*, dengan izin, dan juga pertukaran maklumat, pertukaran kepakaran dan sebagainya untuk mempertingkatkan pencapaian dalam bidang sains dan teknologi.

Mengenai bilangan penyelidik di Malaysia, mengikut bncian yang telah dibuat dalam tahun 2000 lebih kurang ada dalam 23,262. Bilangan penyelidik ini termasuklah penyelidik, pensyarah dan juga *technicians* yang terdapat di negara kita ini. *Technicians* ada lebih kurang 2,289 dan lain-lain 5,551. Manakala dari segi *ratio* ataupun kadar, kita sekarang mempunyai 15 orang penyelidik untuk setiap 10,000 penduduk setakat ini. Tetapi kita berhasrat untuk meningkatkan kepada 60 penyelidik bagi tiap-tiap 10,000 penduduk dalam jangka masa terdekat dan usaha-usaha sedang terus dijalankan menerusi berbagai-bagai usaha yang dijalankan termasuklah sumbangan-sumbang daripada institusi pengajian tinggi dan sebagainya untuk menarik lebih ramai penyelidik di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya pandangan daripada Serdang yang menyentuh soal pencemaran khususnya pencemaran yang telah berlaku kesan daripada pembuangan sampah di kawasan Puchong, Serdang oleh World Wide Landfill Sdn. Bhd. Ini masalah pembuangan sisa sampah sarap sebenarnya juga satu masalah yang besar khususnya di Lembah Kelang. Saya rasa Yang Berhormat Serdang pun sama-sama arif dalam perkara ini dan berbagai-bagai usaha telah kita jalankan, akhirnya kepada usaha kerajaan untuk mewujudkan atau membina *incinerator*. Dan ini juga masih lagi menjadi masalah kerana kadang-kadang perkara ini telah dijadikan satu isu yang sebenarnya lebih berbentuk negatif yang kadangkala tidak membantu usaha kita.

Jadi, masalah ini kita sedari. Kepada mereka yang duduk di kawasan ini memang merasakan bagaimana masalah pencemaran udara berlaku. Tetapi itulah kaedah ataupun method yang boleh dilaksanakan selama ini iaitu secara *landfill*, dan kita tahu bahawa secara *landfill* ini banyak kawasan yang perlu digunakan. Jadi, kerana itulah kerajaan buat keputusan untuk melaksanakan pembinaan *incinerator*. Dan dalam hal ini saya ingin buat satu analogi. Kalau 20 tahun dahulu kita kata hendak buat tandas dalam rumah orang kata kita gila. Dahulu tandas semua di luar rumah. Tetapi hari ini tandas di sebelah bilik makan, ada tandas dalam bilik tidur. Kita boleh buat kerana teknologi.

Jadi, saya fikir sama juga dengan masalah *incinerator* ini, buang sampah ini. Tetapi kalau gambaran yang diberikan seolah-olah bila hendak buat *incinerator* seperti kita hendak buat satu *nuclear plant* dan sebagainya yang menakutkan penduduk, memang sampai bila pun saya ingat tidak selesai. Jadi, dalam hal ini saya berharap kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh pemimpin NGO dan sebagainya sama-sama dapat memberikan satu gambaran yang positif. Kalau ada perkara-perkara yang mungkin menunjukkan kelemahan dari segi teknikal dan juga teknologinya, itu kita bersedia untuk menerima pandangan. Tetapi memberikan gambaran seolah-olah ini suatu yang terlalu menakutkan sehingga seperti akan berlaku satu peristiwa di Chernobyl dan sebagainya, tentulah rakyat yang tidak ada pengetahuan dan latar belakang mengenai perkara ini akan percaya dan akhirnya menentang segala usaha yang dibuat oleh kerajaan. Dahulu hendak dibuat di Kampung Bohol, Yang Berhormat Seputeh bermati-mati menentang. Bila kita tukar pula di Broga, pun dia menentang lagi. Saya pun tidak tahulah. Dari segi kementerian, walaupun projek di bawah kerajaan tempatan sebenarnya tetapi sebagai Jabatan Alam Sekitar yang bersama-sama memberikan pandangan, berasa memang agak sukar kalau begini sikap kita dan akhirnya masalah yang di Puchong, Serdang tidak akan selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, minta penjelasan lagi dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pusat Pelupusan Sampah yang diuruskan oleh Worldwide Landfill Sdn. Bhd. ini sebenarnya apa yang didapati bahawa pengurusannya tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Kalau dia mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, maka tidak ada bau busuk.

Oleh itu macam mana untuk mengatasinya dan juga minta sama ada *landfill* ini akan dipindahkan ke Broga pada masa akan datang? Sila beri penjelasan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Serdang. Di atas kenyataan Yang Berhormat ini saya fikir saya akan minta supaya Jabatan Alam Sekitar membuat siasatan sejauh manakah pelanggaran syarat yang telah dilakukan oleh Worldwide Landfill Sdn. Bhd. dan apakah tindakan-tindakan yang patut kita jalankan. Jadi mungkin ada surat daripada Yang Berhormat yang telah pun dijawab oleh pihak Jabatan Alam Sekitar di tangan beliau. Kalau ini masih belum memuaskan hati

dan yang penting apakah tindakan yang dapat mengatasi masalah ini. Ini saya rasa kita akan sama-sama laksanakan.

Menyentuh soal pencemaran di kawasan-kawasan bekas lombong yang disebut, saya juga berharap supaya Jabatan Alam Sekitar peringkat Federal dan juga negeri akan sama-sama bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan di sana untuk bersama-sama mengatasi masalah ini.

Berkaitan dengan pencemaran air juga, ini juga satu perkara yang telah begitu agak lama berlaku di kawasan khususnya di Lembah Klang oleh kerana kadar pembangunan yang berlaku dari segi perumahan dan perindustrian maka menyebabkan sebahagian daripada masalah pencemaran air berlaku dan kawasan-kawasan *intake* sungai yang dilaksanakan oleh Puncak Niaga dan sebagainya terganggu banyak kali di mana *siltng* masuk ke dalam kawasan sungai ini dan pam terpaksa diberhentikan.

Jadi, ini juga perkara yang kita harap mendapat kerjasama daripada pemaju, pihak industri untuk sama-sama melihat perkara ini di samping usaha pengawasan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang telah membangkitkan beberapa perkara khususnya berkaitan dengan SIRIM dan Kaji Cuaca. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, pewujudan '*Inventique Jaya*' yang merupakan suatu *joint-venture company* adalah untuk melaksanakan *Research and Development (R&D)*, dengan izin, dalam bidang-bidang tertentu. Manakala SIRIM sebagai *focal point* mempunyai tugas untuk *match-making* dan sebagainya, menemukan antara pihak penyelidik dengan orang yang ingin menggunakan teknologi yang telah ditemui, hasil daripada *Research and Development*, dengan izin, dari badan-badan seperti '*Inventique Jaya*' dan universiti dan sebagainya dengan pihak industri. Jadi, sebenarnya kita memang dari satu segi mahukan SIRIM ini sebagai *focal point* ataupun satu badan yang merupakan badan yang memainkan peranan yang penting dalam usaha-usaha penyelidikan bidang *machineries* dan juga banyak bahan-bahan lain yang telah dilaksanakan oleh SIRIM selama ini.

Manakala penubuhan ataupun pewujudan badan-badan seperti '*Inventique Jaya*' dan sebagainya kita harapkan dia sebagai satu badan yang merupakan *supplement* untuk menyokong kerana kita memang menggalakkan penubuhan banyak lagi badan-badan penyelidikan dan pengajian yang dapat diwujudkan oleh pihak-pihak swasta dan persendirian dalam negara ini.

Jadi, kita tidak berharap hanya kepada SIRIM. Sebab itu kita juga ada Technology Park Malaysia (TPM) yang juga sebahagian daripada kerjanya membuat penyelidikan dan kajian-kajian tentang perkara tertentu. Jadi, ini semua adalah bertujuan untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha kita di dalam bidang R&D di negara kita ini.

Cuma ada satu perkara tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi iaitu usaha seorang pengusaha yang telah dapat menciptakan sesuatu. Mungkin bukan dia seorang, ada lagi. Dahulu ada seorang pengusaha - saya ingat di Batu Caves, kalau tak salah saya. Dia boleh buat macam-macam mesin yang agak pelik-pelik jugalah.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini apakah peranan yang boleh dimainkan oleh SIRIM ataupun kerajaan untuk membantu, mungkin tidak di bawah SIRIM tetapi mereka boleh mendapat sokongan dan bantuan daripada mereka, katalah Kementerian Pembangunan Usahawan dan sebagainya, sekiranya perlu, dan untuk SIRIM mendekati mereka dan membantu mereka, ini saya tak dapat hendak memberikan satu jawapan yang dikatakan ya atau tidak tetapi kita akan melihatlah bagaimana kita boleh membantu supaya usaha-usaha bersendirian seperti ini juga boleh digalakkan.

Mengenai dengan kaji cuaca yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi, sebenarnya Jabatan Kaji Cuaca sentiasa membuat pemantauan dan pengawasan. Hujan lebat yang turun baru-baru ini di Perlis, Kedah ataupun di Pulau Pinang di sebelah utara pada awal bulan Oktober ini adalah disebabkan oleh ribut yang datang dari Lautan Hindi, pertukaran angin.

Jabatan Kaji Cuaca mengawasi keadaan cuaca di seluruh negara 24 jam sehari sebenarnya. Dalam tempoh 1 hingga 6 Oktober, Jabatan Kaji Cuaca telah mengeluarkan sebanyak 12 kali amaran cuaca buruk sebenarnya kepada kerajaan negeri dan agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan banjir. Sebenarnya kita sudah buat. Amaran juga telah dihantar kepada *mass media* termasuk TV dan radio dan amaran ini boleh juga didapati dari laman web jabatan.

Di samping itu, Jabatan Kaji Cuaca telah mengeluarkan dua amaran angin kencang dan laut bergelora dalam tempoh tersebut. Tetapi kadangkala atau kemungkinan orang ramai yang mungkin tidak begitu mengikuti kerana di.....

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Dato' Zainal bin Dahalan: minta maaf, ya. Nanti sekejap. Kerana di negara kita ini masalah cuaca kita ini lebih kurang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tebrau bangun.

Dato' Zainal bin Dahalan: saya hendak habiskan. Masa pun agak singkat, Yang Berhormat, ya. Kerana kepekaan dari segi cuaca di negara kita ini berbeza dengan keadaan di Barat atau di Eropah. Di sana keadaan cuaca itu memang begitu drastik sementara kita di sini, antara hujan, panas itu bak kata orang lebih kurang sama sahaja.

Jadi, mereka kadang-kadang menganggap ataupun, dengan izin, *take for granted* bahawa kita tidak menjangka hujan yang begitu lebat yang boleh dikatakan luar biasa berlaku dan ini berlaku dalam satu jangka masa yang boleh dikatakan 30 tahun atau 50 tahun sekali. Misalnya banjir besar di Kuala Lumpur dahulu tahun 1971, saya masih ingat lagi, tetapi baru-baru ini berlaku juga, tetapi dalam satu jangka masa yang tertentu dia punya pusingan itu memang sampai. Yang ini, kita pun kalau diberi amaran macam mana pun agaknya, saya tidak tahulah banyak mana yang boleh terselamat. Tetapi saya tidak meragui pula bahawa usaha ini akan dapat membantu meringankan masalah tersebut.

Jadi, saya kira dalam hal ini mungkin kaedah penerangan atau cara penerangan yang lebih menarik macam Yang Berhormat kata tadi macam CNN dan sebagainya, saya pun mengikuti kalau dapat kita wujudkan supaya penerangan lebih awal mungkin dapat cuba kita sampaikan tindakannya untuk jangka masa katalah hari ini dan esok misalnya. Mungkin dalam masa kalau dapat lebih panjang lebih baik.

Jadi, dalam hal ini saya katakan bahawa apa yang berlaku ialah pusingan yang berlaku dalam satu tempoh masa yang saya sebutkan tadi berlaku sekali sekala yang kita pun tidak dapat hendak menjangkakan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya, Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini tentang ramalan kaji cuaca, Timbalan Menteri. Saya difahamkan di kawasan saya tidak hujan berlaku. Tiba-tiba hujan lebat. Saya pun siasat apa pasal Kaji Cuaca ini ramalan dia tidak betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak tepat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tak tepat. Saya *check* ini, rupanya di padang golf ini sudah pakai pawang. Dia alih hujan, hujan itu sudah pergi ke kawasan rumah saya. Adakah tak undang-undang ini untuk ambil tindakan pawang yang mengalih hujan ini? Ya, macam mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada hilang mengantuk punya.

Dato' Zainal bin Dahalan: Ini masalah khusus yang terpaksa kita bincang di luar Dewanlah, Yang Berhormat. [Dewan riuh] Kadang-kadang orang tak sebut pawang, dia sebut "pakar kaji cuaca". Bukan sahaja di padang golf, kadang-kadang di majlis-majlis tertentu pun kita terpaksa berusaha.

Namanya sahaja "Ramalan Kaji Cuaca". Jadi tidak semestinya 100% tepat. Nama sahaja "Ramalan Kaji Cuaca" tetapi bila dah mendung hitam itu biasanya hendak hujanlah. Saya kira dalam al-Quran pun ada sebut ada lima perkara yang Allah S.W.T. sahaja yang tahu, antaranya ialah bila hari hendak hujan. Saya ingat Yang Berhormat Kuala Kedah pun arif tentang perkara ini.

Jadi Yang Berhormat, saya teruskanlah oleh kerana....

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Zainal bin Dahalan: Nantilah, kalau ada masa lagi, saya akan bagilah. Mengenai, kaji cuaca?

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa adalah penting makluman cuaca ini diberikan kepada rakyat khususnya pada masa banjir kerana baru-baru ini rumah saya pun dimasuki air dan saya tidak pasti sama ada pada waktu malam, adakah air akan naik dengan begitu cepat. Jadi adalah penting kalau saya hendak tahu ataupun di CNN, ia telah memberi makluman lebih awal dua, tiga hari yang mengatakan akan ada hujan lebat tetapi Pejabat Kaji Cuaca kita ini tidak ada beri amaran. Dan juga pada waktu banjir pun tidak diberi apa-apa maklumat sama ada cuaca bagaimana ataupun yang bukan mengikuti melalui berita sahaja tetapi adakan satu masa khas untuk memberi makluman itu.

Ada satu kartun di dalam *newspaper*, setelah banjir naik tiga kaki, baru ada ramalan cuaca yang memberi amaran supaya rakyat patut berhati-hati kerana mungkin ada banjir. Saya rasa ini sudah terlambatlah. Jadi saya harap pada masa yang akan datang, maklumat ini boleh diberikan kepada rakyat, khususnya mereka yang di kawasan banjir supaya kita semua boleh tahu apa kita patut buat. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menafikan kalau kata kita tidak bagi amaran. Kita sudah sebut tadi Jabatan Kaji Cuaca memantau 24 jam dan kita telah pun memberi amaran kepada kerajaan negeri dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan dengan bencana banjir termasuk kepada *mass media*, televisyen dan radio. Di samping itu, Jabatan Kaji Cuaca telah mengeluarkan dua amaran angin kencang di laut dalam tempoh tersebut tetapi itulah seperti saya sebut tadi, kadang-kadang benda ini mungkin kita pun tidak menjangka bahawa hujan begitu lebat turun pada satu-satu ketika kerana seperti yang saya sebut tadi, pusingan yang mungkin berlaku.

Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat itu kita ambil serius supaya pihak jabatan akan cuba bersama-sama melihat dan mengkaji, bagaimanakah kaedah pemberi makluman ini dapat kita mempertingkatkan kerana dengan itu mungkin kita dapat menyelamatkan lebih banyak nyawa khususnya dan harta benda amnya tetapi kalau sudah *beyond* kata orang itu, *beyond our power and capability* untuk menghadapi masalah banjir ini kita pun cuma berusaha untuk menghalang kenaikannya...

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Wangsa Maju.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat. Saya pun sudah..., ini....

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dengar tadi Ahli Parlimen bagi Bukit Mertajam bertanyakan soalan tentang cuaca. Saya pun ada tahu sedikit-sedikit tentang cuaca ini. Saya cadangkan kepada kementerian untuk memberi maklumat kepada semua Ahli Parlimen, fenomena dan cara hujan boleh berlaku. Dengan itu mereka akan faham kenapa satu tempat ada hujan, satu tempat tidak hujan dan juga macam mana kita ada hujan di sini – di Asia Tenggara - yang mungkin kita tidak boleh ramal dengan tepat dan macam mana kita boleh ramalkan hujan dan cuaca di Eropah. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju. Kita akan berusaha untuk memaklumkan perkara tersebut kepada Ahli-ahli Parlimen. Mungkin dalam taklimat kementerian nanti, bolehlah dibangkitkan perkara ini secara lebih khusus.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya kepada Bukit Bintang perkara yang berkaitan dengan hujan. Sebenarnya saya tidak perlu ulas lagi, cuma dari segi pencemaran tadi juga telah disebut, memang satu daripada penyumbang kepada pencemaran udara ialah asap hitam dan kenderaan diesel dan sebagainya. Usaha-usaha sebenarnya telah dan sedang dijalankan.

Berkaitan dengan “Apakah JAS akan mengumumkan indeks pencemaran udara”, buat masa ini JAS tidak membuat pengumuman tersebut. JAS memberi makluman kepada orang ramai tentang kualiti udara seperti keadaan baik, sederhana atau tidak sihat seperti yang kita lakukan sekarang.

Seterusnya dari segi Zoo Negara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Ini juga satu program di mana kerajaan bercadang untuk membina sebuah lagi zoo yang baru dengan konsep dan juga teknologi yang baru di kawasan berhampiran dengan Sepang Airport tetapi masih lagi dalam peringkat kajian. Jadi untuk sementara itu, kita hanya akan dapat untuk cuba memperbaiki keadaan-keadaan yang mungkin terlalu buruk yang berlaku di kawasan Zoo Negara di Hulu Klang.

Dan juga oleh kerana mungkin jumlah pengunjung yang datang mengikut musim, sebab itulah dari segi pendapatan pun kita tidak dapat hendak terus bergantung kepada pendapatan daripada kutipan tetapi bergantung kepada peruntukan dan bantuan kerajaan menerusi kementerian yang disalurkan kepada pentadbiran zoo untuk menjalankan dan mentadbirkan Zoo Negara di Hulu Klang pada masa ini.

Mengenai dengan saintis Malaysia yang berada di luar negara yang kita umumkan tempoh hari untuk diberikan insentif kepada saintis-saintis luar negara agar kembali berkhidmat di tanah air, memang telah ada tetapi secara *detail* saya tidak dapat berikan pada masa ini. Mungkin saya boleh berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Walau bagaimanapun, seperti yang saya pernah jawab dalam Parlimen ini juga bahawa dibandingkan dengan pulangan insentif yang terdapat di negara-negara lain, memanglah masih lagi agak berkurang. Jadi oleh sebab itu kita cuba mewujudkan satu kawasan seperti Cyberjaya dan sebagainya, di mana satu keadaan untuk memberikan satu suasana kerja yang lebih kondusif dapat diwujudkan dan ini akan menarik minat kepada saintis untuk kembali dan berkhidmat di negara ini.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan konservasi alam sekitar yang merupakan satu daripada program yang dijalankan dan beliau menyatakan berkenaan dengan Deklarasi Langkawi yang telah diumumkan. Setakat ini, beberapa pencapaian telah pun dicapai di dalam program-program yang dilaksanakan menerusi pembentukan ataupun pewujudan dasar-dasar alam sekitar yang telah diwujudkan di negara kita. Ini adalah di antara perkara yang dihasilkan ataupun tindakan-tindakan yang diambil daripada keputusan Deklarasi Langkawi yang telah dipersetujui.

Di antara pencapaian yang telah dapat kita capai ialah bilangan sungai bersih telah meningkat sejak dua tahun kebelakangan, tahap kualiti udara di kebanyakan masa sepanjang tahun juga adalah masih baik, bahan buangan toksik yang berbahaya kini diuruskan dengan sempurna dengan satu kemudahan yang telah dibina iaitu di Negeri Sembilan dan sebagainya. Kita harap usaha-usaha akan terus dijalankan berlandaskan kepada pelan-pelan tindakan daripada Dasar Alam Sekitar Kebangsaan yang telah pun diwujudkan.

Berkaitan dengan Environmental Master Plan dan juga Central Treatment Plan, ini mungkin dapat dikorporatkan dengan *zoning plan* dan juga *local plan* yang memang hari ini telah menjadi sebagai satu dasar di mana setiap kawasan PBT harus mempunyai pelan-pelan tersebut. Jadi haruslah dimasukkan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah-masalah penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan Sungai Skudai dan juga beberapa kawasan lain yang telah disebut, tindakan-tindakan akan kita ambil bersama-sama dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan juga pihak berkuasa tempatan.

Saya mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat mengenai dengan penggunaan beg plastik iaitu *degradable plastic bag* iaitu beg plastik yang boleh hancur. Sebenarnya pihak swasta seperti Carrefour telah pun memulakan program ini di mana mereka menggunakan beg-beg plastik yang boleh hancur dalam jangka masa lebih kurang tiga tahun berbanding dengan beg plastik yang kita gunakan sekarang yang boleh dikatakan tidak akan hancur sehingga beratus-ratus tahun. Jadi ini perlu juga kepada kerjasama dan kesedaran daripada orang ramai untuk kita memulakan program ini dan kita harap pihak-pihak seperti *shopping centers, malls* dan sebagainya, dapat bekerjasama memperkenalkan dan menggunakan beg-beg yang dikatakan boleh musnah ini.

Dan akhir sekali saya ingin menyentuh secara ringkas perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh mengenai SMART. Saya rasa saya telah menjawab soalan ini, jadi saya tidak perlu ulang.

Cuma dalam perkara yang berkaitan dengan persijilan ISO 9000, badan-badan persijilan perlu mendapat akreditasi dari Jabatan Standard Malaysia untuk menentukan bahawa badan-badan ini berwibawa dan *competent* untuk menjalankan persijilan. Setakat ini Department of Standards, Malaysia (DSM) telah mengakreditasikan tiga badan persijilan dan DSM sementara kepada kegiatan badan-badan ini dalam memberi perkhidmatan mengikut standard antarabangsa.

Perkara yang ditekankan dalam skim akreditasi adalah *competency* badan-badan persijilan ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini akreditasi adalah tidak mandatori. Dengan demikian, bukan kesemua badan persijilan diakreditasikan oleh Jabatan Standard Malaysia. Persijilan sesuatu badan ataupun organisasi syarikat juga berdasarkan kepada skop-skop persijilan yang dipohon oleh syarikat-syarikat. Skop ini menentukan bidang dan juga skop yang dipersijilkan dan kemungkinan tidak meliputi kesemua skop perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat tersebut...

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Dato' Zainal bin Dahalan: Jabatan Standard Malaysia juga telah menjadi *signatory* kepada Multilateral Recognition Agreement (MRA) di peringkat serantau dan juga antarabangsa dan DSM telah dinilai oleh penilai dari negara-negara Pasifik lain dan telah mengesahkan *competency* DSM untuk

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri,

Dato' Zainal bin Dahalan: ...menjalankan akreditasi bagi badan-badan persijilan yang menjalankan persijilan ISO 9000.

Seterusnya kita ingin menyatakan bahawa apa yang dijalankan oleh SIRIM tidaklah bercanggah dengan undang-undang negara. Walau bagaimana pun, pengeluaran sijil ISO kepada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Dato' Zainal bin Dahalan:sesuatu entiti tidak dikecualikan daripada mematuhi undang-undang negara. Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya faham penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat tetapi sebab yang saya membangkitkan isu ISO 9000 ini sekali lagi ialah bagi orang ramai mereka hanya melihat label "ISO 9000, ISO 9002". Mereka ingat itu adalah pengiktirafan bagi syarikat atau institusi itu paling baik dan mereka tidak mengkaji ISO – skop mana, bidang mana. Perkara ini yang selalu menyebabkan sesetengah orang tertipu. Inilah tujuan saya membangkitkan perkara ini.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak SIRIM ataupun kementerian, mungkin semasa SIRIM menganugerahkan persijilan ISO 9000 ini kepada mana-mana institusi atau syarikat, mereka mungkin perlu juga melihat bidang dan juga skop tugas yang lain... [*Ahli-ahli Backbenchers menyampuk*] Saya tahu *backbenchers* ini semuanya hendak balik dan tidak serius terhadap isu ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Itulah sebabnya Parlimen dan juga Barisan Nasional masih belum dapat ISO 9000.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Kita akan mengambil makluman di atas perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh selesaikan dalam 10 minit?

Dato' Zainal bin Dahalan: Boleh, boleh. Sebenarnya sudah habis, Tuan Pengerusi. Jadi, dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh itu kita ambil ingatan dan kita akan cuba memastikan bahawa semua persijilan, akreditasi dan dan sebagainya yang dijalankan, akan dapat mengikuti syarat-syarat dan seboleh-bolehnya mengelakkan daripada pertikaian ataupun keraguan oleh mana-mana pihak.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja penjelasan yang dapat saya sampaikan. Mana-mana perkara yang tidak dapat disentuh, saya akan minta supaya pihak kementerian, jabatan-jabatan dan agensi tertentu untuk mengambil catatan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM430,429,900 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM430,429,900 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM933,215,200 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM933,215,200 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, minggu hadapan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.46 malam.

Ada Pembedulan:

Kandungan	55 - 57
viii	62 - 63
3 - 6	66
10 - 11	68
13	71 - 72
15 - 26	76 - 77
28, 30	79
32 - 35	81 - 84
37 - 38	87
42 - 43	
46 - 49	

Tiada Pembedulan:

Muka depan	58 - 61
i - vii	64 - 65
1 - 2	67
7 - 9	69 - 70
12	73 - 75
14	78
27, 29	80
31	85
36	88 - 89
39 - 41	
44 - 45	
50 - 54	